

Sarjana Muda

- **SASTERA**
- **SAINS KEMASYARAKATAN**
- **SAINS**
- **PENGURUSAN**

BUKU PANDUAN SIDANG AKADEMIK 2022/2023



PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
School of Distance Education
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BUKU PANDUAN SIDANG AKADEMIK 2022/2023

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Wawasan dan Misi USM	ii
Wawasan dan Misi PPPJJ	iii
Carta Organisasi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	iv
Pegawai Pentadbiran Utama PPPJJ	v
Staf Akademik	vi - xxiii
Staf Pentadbiran	xxiv - xxv
Staf Pelaksana	xxvi - xxvii
1.0 MAKLUMAT RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH	1 - 5
1.1 Pengenalan	
1.2 Objektif	
1.3 Rancangan Ijazah yang Ditawarkan	
1.4 Jangka Masa Pengajian	
1.5 Sistem Pengajian	
1.6 Yuran	
2.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	5 - 6
2.1 Aktiviti Pembelajaran	
2.2 Kemudahan Perpustakaan	
3.0 SISTEM AKADEMIK	6 - 10
3.1 Takrifan	
3.2 Maklumat Pendaftaran Kursus	
4.0 SISTEM PEPERIKSAAN	10 - 18
4.1 Penilaian Kursus dan Peperiksaan Akhir	
4.2 Tempoh Peperiksaan Akhir	
4.3 Halangan Menduduki Peperiksaan	
4.4 Sistem Purata Nilai Gred (PNG)	
4.5 Arahan/Peraturan Peperiksaan	
4.6 Pusat Peperiksaan Wilayah	
4.7 Pengeluaran Slip Peperiksaan	
4.8 Kelayakan Mengambil Peperiksaan	
4.9 Jadual Waktu Peperiksaan Akhir	
4.10 Penalti Tidak Menduduki Peperiksaan	
4.11 Peperiksaan Tambahan/Kursus Semasa Cuti Panjang	
4.12 Penyemakan Semula Kertas Peperiksaan	
4.13 Mengulangi Kursus	
4.14 Taraf Akademik	
4.15 Keputusan Peperiksaan	
5.0 STRUKTUR PENGAJIAN	18 - 21
5.1 Struktur Kursus	
5.2 Kursus Universiti	
5.2.1 Kursus Bahasa	
5.2.2 Kursus-Kursus Universiti Lain	
5.3 Pengecualian Kredit	
5.4 Pemindahan Kredit	

PERKARA		MUKA SURAT
6.0	SYARAT PENGIJAZAHAN	21
7.0	PERTUKARAN RANCANGAN PENGAJIAN	22
8.0	HAL-HAL LAIN	22 - 23
	8.1 Portal Campus Online	
	8.2 Portal e-Pembelajaran PPPJJ	
	8.3 Perisian e-Pos	
	8.4 Pusat Wilayah	
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)		24 - 52
	Latarbelakang	25
	Struktur Rancangan	
	Pendaftaran Kursus	
	Kursus Teras Asas	
	Kursus Teras Bidang	
	Kursus Elektif	
	Kursus Minor	
	Kursus Universiti	
	Bahagian Kesusasteraan	30
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
	Bahagian Sejarah	39
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
	Bahagian Geografi	49
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEMASYARAKATAN (KEPUJIAN)		53 – 81
	Latarbelakang	54
	Struktur Rancangan	
	Pendaftaran Kursus	
	Kursus Teras Asas	
	Kursus Teras Bidang	
	Kursus Elektif	
	Kursus Minor	
	Kursus Universiti	
	Bahagian Antropologi-Sosiologi	60
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
	Bahagian Sains Politik	69
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
	Bahagian Ekonomi	78
	Senarai Kursus	
	Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	

PERKARA	MUKA SURAT
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN)	82 - 115
Latarbelakang	83
Struktur Rancangan	
Pendaftaran Kursus	
Kursus Teras Asas	
Kursus Teras Bidang	
Kursus Elektif	
Kursus Minor	
Kursus Universiti	
Bahagian Biologi	89
Senarai Kursus	
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
Bahagian Matematik	99
Senarai Kursus	
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
Bahagian Fizik	108
Senarai Kursus	
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
Bahagian Kimia	112
Senarai Kursus	
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN (KEPUJIAN)	116 - 140
Latarbelakang	117
Struktur Rancangan	
Pendaftaran Kursus	
Kursus Teras Asas	
Kursus Teras Bidang	
Kursus Elektif	
Kursus Minor	
Kursus Universiti	
Senarai Kursus	
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	
KURSUS UNIVERSITI	141 - 148
Senarai Kursus	142
Sinopsis Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus	



WAWASAN DAN MISI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

WAWASAN

Transformasi Pendidikan Tinggi untuk
Kelestarian Hari Esok

MISI

USM merupakan universiti perintis,
intensif penyelidikan rentas bidang yang
memperkasakan bakat masa depan
dan mengupayakan golongan terkecuali
demi mentransformasi kesejahteraan
sosioekonomi mereka



WAWASAN DAN MISI

PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH


WAWASAN

Menerajui, menginovasi dan meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang serta merentas disiplin melalui pendekatan pendidikan secara jarak jauh dan konvensional untuk kelestarian hari esok

MISI

PPPJJ akan sentiasa memperkasakan perkhidmatan akademik dari segi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, penjaringan di peringkat nasional dan antarabangsa, perundingan dan pentadbiran yang berkualiti tinggi serta sedia berkhidmat kepada masyarakat melalui komitmen yang menyeluruh daripada semua kakitangan demi merealisasikan misi universiti

CARTA ORGANISASI PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH



PEGAWAI PENTADBIRAN UTAMA PPPJJ



DEKAN

Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob
zulnaidi@usm.my



TIMBALAN DEKAN

(AKADEMIK, KERJAYA & ANTARABANGSA)

Dr. Hazrul Abdul Hamid
hazrul@usm.my



TIMBALAN DEKAN

(PENYELIDIKAN, INOVASI & LIBATSAMA INDUSTRI-KOMUNITI)

ChM. Dr. Sumiyah Sabar
sumiyahs@usm.my



TIMBALAN DEKAN

(PENGELUARAN & SISTEM SOKONGAN)

Dr. Chua Hang Kuen
hkchua@usm.my

GEOGRAFI



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Nik Norliati Fitri Md Nor
B.A., M.A., Ph.D (USM)
[Penduduk, Demografi, Ekonomi dan Pembangunan]
nikfitri@usm.my



Dr. Izham Mohamad Yusoff
B.Sc., Ph.D (UTM)
[GIS, 3D-GIS, Permodelan Data Spatial, Permodelan Larian Air Hujan, Kartografi]
izham@usm.my



Dr. Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid
B.A, M.A, Ph.D (USM)
[Kajian Bandar dan Wilayah, Pembangunan Komuniti, Pemerksaan Wanita & Kajian Kemiskinan]
masayurashid@usm.my

STAF AKADEMIK

KESUSASTERAAN



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Chow Sheat Fun
B.A. (Ed.) (Hons), M.A., Ph.D (USM)
*[Kesusasteraan Pasca Kolonial, Asia dan
Asia Amerika dan Kritikan Feminis]*
sfchow@usm.my



Dr. Mohamed Nazreen Shahul Hamid
B.A (Hons), M.A., PhD (USM)
*[Teori dan Kritikan Sastera, Kesusasteraan, Budaya dan Media,
Penulisan Kreatif]*
nazreen@usm.my



Dr. Roslan Chin
B.A (Ed.) (Hons) (UPM)
M.A. (USM)
Ph.D (UPSI)
Ph.D (USM)
*[Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Pengajaran Bahasa Malaysia,
Pendidikan, Program Pemulihan Khas]*
roslan.chin@usm.my



Dr. Jacqueline Karimon
B.A (Hons) (UMS)
M.A, Ph.D (UKM)
[Sastera Lisan]
jacquelina@usm.my

STAF AKADEMIK

SEJARAH



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Low Choo Chin
B.A (Ed.) (Hons), M.A. (USM)
Ph.D (Melbourne)
[Dwi-kerakyatan, Migrasi, dan Diaspora]
lowc@usm.my



Dr. Ahmad Dzulfahmi Muhamad
B.A. (Hons), M.A. (UM)
Ph.D (UTM)
[Sejarah dan Politik Asia Barat Modern, Sejarah Malaysia]
dzulfahmi@usm.my



Dr. Ku Boon Dar
B.A. (Hons.) (USM)
M.A., Ph.D (UM)
[Sejarah China, Sejarah Asia Tenggara]
kubd@usm.my



Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor, B.K.M.
B.A. (Hons), M.A. (USM)
Ph.D (UM)
[Sejarah Asia Tenggara, Sejarah Perbandingan, Sejarah Politik]
muzammil@usm.my

STAF AKADEMIK

SEJARAH



Dr. Norizan Kadir
B.Ed. (Hons) (UPSI)
Ph.D (UM)
*[Sejarah Filipina, Sejarah Malaysia, Pemikiran Islam
di Asia Tenggara]*
norizan.kadir@usm.my



Dr. Sah-Hadiyatan Ismail
Cert Ed. (MPTAA)
B.Ed. (Hons), M.A. (USM)
Ph.D (Queensland)
[Sejarah Diplomatik Amerika Syarikat]
sah.ismail@usm.my

ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Khauthar Ismail
B.Sc. (Hons), M.Sc. (UIA), Ph.D. (GU)
[Etnik, Pasca-kolonial dan Urban Sosiologi]
khautharism@usm.my



Dr. Bok Guat Im
B.Soc. Sc. (Hons) (USM)
M.Soc. Sc. (UKM)
Ph.D. (UNSW)
[Hubungan Sosial, Identiti dan Alienasi]
guatim@usm.my



Dr. Chua Hang Kuen
B.Sc (HBP) (Hons) (USM)
M.Soc. Sc. (USM)
Ph.D (La Trobe, Melbourne)
[Kajian Gender dan Seksualiti, Minoriti Sosial]
hkchua@usm.my



Dr. Siti Nor Awang
B.A. (Hons), M.A. (UM)
Ph.D. (Hull)
[Antropologi Sosial, Ethnografi, Migran, Perkahwinan, Kekeluargaan]
sitinora@usm.my

ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI



Dr. Zurina Mohd Radzi
B.A (Hons) (UM)
M.A (UKC, UK)
Ph.D (USM)
[Antropologi Sosial, Migrasi, Kajian Gender]
zurina_radzi@usm.my



Puan Soijah Likin
B.A. (Hons) (Univ. Indonesia),
M.Soc. Sc. (USM)
*[Perubahan Sosial, Antropologi Sosial,
Perubahan Sosial & Budaya, Migrasi]*
soijah@usm.my

STAF AKADEMIK

EKONOMI



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Norhanishah Mohd Yunus
B.Econs. (Hons), M.Econs (UKM)
Ph.D (UPM)
*[Ekonomi Buruh, Ekonomi Pembangunan dan
Perdagangan Antarabangsa]*
norhanishah@usm.my



Dr. Fazlina Sahul Hamid
B.Sc. Bus. Admin (Missouri)
MBA (USM)
M.Sc. Money and Banking, Ph.D (Exeter)
[Wang dan Perbankan, Ekonometrik, Tingkah laku Kewangan]
fazlina@usm.my



Dr. Radziah Adam
B.Sc. Bus. Econs (UEL)
M.A. Econs, Ph.D (UKM)
[Ekonomi Antarabangsa]
radziah_adam@usm.my



Dr. See Kok Fong
B.Econs, M.Econs (UKM)
Ph.D (Queensland)
[Ekonomi Industri, Ekonomi Tenaga]
kfsee@usm.my

STAF AKADEMIK

SAINS POLITIK



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Faridah Jaafar
B.A. (Hons) (UNHAS)
M.A., Ph.D (UM)
[Malaysia dan Hubungan Antarabangsa, Dasar Luar Malaysia, Komparatif Dasar Luar, Personaliti dan Pemikiran Politik]
faridahjaafar@usm.my



Profesor Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid
B.A., M.A. (Oxford)
M.A.(Leeds)
Ph.D (Newcastle upon Tyne)
[Politik Islam, Politik Pembangunan, Ekonomi Politik Malaysia]
afauzi@usm.my



Dr. Low Yong San, B.S.K., P.J.K
B.Sc., M.Sc. (UPM)
Ph.D (UM)
[Penyertaan Politik Etnik Minoriti, Politik Asia Tenggara]
yslow@usm.my



Dr. Saiyid Radzuwan Syed Sopi
B.A (Hons) (Bunkyo Univ, Jepun)
M.A , Ph.D (UKM)
[Politik Jepun (Parti Politik) dan Budaya Politik]
pbsaiyid@usm.my

STAF AKADEMIK

SAINS POLITIK



Dr. Wan Asna Wan Mohd. Nor
B.Sc., M.Sc. (Florida State)
Ph.D (Hull)
[Politik Masyarakat Majmuk, Wanita dan Politik]
wmnasna@usm.my



Dr. Nurulhasanah Abdul Rahman
B.A. (Hons), M.A., Ph.D (USM)
*[Pentadbiran Awam, Dasar Awam, Kajian Dasar,
Pemindahan Dasar, Kerajaan, Sains Sosial,
Penyelidikan Kualitatif]*
hasanahrahman@usm.my

STAF AKADEMIK

BIOLOGI



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Mohammad Tasyriq Che Omar
B.A. Sc.Istud. (Hons), M.Sc. (UM)
Ph.D. (USM)
[Kejuruteraan Antibodi, HIV-1/AIDS, Mikrobiologi]
mtasyriq@usm.my



Dr. Amirah Hurzaid
B.Sc. (Hons) (UM)
Ph.D (National Taiwan University)
*[Biologi Molekul, Sejarah Evolusi, Biogeografi,
Penerokaan Biodiversiti Invertebrata Marin]*
amirah@usm.my



Dr. Lim Lee Sim
B.Sc. (UTM)
M.Sc (UKM)
Ph.D (London)
[Genetik Pemuliharaan, Zoologi]
leesim.lim@usm.my



Dr. Norsuhana Abdul Hamid
B.Sc. (Hons) (UPM)
M.Sc., Ph.D (UKM)
[Makanan dan Pemakanan Hidupan Liar]
norsuhana@usm.my

STAF AKADEMIK

FIZIK



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Nurul Sabihah Zakaria
B.Sc. (Hons) (UPM)
M.Sc., Ph.D. (USM)
*[Instrumentasi Perubatan (Teknik Pengimejan),
Fizik Perubatan]*
nurulsabihah@usm.my



Profesor Dr. Shukri Sulaiman
B.Sc., M.Sc., Ph.D (SUNY Albany)
[Fizik Keadaan Pepejal (Computational)]
shukri@usm.my



Dr. Chuah Lee Siang
B.Sc. (Hons), Ph.D (USM)
[Fizik Keadaan Pepejal (Optoelektronik)]
chuahleesiang@usm.my



Dr. Nor Zakiah Yahaya
B.Sc. (Hons) (UPM)
M.Sc. (USM)
Ph.D (UPM)
[Makro Gelombang, Fizik Perubatan]
norzakiah@usm.my



Dr. Wan Nurfadhilah Zaharim
B.Sc. (Hons), M.Sc., Ph.D (USM)
[Fizik Keadaan Pepejal]
wannurfadhilah@usm.my

STAF AKADEMIK

KIMIA



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Tan Wen Nee
B.Sc. (Hons), Ph.D (USM)
MRC (UK)
MIC (Malaysia)
[Kimia Organik, Hasil Semulajadi]
tanwn@usm.my



Dr. Enis Nadia Md Yusof
B.Sc (Hons) (UNIMAS)
M.Sc (UPM)
Ph.D (UPM & The University of Newcastle, Australia)
MRACI (Australia)
MIC (Malaysia)
[Kimia Tak Organik, Kimia Koordinasi, Logam Peralihan, Kimia Perubatan]
enisnadia@usm.my



Dr. Gunasunderi Raju
B.Sc (Hons), M.Sc. (UPM)
Ph.D (USM)
MRSC (UK)
MIC (Malaysia)
[Kimia Polimer, Kimia Fizikal]
rgunasunderi@usm.my



Dr. Nurul Syafiqah Rezali
B.Sc. (Hons.), M.Sc. (UTM)
Ph.D. (UiTM)
MIC (Malaysia)
[Sintesis Organik- Kimia Heterosiklik, Pemencilan dan Pencirian Sebatian Semulajadi]
nsyafiqah@usm.my

STAF AKADEMIK

KIMIA



ChM. Dr. Sumiyah Sabar
B.Sc (UMT)
Ph.D (USM)
MRSC (UK)
MIC (Malaysia)
[Kimia Organik, Kimia Persekitaran]
sumiyahs@usm.my



Puan Anis Tasnim Md. Yusof
B.Sc. (Hons), M.Sc. (USM)
IEEE (USA)
[Kimia Fizikal]
anistasnim@usm.my

STAF AKADEMIK

MATEMATIK



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Mohd. Asyraf Mansor
B.Sc. Edu. (Hons), M.Sc., Ph.D (USM)
[Rangkaian Neural, Kaedah Berangka, Matematik Gunaan]
asyrafman@usm.my



Prof. Madya Dr. Lok Yian Yian
B.Sc. Ed., M.Sc., Ph.D (UTM)
*[Pemodelan Matematik Mekanik Bendalir dan
Pemindahan Haba]*
lokyy@usm.my



Dr. Hazrul Abdul Hamid
B.Sc. (Hons) (UPM)
M.Sc., Ph.D. (USM)
[Statistik Gunaan, Permodelan Pencemar Udara, Siri Masa]
hazrul@usm.my



Dr. Siti Ainor Mohd Yatim
B.Sc (Hons) (UiTM)
M.Sc (USM)
Ph.D (UPM)
[Analisis Berangka, Matematik Pengkomputeran]
ainor@usm.my



Dr. Wan Nur Aqlili Wan Mohd Ruzai
B.Sc. (Hons) (UIAM)
M.Sc. (UKM)
Ph.D (UPM)
[Kriptografi Bermatematik, Teori Nombor]
aqliliruzai@usm.my

STAF AKADEMIK

PENGURUSAN



PENGERUSI RANCANGAN

Dr. Norizan Baba Rahim
B. Banking Mgt (UUM)
MBA, PhD (USM)
[Pengurusan Sumber Manusia]
norizanbaba@usm.my



Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob
B.Acc (Hons), MAcc (UKM),
Ph.D (UUM), A.M. (M)
[Perakaunan Pengurusan dan Pengurusan Kualiti]
zulnaidi@usm.my



Dr. Che Supian Mohamad Nor
Dip. Acct. (UiTM)
B.Soc. Sc. (USM)
MBA (UUM)
DBA (USM)
*[Pengurusan Institusi Kewangan dan Pasaran,
Kewangan Korporat, Undang-Undang Perniagaan,
Kesan Penggabungan Bank Terhadap Kontrak Psikologi,
Komitmen Organisasi dan Niat Berkelakuan]*
supian@usm.my



Dr. Foong Swee Sim
BBA, M.Sc. Finance (UPM)
Ph.D (UM)
[Kewangan Korporat, Pengurusan Portfolio]
foongss@usm.my



Dr. Mohd. Faiz Hilmi
B.A. Bus. Admin (Washington State)
MBA (UUM)
DBA (USM)
[Pengurusan Teknologi & Inovasi]
faiz@usm.my

STAF AKADEMIK

PENGURUSAN



Dr. Muhammad Hasmi Abu Hassan Asaari
BSBA (Management) (Denver)
MBA (USM)
Ph.D (Hull)
*[Kepimpinan Akademik, Kepimpinan, Prestasi Individu,
Pengurusan Strategik]*
hasmi@usm.my



Dr. Nasina Mat Desa
BBA (UUM)
MBA, DBA (USM)
[Pengurusan Organisasi, Pengurusan Sumber Manusia]
nasina@usm.my



Dr. Norziani Dahalan@Omar
DBS (UiTM)
BBA (UUM)
MBA, Ph.D (USM)
[Keusahawanan dan e-Pembelajaran]
norziani@usm.my



Dr. Rafisah Mat Radzi
BBA (UKM)
M.Sc. (UUM)
Ph.D (UniSA, Adelaide)
Post-Doktoral (UNSW, Canberra)
[Kewangan Korporat, Kewangan Islam dan Pasaran Modal]
rafisah@usm.my



Dr. Siti Haslina Md. Harizan
B.Tech (Hons) (UTP)
MBA, Ph.D (USM)
*[Pemasaran Hijau, Perlakuan Pengguna,
Tanggungjawab Sosial Korporat]*
sitihaslina@usm.my

STAF AKADEMIK

PENGURUSAN



Dr. Wan Afezah Wan Abdul Rahman
BBA (Northwood)
M.Sc. (Central Michigan)
DBA (Lawrence Tech)
[Kepimpinan, Empati/Kecerdasan Emosi, Sumber Manusia]
afesah@usm.my



Dr. Zainil Hanim Saidin
BBA (Hons), (UiTM),
MBA, Ph.D (UUM)
*[Kualiti Perkhidmatan, Kualiti Hubungan, Kesetiaan Pelanggan,
Perkhidmatan Selepas Jualan Automotif]*
zainilhanimsaidin@usm.my



Dr. Zarina Md. Nor
B.Mgmt (Hons), MBA (USM)
Ph.D (RMIT, Melbourne)
[Kewangan Antarabangsa]
zarina.nor@usm.my

KURSUS UNIVERSITI



PENYELARAS

Dr. Siti Soraya Lin Abdullah Kamal
B. Ed. (Queensland/IPGM)
M. Ed. (UTM)
Ph.D (Sheffield)
[TESOL, Literasi ESL, Penglibatan Ibu Bapa, Kanan-kanak, Pendidikan Rendah, Etika, Penyelidikan Kualitatif]
sorayalin@usm.my



Dr. Nagaletchimee Annamalai
B.A. (UM)
M.A., Ph.D (USM)
[Bahasa dan Linguistik, Pembelajaran Atas Talian, TESL]
naga@usm.my



Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin
B.A., M.A., Ph.D (USM)
[Tamadun Islam dan Asia, Pengajian Islam, Hubungan Etnik]
abdullah@usm.my



Dr. Darwalis Sazan
B.A (Hons) (University of Sunderland)
M.A., Ph.D (USM)
[Analisis Wacana, Wacana Kritis, dan Fonetik dan Fonologi]
darwalissazan@usm.my



Dr. Siti Khadijah Mohamad
B. Comp Science, M. Ed, Ph.D (UTM)
[Teknologi Pendidikan]
sitikhadijahmohamad@usm.my

STAF PENTADBIRAN



Timbalan Pendaftar

Mohd Rashid Abdul Rejab
B.Comm, (Hons) (UiTM)
MPA (USM)
rashid_rejab@usm.my



**Penolong Pendaftar Kanan
(Pengurusan / Alumni)**

Nor Rafizah Hj. Md Zain
BBA (Hons) (UIA)
nor_rafizah@usm.my



**Penolong Pendaftar Kanan
(Sastera / Ijazah Tinggi)**

Nazira Zainal Abidin
B.Sc. (Hons), MBA (USM)
nazira_z@usm.my



**Penolong Pendaftar Kanan
(Sains / KPI)**

Iftitah Abdul Razak
B. Admin Science (Hons) (UiTM)
iftitah@usm.my



**Penolong Pendaftar
(Sains Kemasyarakatan / Kursus Universiti)**

Nurul Farhana Amir Hamzah
B.KM (Hons) (MMU)
farhanaah@usm.my

STAF PENTADBIRAN



Pegawai Penerbitan Kanan

Sahida Banu Salim
B.A (Hons) (USM)
sahidabanu@usm.my



Penerbit Rancangan Kanan

Ku Wadzer Ku Hamid
B.Comm. (Hons) (USM)
kuwadzer@usm.my



Pegawai Sains

Khairul Nisa' Baharun
B.Sc. (Forensic Sc.) (Hons) (USM)
khairulnisa@usm.my



Pegawai Sains

Afiqah Hassan
B.Sc. (Hons) (UiTM)
afiqahhassan@usm.my

STAF PELAKSANA

**Penolong Pegawai
Seni Reka Kanan**



Fridaos Yusoff

**Setiausaha Pejabat
Kanan**



Hanizza Mohamad Sani

Setiausaha Pejabat



Nor Haslina Khalid

**Pembantu Setiausaha
Pejabat**



Nurul Izzati Zaini

**Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat**



Iza Mazliyanti Ismail

Penolong Jurutera



Ahmad Muzhafarr
Abdul Hamid

Penolong Jurutera



Khairul Akmal Yahya

Pembantu Makmal Kanan



Mohd Rizuan
Ahmad Razali



Muhammad Hafiz
Othman



Imran Ismail



Khairul Nizam
Mohd. Fazmi

Pembantu Penerbitan Kanan

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Kanan



Rosli Mohd Yusof



Shafisalina Shafihi



Romiwati Abd. Samat



Noor Alif Asyraf Amran



Hery Hartini
Jamaludin

STAF PELAKSANA

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Kanan



Nor Ashikin
Zainol Abidin



Salwa Abdul Wahab



Nor Amelia Zainon



Noor Zuryanti
Umar Zuki

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)



Asmahani Md. Yusof



Fatin Izzati Ab. Razak



Gaitiri a/p Panirselvam



Nurul Alwani
Abd Hamid

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)



Muhammad Hafiz
Othman



Noorhafizah Hashim

Pembantu Operasi Pejabat



Md Yusni Yusop

Pembantu Operasi Pejabat (Kenderaan)



Mohd Hanizam
Abd Hamid

RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.0 MAKLUMAT RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.1 Pengenalan

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) yang pertama di Malaysia telah ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1971 dengan penawaran Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. Pada tahun 1973 Rancangan Sarjana Muda Sains pula ditawarkan diikuti dengan Rancangan Sains Pemulihan pada tahun 1978. Pada tahun-tahun berikutnya pemantapan proses pengajaran-pembelajaran (P&P) secara jarak jauh telah dilakukan dengan memperkenalkan pelbagai sistem yang bersesuaian dengan RPJJ. Antara sistem yang diperkenalkan ialah sistem pengurusan RPJJ secara berpusat dan bersendirian melalui penubuhan Pusat Pengajian Luar Kampus yang kemudiannya dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), pengwujudan kumpulan pensyarah teras penuh masa khusus untuk PPPJJ, penggunaan modul sendiri sebagai bahan asas P&P, pelaksanaan mod pengajian secara jarak jauh sepenuhnya tanpa keperluan menjalani tahun akhir di dalam kampus, pengenalan telesidang audio, telesidang audiografik, telesidang video, *video streaming*, portal e-Pembelajaran dan yang terkini ialah *web-conference*.

Pemantapan proses P&P dan juga pengurusan RPJJ disusuli dengan penawaran rancangan pengajian baharu pada pertengahan tahun 90'an. Tiga rancangan baharu yang ditawarkan itu ialah Rancangan Sarjana Muda Kejuruteraan pada tahun 1994, Rancangan Sarjana Muda Pendidikan pada tahun 1995 dan Rancangan Sarjana Muda Pengurusan pada tahun 1997. Seperti rancangan-rancangan sebelumnya, kesemua rancangan baharu yang ditawarkan adalah setara dengan rancangan yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. Penawaran Rancangan Sarjana Muda Pendidikan dan Sarjana Muda Kejuruteraan tidak lagi diteruskan mulai tahun 2000.

Sistem pengajian RPJJ adalah secara sidang akademik iaitu bermula pada bulan September/Oktober dan berakhir pada bulan Ogos/September tahun berikutnya. Pelajar yang berjaya memenuhi semua syarat pengijazahan akan dianugerahkan satu daripada Ijazah Sarjana Muda berikut:

1. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
3. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

1.2 Objektif

Objektif RPJJ adalah untuk:

- membolehkan pelajar dewasa yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan tinggi sepenuh masa dapat meneruskan pengajian separa masa hingga memperoleh kelayakan ijazah;
- memajukan daya pengeluaran pekerja yang telah mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan mereka;
- menawarkan satu program yang lebih menarik kepada masyarakat yang sedang bekerja;
- mengenengahkan program yang mempunyai daya saing kepada program-program jarak jauh (atau yang seumpamanya) yang ditawarkan oleh institusi lain;
- memanfaatkan dan mencerminkan kemajuan teknologi dan kemajuan lain yang berkait dengan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh di USM.

1.3 Rancangan Ijazah Yang Ditawarkan

Rancangan Ijazah yang ditawarkan oleh PPPJJ ialah:

RANCANGAN	MAJOR	PILIHAN MINOR	
		DALAM RANCANGAN	LUAR RANCANGAN
Sarjana Muda Sains (Kepujian)	Biologi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Fizik ▪ Kimia ▪ Matematik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik ▪ Geografi ▪ Kesusasteraan ▪ Sejarah ▪ Pengurusan
	Matematik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Biologi ▪ Fizik ▪ Kimia 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik ▪ Geografi ▪ Kesusasteraan ▪ Sejarah ▪ Pengurusan
Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)	Antropologi dan Sosiologi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Biologi ▪ Fizik ▪ Kimia ▪ Matematik ▪ Geografi ▪ Kesusasteraan ▪ Sejarah ▪ Pengurusan
	Sains Politik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Biologi ▪ Fizik ▪ Kimia ▪ Matematik ▪ Geografi ▪ Kesusasteraan ▪ Sejarah ▪ Pengurusan
Sarjana Muda Sastera (Kepujian)	Kesusasteraan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Geografi ▪ Sejarah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Biologi ▪ Fizik ▪ Kimia ▪ Matematik ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik ▪ Pengurusan
	Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Geografi ▪ Kesusasteraan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Biologi ▪ Fizik ▪ Kimia ▪ Matematik ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik ▪ Pengurusan
Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)	Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Matematik ▪ Antropologi dan Sosiologi ▪ Ekonomi ▪ Sains Politik 	
	Strategi dan Pengurusan Organisasi		
	Pemasaran		

1.4 Jangka Masa Pengajian

Jangka masa minimum bagi menamatkan pengajian untuk kesemua Rancangan Pengajian ialah 4 tahun dan maksimum 12 tahun. Pelajar yang mempunyai Diploma yang diiktiraf dengan PNGK yang baik boleh diberikan pengecualian unit untuk beberapa kursus dan akan dipertimbangkan mengikut kes.

1.5 Sistem Pengajian

Sistem pengajian menentukan kaedah pelajar mengikuti pengajian:

- (a) Pelajar USM yang berdaftar dengan PPPJJ akan mengikuti pengajian secara jarak jauh sepenuhnya.
- (b) Pelajar TIDAK DIBENARKAN menukar rancangan pengajian.
- (c) Pelajar yang mendaftar buat pertama kali DIWAJIBKAN menghadiri Program Siswa Lestari. Tawaran akan ditarik balik sekiranya pelajar tidak menghadiri program tersebut.
- (d) Pelajar DIWAJIBKAN mengikuti Kursus Intensif di Kampus Induk USM, selama dua (2) hingga tiga (3) minggu bagi setiap sidang akademik. Pelajar yang tidak hadir Kursus Intensif boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir atau ditamatkan pengajian. Tarikh Kursus Intensif yang muktamad akan dimaklumkan kepada pelajar.
- (e) Pelajar DIWAJIBKAN memilih satu bidang Major dan satu bidang Minor.
- (f) Kehadiran ke kelas amali Sains di Kampus Induk USM dan Pusat Wilayah bagi pelajar Sains adalah WAJIB.
- (g) Pelajar dikehendaki mendaftar kursus pada setiap sidang akademik mengikut skema pendaftaran kursus namun bilangan unit minimum dan maksimum yang dibenarkan untuk didaftarkan adalah tertakluk kepada taraf akademik pelajar – Rujuk muka surat 8.
- (h) Pelajar yang gagal (mendapat gred F) dalam mana-mana kursus dan mendapat gred C- dan ke bawah dalam Kursus Universiti kecuali JUJ 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer PERLU MENGULANG kursus-kursus berkenaan pada mana-mana sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada unit maksimum yang dibenarkan.
- (i) Pelajar yang telah lulus kursus dengan gred C dan ke atas TIDAK DIBENARKAN mengulang kursus tersebut.
- (j) Pelajar dibenarkan menangguh pengajian selama tidak lebih daripada tiga (3) sidang akademik berturut-turut. Jumlah sidang penangguhan tidak ada had selagi tidak melebihi tiga (3) sidang berturut-turut dan tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian (12 tahun).
- (k) Setelah memenuhi keperluan tempoh minimum pengajian (peringkat ijazah) dan keperluan-keperluan pengijazahan (keperluan akademik), pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut rancangan pengajian masing-masing.

1.6 *Yuran

Berikut adalah struktur yuran:

JENIS YURAN	PENGURUSAN (RM)	SAINS (RM)	SK (RM)	SASTERA (RM)
Yuran Pendaftaran **	620.00	620.00	620.00	620.00
Yuran Pengajian ***	1,400.00	1,250.00	1,000.00	1,000.00
Yuran Kebajikan & Kemudahan	880.00	980.00	880.00	880.00
JUMLAH	2,900.00	2,850.00	2,500.00	2,500.00

- a) Pelajar boleh membuat tuntutan bayaran balik yuran yang telah dibayar dalam keadaan seperti berikut:
- i. Menarik diri
 - ii. Menangguh pengajian

Berikut adalah jenis yuran yang dikenakan/dikecualikan mengikut tempoh menangguh / menarik diri pelajar :

TEMPOH MENANGGUH / MENARIK DIRI	YURAN PENGEKALAN	YURAN PENDAFTARAN	YURAN PENGAJIAN	YURAN KEBAJIKAN DAN KEMUDAHAN
Sebelum sidang bermula	Dikenakan	Tidak Dikembalikan	Tidak Dikenakan	Tidak Dikenakan
Minggu pertama sidang akademik bermula sehingga Minggu Kursus Intensif	Tidak Dikenakan	Tidak Dikembalikan	Dikenakan Separuh	Dikenakan Sepenuhnya
Selepas Minggu Kursus Intensif	Tidak Dikenakan	Tidak Dikembalikan	Dikenakan Sepenuhnya	Dikenakan Sepenuhnya

Catatan:

* Tertakluk kepada syarat dan peraturan semasa

** Yuran pendaftaran hanya dikenakan semasa TAHUN PERTAMA pendaftaran pelajar

*** Yuran pengajian hanya dikenakan separuh bagi pelajar dalam kategori WARGA EMAS

- (b) Yuran Penginapan Semasa Kursus Intensif di Kampus Induk

Pelajar-pelajar dikenakan yuran penginapan semasa Kursus Intensif. Yuran tersebut mesti dijelaskan bersama-sama dengan yuran pengajian.

- (c) Tarikh Akhir Menjelaskan Yuran

Pelajar Tahun 2 dan ke atas diberi kelonggaran membuat bayaran yuran secara ansuran dua kali sahaja untuk satu sidang akademik. Tarikh akhir menjelaskan yuran secara dua ansuran ini akan dimaklumkan oleh Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari melalui laman web <http://campusonline.usm.my> dan portal e-Pembelajaran.

- (d) Kaedah Bayaran Yuran

- Pembayaran secara atas talian (E-PAYMENT)
 - (1) Pembayaran boleh dilakukan secara pindahan tunai (FPX). Pastikan anda mempunyai kemudahan akaun perbankan internet untuk menggunakan FPX.
 - (2) Pembayaran melalui kad kredit boleh juga dilakukan menggunakan kad VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh mana-mana bank.

- (e) Denda Lewat Membayar Yuran

Denda lewat sebanyak RM50.00 setiap satu ansuran dikenakan sekiranya bayaran dibuat selepas tarikh yang ditetapkan.

(f) Denda

Denda dikenakan kepada pelajar dalam kes berikut:

- i. Denda bagi kehilangan Slip Peperiksaan/SEMGRED - RM5.00
- ii. Denda bagi kelewatan mendaftar kursus - RM50.00
- iii. Denda bagi gugur/tambah kursus - RM50.00

(g) Kredit

Sekiranya yuran yang dibayar melebihi jumlah yang telah ditetapkan, lebihan ini akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar.

(h) Pertanyaan

Pertanyaan tentang yuran boleh dibuat melalui talian telefon: 04-653 3122.

2.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

2.1 Aktiviti Pembelajaran

Secara keseluruhannya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah merangkumi:

(a) Bahan Pembelajaran

Pembelajaran sendiri melibatkan pembelajaran melalui portal e-Pembelajaran yang disediakan. Bahan pembelajaran sendiri yang komprehensif dimuatnaik didalam portal pembelajaran bagi memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran secara fleksibel.

(b) Kelas Secara Persidangan Web

Kelas secara persidangan web dikendalikan oleh pensyarah secara langsung melalui platform Cisco Webex pada setiap hari Sabtu. Kelas ini boleh berbentuk kuliah, tutorial atau perbincangan untuk menyelesaikan masalah akademik pelajar. Jadual kelas akan dimuat naik ke dalam portal e-Pembelajaran pada awal sidang akademik.

Rakaman setiap kelas juga akan dimuat naik ke dalam portal e-Pembelajaran.

(c) Portal e-Pembelajaran

Portal e-Pembelajaran disediakan untuk pelajar mengakses maklumat pembelajaran dan juga berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Alamat portal e-Pembelajaran: <http://elearning.usm.my/pppj>

(d) Kelas Amali

Terdapat beberapa kursus Biologi, Fizik dan Kimia yang mempunyai komponen amali. Kelas amali akan dijalankan di Kampus Induk USM semasa Kursus Intensif atau di hujung minggu.

(e) Peperiksaan Berterusan dan/atau Tugasan

Semasa dalam tempoh pengajian, pelajar juga dikehendaki menyelesaikan tugasan dan/atau menduduki Peperiksaan Berterusan yang dijalankan semasa Kursus Intensif atau di pusat-pusat wilayah yang terpilih.

(f) Kursus Intensif

Kursus Intensif akan diadakan selama dua (2) hingga tiga (3) minggu sekitar bulan Februari atau Mac setiap Sidang Akademik. Semua pelajar diwajibkan hadir di Kampus Induk USM di Pulau Pinang. Aktiviti Kursus Intensif termasuklah kuliah, tutorial, amali dan Peperiksaan Berterusan.

(g) Peperiksaan Akhir

Peperiksaan Akhir diadakan sekitar bulan Julai atau Ogos di beberapa pusat peperiksaan di seluruh Malaysia yang ditetapkan sebagai Pusat Peperiksaan untuk pelajar PPPJJ.

2.2 Kemudahan Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk pelajar Rancangan Pengajian Jarak Jauh.

(a) Perkhidmatan Pinjaman Melalui Pos

Pelajar boleh meminjam buku terus dari Perpustakaan Universiti melalui pos dengan mengiriskan terlebih dahulu wang pos sebanyak RM20.00 sebagai cagaran. Pelajar dibenarkan meminjam buku daripada koleksi terbuka dan Jarak Jauh di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

(b) Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia

Pelajar boleh menggunakan koleksi Rancangan Pengajian Jarak Jauh dan kemudahan lain yang terdapat oleh Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM. Semasa Kursus Intensif semua pelajar amat digalakkan menggunakan semaksimum mungkin kemudahan yang disediakan di perpustakaan ini.

3.0 SISTEM AKADEMIK

3.1 Takrifan

(a) Unit

Tiap-tiap kursus diberi nilai yang dikenali sebagai UNIT. Unit yang diberikan berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelajar dalam kursus yang berkenaan.

Pelajar dinasihatkan memperuntukkan masa pembelajaran bergantung kepada unit sesuatu kursus (1 unit adalah setara dengan sekurang-kurangnya 40 jam masa pembelajaran bagi setiap kursus).

(b) Unit Kredit Terkumpul

Unit yang telah didaftarkan dan lulus dikenali sebagai kredit. Untuk berijazah, pelajar mesti mengumpulkan jumlah kredit yang ditetapkan bergantung kepada rancangan pengajian masing-masing.

3.2 Maklumat Pendaftaran Kursus

(a) Aktiviti Pendaftaran Kursus

PPPJJ memerlukan semua pelajar mendaftar kursus setiap sidang akademik. Pendaftaran dibuat setelah pelajar memperoleh keputusan peperiksaan akhir (kecuali pelajar tahun 1 yang perlu mendaftar semasa Program Siswa Lestari).

Pelajar diingatkan bahawa pendaftaran kursus merupakan pendaftaran yang rasmi dan muktamad. Oleh itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian untuk mengelakkan kesilapan yang boleh menimbulkan kesulitan:

- i. Kod Kursus
- ii. Nilai Unit Kursus
- iii. Kod Jenis Kursus

- iv. Prasyarat Kursus
- v. Syarat Pusat Pengajian
- vi. Unit Minimum dan Maksimum yang boleh didaftarkan

Pelajar perlu membuat perancangan untuk keseluruhan tempoh pengajian bagi memudahkan pendaftaran kursus-kursus dalam sesuatu sidang akademik.

Sebelum mendaftar kursus, pelajar hendaklah berbincang dengan Penasihat Akademik atau Pengerusi Rancangan bagi menentukan kursus-kursus yang harus didaftarkan untuk sesuatu sidang akademik.

Panduan Pendaftaran untuk sidang akademik berikutnya akan dimaklumkan kepada pelajar selepas keputusan peperiksaan akhir melalui portal e-pembelajaran PPPJJ.

Pelajar-pelajar hendaklah merujuk panduan pendaftaran tersebut untuk memilih dan mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus untuk tujuan pendaftaran. Pendaftaran kursus dilakukan secara elektronik melalui sistem e-daftar KECUALI untuk pelajar Tahun 1 yang akan dilakukan semasa program Siswa Lestari.

PELAJAR BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS PENDAFTARAN KURSUS PASTIKAN:

- 1) JUMLAH UNIT KURSUS BERDASARKAN KLASIFIKASI T, E, M, U DIPENUHI;
- 2) KEPERLUAN KURSUS BAHASA DIPENUHI;
- 3) SYARAT LULUS KURSUS UNIVERSITI DIPENUHI; DAN
- 4) NILAI PNGK DAN PNG(AT) 2.00 MINIMUM DIPENUHI.

(b) Klasifikasi Jenis Kursus

Pelajar dibenarkan mendaftar sesuatu kursus sekiranya memenuhi prasyarat bagi kursus tersebut (sekiranya ada). Kursus yang didaftar untuk memenuhi keperluan struktur Rancangan Pengajian dibahagikan mengikut jenis-jenis seperti berikut:

- T - Kursus Teras
- E - Kursus Elektif
- M - Kursus Minor
- U - Kursus Universiti

-
- Y - Kursus Audit yang diambil semata-mata untuk menambahkan pengetahuan
 - Z - Kursus khas yang mesti mencapai sekurang-kurangnya gred 'C' (lulus), sebelum dibenarkan mengambil kursus peringkat lebih tinggi (sebagai Prasyarat).

} Prestasi/gred dalam kursus-kursus ini tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan serta jumlah unit terhadap keperluan pengijazahan.

(c) Unit Minimum dan Maksimum Yang Boleh Didaftarkan Setiap Sidang Akademik

Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf Lulus

Jumlah unit yang dibenarkan untuk setiap pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

Rancangan	Minimum	Maksimum
Sains	10	34
Sastera / Sains Kemasyarakatan	10	34
Pengurusan	10	36

- i. Had maksimum ini termasuk unit bagi kursus-kursus yang diulang dan kursus JUE 100.
- ii. Had minimum dan maksimum ini adalah muktamad. Dekan tidak boleh melonggarkan ketetapan ini. Walau bagaimanapun, Dekan boleh membenarkan pelajar mendaftar jumlah unit yang kurang daripada had minimum hanya bagi kes-kes tertentu.

Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf "Percubaan"

Pendaftaran kursus pada sesuatu sidang akademik oleh pelajar yang berada pada tahap "Percubaan" dihadkan seperti berikut:

Taraf Akademik	Unit Maksimum
Percubaan I (P1)	16 unit
Percubaan II (P2)	12 unit

Rujuk muka surat 17 untuk takrifan 'Percubaan'

(d) Penarafan Tahun Pengajian Pelajar

Pelajar (mengikut Rancangan Pengajian masing-masing) disamatarafkan sebagai pelajar tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat berdasarkan jumlah kredit yang telah dikumpulkan seperti berikut:

Rancangan Pengajian (Jumlah Kredit Untuk Berijazah)	Taraf Tahun Berasaskan Jumlah Kredit Terkumpul			
	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat
Sains (122)	0 – 31	32 - 62	63 - 93	≥94
Sastera (124 unit)	0 – 31	32 - 62	63 - 93	≥94
Sains Kemasyarakatan (124 unit)	0 – 31	32 - 62	63 - 93	≥94
Pengurusan (126 unit)	0 – 34	35 - 68	69 - 102	≥103

(e) Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus

Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus hendaklah disemak dengan teliti untuk memastikan tiada kesilapan. Sebarang kesilapan mengenai pendaftaran kursus mesti dimaklumkan kepada PPPJJ dengan serta merta dalam tempoh aktiviti pendaftaran kursus.

(f) Pengguguran Kursus

Pengguguran kursus tanpa sebarang alasan yang munasabah tidak dibenarkan selepas selesai aktiviti pendaftaran kursus. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan seperti berikut:

- i. Permohonan pengguguran kursus boleh dibuat dalam tempoh yang dimaklumkan semasa Kursus Intensif dengan alasan yang kukuh dan perlu mendapat kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya & Antarabangsa) PPPJJ terlebih dahulu. Pelajar akan dikenakan denda RM50.00 untuk setiap permohonan.

- ii. Permohonan untuk menggugur kursus SELEPAS tempoh yang telah dimaklumkan semasa Kursus Intensif tidak akan dipertimbangkan.
- iii. Borang Gugur/Tambah Kursus perlu diisi oleh pelajar dan ditandatangani oleh Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya & Antarabangsa) PPPJJ dan proses gugur kursus akan dilakukan oleh Pembantu Tadbir bidang semasa Kursus Intensif.
- iv. Kemudahan untuk menggugurkan kursus tidak boleh disalahgunakan. Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya & Antarabangsa) mempunyai hak untuk tidak memperakukan pelajar menggugurkan kursus sekiranya pelajar tidak serius terhadap kursus yang diambil seperti gagal menghadiri kuliah, tutorial, amali dan tidak melaksanakan kerja kursus. Pelajar yang sedemikian akan dihalang menduduki peperiksaan akhir dan diberi gred 'X'.

(g) Pengemaskinian Rekod Akademik

Maklumat rekod akademik terkini dicetak dalam dokumen "CANGRED". Pelajar dinasihatkan supaya menyemak maklumat tersebut dan sekiranya perlu dikemaskinikan, pelajar hendaklah berbuat demikian melalui borang-borang tertentu yang dapat diperolehi di PPPJJ atau Unit Rekod Pelajar [Aras 1], Jabatan Pendaftar, USM.

Pelajar dipertanggungjawabkan untuk mengemaskini alamat masing-masing sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam alamat semasa, alamat kecemasan dan alamat tetap. Pelajar juga perlu mengemaskini nombor telefon/telefon bimbit terkini dan emel peribadi supaya dapat dihubungi dengan segera sekiranya terdapat keperluan.

(h) Penangguhan Pengajian

Memandangkan pelajar mengikuti pengajian bukan secara sepenuh masa dan kerana terdapatnya tuntutan-tuntutan pekerjaan dan peribadi (diri sendiri dan keluarga), kemudahan Penangguhan Pengajian akan dipertimbangkan dengan saksama.

- i. Pelajar dibenarkan menangguh pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut. Jumlah penangguhan pengajian tidak terbatas sekiranya pelajar tidak menangguh pengajian tiga kali berturut-turut.
- ii. Tarikh penentuan permulaan penangguhan pengajian (tujuan penetapan yuran) ialah sama dengan tarikh penerimaan Borang Penangguhan Pengajian.
- iii. Pelajar boleh menangguh pengajian atas sebab-sebab tertentu. Mereka akan diberikan taraf Tidak Aktif (dengan penalti ataupun tanpa penalti tertakluk kepada alasan yang diberikan).
 - Dengan penalti bermakna tahun penangguhan pengajian tersebut diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangkamasa pengajian.
 - Tanpa Penalti bermakna tahun pengajian tersebut tidak diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangka masa pengajian.
- iv. Pelajar yang menangguh pengajian dan tidak terhutang yuran akan secara automatik dijadikan pelajar Aktif pada sidang akademik berikutnya, kecuali sekiranya beliau memohon untuk menangguh pengajian seterusnya.
- v. Pelajar yang menangguh pengajian dan terhutang yuran akan secara automatik diberi taraf pelajar Tidak Aktif dan diberikan penangguhan pengajian untuk sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada jumlah tahun penangguhan pengajian tidak melebihi tiga sidang akademik berturut-turut.

- vi. Pelajar yang menanggung pengajian selepas sidang akademik bermula dan sebelum tamat Kursus Intensif akan dikenakan yuran separuh manakala pelajar yang menanggung pengajian selepas Kursus Intensif akan dikenakan yuran penuh.
- vii. Pelajar yang menanggung pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut dan telah menjelaskan kesemua yuran akan dijadikan pelajar Aktif pada sidang akademik berikutnya.
- viii. Pelajar boleh memohon penangguhan pengajian untuk sidang berkenaan dalam tempoh sidang tersebut. Tempoh akhir penangguhan pengajian ialah 30 hari sebelum peperiksaan akhir bermula.
- x. Permohonan perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya & Antarabangsa) PPPJJ terlebih dahulu.

4.0 SISTEM PEPERIKSAAN

4.1 Penilaian Kursus dan Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir diadakan pada akhir setiap sidang akademik. Pelajar mesti menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan semasa pendaftaran kursus. Setiap pelajar mestilah terlebih dahulu menjelaskan semua yuran dan juga memenuhi syarat keperluan kuliah/tutorial/sidang video/amali dan keperluan-keperluan lain bagi setiap kursus sebelum layak menduduki peperiksaan akhir bagi kursus-kursus yang didaftarkan.

Penilaian kursus ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan yang terdiri daripada dua komponen iaitu:

- komponen kerja kursus (CW)
- peperiksaan akhir (EW)

Komponen kerja kursus boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan dalam tutorial, ujian, kuiz, esei, projek, tugas dan peperiksaan berterusan.

4.2 Tempoh Peperiksaan Akhir

Tempoh masa peperiksaan akhir bergantung kepada unit kursus yang dinilai seperti berikut:

Kursus Yang Bernilai	Tempoh Peperiksaan
2 unit	1 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
2 unit	2 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah
3 unit atau lebih	2 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
3 unit atau lebih	3 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah

4.3 Halangan Menduduki Peperiksaan

Pelajar boleh dihalang daripada menduduki Peperiksaan Akhir sekiranya tidak memenuhi keperluan kursus seperti tidak hadir kuliah, tutorial dan sidang webex dan tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus. Pelajar juga boleh dihalang mengambil peperiksaan akhir sekiranya TIDAK menjelaskan yuran pengajian. Kursus yang dihalang akan diberi gred 'X'.

4.4 Sistem Purata Nilai Gred (PNG)

Prestasi pelajar adalah dinilai berdasarkan sistem Purata Nilai Gred (PNG). Nilai gred adalah gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi kursus yang didaftar. Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus dinilai mengikut skala berikut:

Gred	Nilai Gred
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
D-	0.67
F	0.00

Pelajar yang mendapat gred 'C-' dan ke bawah boleh memperbaiki nilai grednya dengan mengulangi kursus itu pada sidang akademik berikutnya. Pelajar yang dapat gred 'C' dan ke atas TIDAK dibenarkan mengulangi kursus.

Pencapaian dalam satu sidang akademik dikira berdasarkan Purata Nilai Gred (PNG) yang diperoleh daripada semua kursus yang didaftarkan pada sidang akademik tersebut. PNG ialah ukuran untuk menentukan pencapaian Taraf Akademik pelajar bagi sesuatu sidang akademik.

PNGK ialah Purata Nilai Gred Kumulatif yang dikumpulkan oleh pelajar daripada satu sidang akademik ke satu sidang akademik pengajiannya.

Contoh kiraan PNG dan PNGK:

Peperiksaan Akhir Sidang Akademik 20XX/20XX

Kursus	Unit	Gred (G)	Nilai Gred (NG)	Jumlah NG (Unit x NG)
ABC XX1	4	B	3.00	12.00
ABC XX2	4	C+	2.33	9.32
BCD XX3	3	C-	1.67	5.01
CDE XX4	4	C	2.00	8.00
EFG XX5	3	D+	1.33	3.99
EFG XX6	2	B-	2.67	5.34
JUMLAH	20			43.66

$$\text{PNG} = \frac{43.66}{20} = 2.18$$

Contoh: Peperiksaan Akhir Sidang Akademik 20YY/20YY

Kursus	Unit	Gred (G)	Nilai Gred (NG)	Jumlah NG
ABC XX7	3	D	1.00	3.00
ABB XX8	4	C+	2.33	9.32
BBC XX9	4	C	2.00	8.00
BCB X10	4	B-	2.67	10.68
XYZ XX1	3	B+	3.33	9.99
JUMLAH	18			40.99

$$\text{PNG} = \frac{40.99}{18} = 2.28$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{\text{Jumlah NG terkumpul}}{\text{Jumlah bil. unit terkumpul}} = \frac{43.66 + 40.99}{20 + 18} = \frac{84.65}{38} \\ &= 2.23\end{aligned}$$

Dalam contoh di atas, PNGK dikira sebagai jumlah nilai gred terkumpul bagi semua kursus yang diambil, dibahagi dengan jumlah bilangan unit terkumpul yang didaftarkan.

4.5 Arahan/Peraturan Peperiksaan

- (a) Calon-calun mesti mengambil perhatian teliti tentang jadual waktu peperiksaan dari segi tarikh, masa, tempat dan susunan tempat duduk untuk kertas-kertas peperiksaan masing-masing. Calon-calun dinasihatkan supaya sentiasa melihat papan-papan kenyataan sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap jadual waktu peperiksaan. Pindaan seperti itu, sekiranya ada, akan dicetak di atas kertas biru dan dipaparkan di papan kenyataan di Pusat-pusat Peperiksaan. Kesilapan membaca jadual waktu tidak diterima sebagai alasan untuk gagal menghadiri peperiksaan. Sekiranya calon tidak hadir peperiksaan tanpa alasan, calon akan diberi Gred F* dan tidak di benar mengambil peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang/Tambahan.
- (b) Calon-calun mestilah tiba lebih awal daripada waktu peperiksaan dan membawa Kad Pengenalan, Kad Daftar Pelajar dan Slip Peperiksaan masing-masing. Calon-calun yang tidak mempunyai Slip Peperiksaan tidak dibenarkan masuk sehingga kelayakannya untuk mengambil peperiksaan itu dibuktikan. Calon-calun yang tidak mempunyai Kad Pengenalan akan dikehendaki meyakinkan Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas di Dewan Peperiksaan berkenaan dengan pengenalan diri mereka. Calon tidak akan di benar mengambil peperiksaan bagi kursus yang tidak tercatat di dalam Slip Peperiksaan. Slip peperiksaan adalah dokumen rasmi Universiti dan calon tidak dibenarkan menulis pada mana-mana bahagian di atas slip peperiksaan.
- (c) Calon-calun tidak dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan sehingga Pengawas yang bertugas memberi isyarat untuk berbuat demikian. Biasanya calon-calun dibenarkan masuk sepuluh minit sebelum peperiksaan bermula. Setelah dibenarkan calon hendaklah mengambil tempat duduk dengan senyap dan teratur. CALON YANG HADIR LEWAT LEBIH DARI SETENGAH JAM TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DEWAN PEPERIKSAAN.
- (d) Selepas berada di tempat masing-masing calon-calun dikehendaki:
 - i. mengisi Borang Kehadiran dan meletakkannya di atas meja di sudut sebelah kanan;
 - ii. meletak Kad Pengenalan dan Slip Peperiksaan di atas Borang Kehadiran yang telah dilengkapkan. Borang Kehadiran akan dipungut oleh Pengawas-Pengawas. Calon-calun diingatkan supaya menyimpan Kad Pengenalan dan Slip Peperiksaan mereka selepas disemak.

- (d) Di atas kulit buku jawapan, Angka Giliran hendaklah ditulis dengan menggunakan ejaan dan juga angka seperti

'Satu Kosong Kosong Kosong Satu' (10001)

Calon-calun mesti menulis Angka Giliran dengan angka sahaja di atas semua kertas jawapan yang digunakan. Calon-calun dilarang menulis nama mereka di atas buku/kertas jawapan.

- (f) Calon-calun yang TIDAK menulis Angka Giliran atau tersilap menulis Angka Giliran di buku jawapan/borang OMR, skrip jawapan berkenaan tidak akan diperiksa oleh pemeriksa dan calon-calun tidak akan menerima sebarang markah.
- (g) Calon-calun diingatkan supaya meneliti dan mematuhi segala arahan yang tercatat di atas kulit buku jawapan. Catatan kasar mestilah dibuat di atas kertas jawapan sahaja. Buku jawapan tambahan akan dibekalkan kepada calon-calun sekiranya diminta. Semua kertas jawapan sama ada digunakan atau belum mestilah ditinggalkan di Dewan Peperiksaan. Calon-calun tidak dibenarkan membawa keluar buku jawapan dan/atau kertas jawapan dari Dewan Peperiksaan.
- (h) Buku, kertas dokumen, nota atau gambar, kecuali bahan-bahan yang dibenarkan oleh pemeriksa tidak boleh dibawa masuk atau dibawa keluar oleh calon dari tempat peperiksaan. Semasa berada di tempat peperiksaan, calon boleh menerima daripada Pengawas buku-buku, kertas-kertas, dokumen-dokumen, gambar-gambar atau sebarang bahan yang telah dibenarkan oleh Dekan/Pengarah di atas nasihat pemeriksa atau Majlis Pemeriksa.
- (i) Calon-calun TIDAK dibenarkan merokok di dalam Dewan Peperiksaan semasa peperiksaan.
- (j) Calon-calun TIDAK dibenarkan membawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan sebarang jenis beg, telefon bimbit, dompet, kotak pensel, kotak geometri atau bekas lain. Mesin kira boleh dibawa masuk tanpa sarungnya sekiranya dibenarkan oleh pemeriksa. Sila ambil perhatian, penggunaan Kamus Elektronik semasa peperiksaan adalah dilarang. Calon-calun hanya boleh membawa masuk pen, pensel dan alat tulis lain yang dibenarkan sahaja.
- (k) Calon-calun TIDAK dibenarkan berhubung di antara satu dengan lain semasa peperiksaan, sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Sekiranya calon ingin berhubung dengan Pengawas, beliau mestilah mengangkat tangan.
- (l) Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas akan memberi isyarat yang nyata dan jelas untuk menandakan bahawa peperiksaan telah tamat. Sebaik sahaja isyarat ini diberikan, semua calon hendaklah berhenti menulis.
- (m) Calon-calun adalah bertanggungjawab untuk mengikat buku jawapan (sekiranya perlu) dan terus berada di tempat masing-masing sehingga skrip jawapan dikutip oleh Ketua Pengawas/Pengawas dan calon-calun hanya dibenarkan keluar dari Dewan Peperiksaan setelah dimaklumkan oleh Ketua Pengawas/Pengawas.
- (n) Calon-calun hanya dibenarkan meninggalkan tempat peperiksaan selepas setengah jam peperiksaan bermula. Walau bagaimanapun, tidak seorang calon pun dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan lima belas minit sebelum tamat peperiksaan.
- (o) Calon-calun yang jatuh sakit semasa peperiksaan sedang berlangsung mestilah melaporkannya kepada Pengawas yang bertugas di Dewan Peperiksaan dengan secepat mungkin.
- (p) Calon-calun yang tidak dapat menduduki peperiksaan bagi mana-mana kertas yang didaftarkan hendaklah memberi alasan ketidakhadiran ke peperiksaan akhir secara bertulis kepada Pendaftar (melalui Ketua Penolong Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan).

- (q) Sekiranya seseorang calon didapati meniru/menipu ataupun mempunyai bahan-bahan yang tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam Dewan Peperiksaan semasa peperiksaan diadakan, tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil terhadap calon yang berkenaan. Sekiranya seseorang calon disyaki meniru/menipu ia boleh disingkir dari Universiti.
- (r) Calon-calun yang gagal menghadiri kesemua kertas peperiksaan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti ataupun tanpa kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu, akan dianggap gagal di dalam keseluruhan peperiksaan dan boleh dikeluarkan daripada Senarai Pelajar Berdaftar Universiti.
- (s) Bagi calon-calun yang mengalami masalah kesihatan, sila dapatkan nasihat Pengarah, Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian) Universiti Sains Malaysia atau hospital/klinik kerajaan.

4.6 Pusat Peperiksaan Wilayah

- (a) Pusat-pusat peperiksaan untuk Peperiksaan Akhir adalah seperti berikut:

<u>Kod</u>	<u>Pusat Peperiksaan Akhir</u>
01	Alor Setar
02	Pulau Pinang (Kampus Induk USM)
03	Ipoh
04	Shah Alam
05	Melaka
06	Johor Bahru
07	Kota Bharu
08	Kuala Terengganu
09	Kuantan
10	Kuching
11	Sibu
12	Miri
13	Kota Kinabalu

Nota: Pusat Peperiksaan Akhir TIDAK SEMESTINYA sama dengan Pusat Wilayah.

- (b) Tempat peperiksaan akhir dan alamat lengkap akan dimaklumkan kepada calon sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum peperiksaan akhir bermula. Sila rujuk portal PPPJJ atau laman sesawang Unit Peperiksaan dan Pengijazahan.

Sebarang pertanyaan berhubung dengan peperiksaan akhir pelajar dinasihatkan berhubung terus kepada:

Ketua Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

Talian telefon: 04-653 3888 samb. 3479 / 3121 / 3069 / 3074
Talian Bilik Operasi: 04-653 3888 samb. 4310 / 4311
Telefaks: 04-657 3409

- (c) Pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan di Pusat Peperiksaan seperti mana yang dinyatakan dalam slip peperiksaan masing-masing sahaja. Sebarang permohonan untuk pertukaran pusat peperiksaan hanya akan dibenarkan sebelum tamat Kursus Intensif bagi Sidang Akademik tersebut. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang pertukaran pusat peperiksaan akhir.

4.7 Pengeluaran Slip Peperiksaan

Semua pelajar diwajibkan mencetak slip peperiksaan masing-masing melalui portal Campus Online (<http://campusonline.usm.my>). Setiap pelajar perlu mempunyai SLIP PEPERIKSAAN untuk menduduki peperiksaan. Pelajar RPJJ yang tidak mempunyai slip peperiksaan tidak dibenarkan memasuki dewan peperiksaan.

Antara maklumat penting yang tertera di atas slip peperiksaan ialah maklumat-maklumat kursus yang didaftarkan untuk peperiksaan dan nama Pusat Peperiksaan Akhir calon berdaftar. Perlu diingatkan bahawa calon-calon hanya dibenarkan menduduki peperiksaan di Pusat Peperiksaan Akhir yang tertera di atas slip peperiksaan akhir calon sahaja.

4.8 Kelayakan Mengambil Peperiksaan

(a) Syarat-Syarat

- i. Pelajar dibenarkan mengambil peperiksaan bagi kursus-kursus yang dinyatakan di atas slip peperiksaan sahaja.
- ii. Pelajar-pelajar yang disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian telah menyempurnakan tugas/kerja kursus dengan memuaskan.
- iii. Pelajar-pelajar yang disahkan oleh Jabatan Bendahari telah menjelaskan yuran pengajian dan tidak mempunyai hutang dengan Universiti.

Sila ambil perhatian bahawa pelajar-pelajar yang TIDAK memenuhi perkara (i), (ii) dan (iii) di atas boleh dihalang daripada mengambil peperiksaan.

(b) Keputusan Peperiksaan Bagi Kursus-Kursus Yang Dihalang:

- i. Gred untuk komponen kerja kursus = Gred X
- ii. Gred untuk komponen peperiksaan = Gred X
- iii. Gred untuk Penilaian Akhir (FA) = Gred X

(c) Pengiraan PNG dan PNGK

Kursus yang diberi Gred X akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Nilai PNG adalah untuk menentukan taraf akademik pelajar pada sidang berkenaan dan nilai PNGK adalah untuk menentukan keperluan pelajar untuk berjijazah.

(d) Sekatan (Penalti) Ke Atas Kursus Yang Diberi Gred X

- i. Tidak dibenarkan mengambil peperiksaan tambahan atau KSCP.
- ii. Dikenakan tindakan disiplin oleh Majlis Peperiksaan Universiti. Pelajar akan diberi amaran dan boleh ditamatkan pengajian.

4.9 Jadual Waktu Peperiksaan Akhir

(a) Tarikh peperiksaan akhir akan diumumkan oleh pihak Unit Peperiksaan dan Pengijazahan melalui portal Unit Peperiksaan dan Pengijazahan dan juga portal e-Pembelajaran PPPJJ.

(b) Pelajar dibenarkan membuat bantahan terhadap Jadual Waktu Peperiksaan Akhir sekiranya berlaku kes-kes berikut:

- i. Pertindihan masa bagi kursus yang didaftar.
- ii. Kursus yang dijadualkan melebihi 4 kali berturutan tanpa selang masa (*4 in a row*).

(c) Atas permintaan pelajar. Permohonan perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Persetujuan pensyarah yang menyelaras dan mengajar kursus tersebut.
- ii. Disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian.

Walaupun bagaimanapun pindaan tidak dapat dilakukan sekiranya terdapat kekangan dari segi kapasiti dewan, pertindihan kursus dan "4 in a row".

iii. Pindaan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir dan Pusat-Pusat Peperiksaan Akhir.

Sebarang pindaan Jadual Waktu Peperiksaan dan Pusat-Pusat Peperiksaan Akhir akan dimaklumkan kepada pelajar melalui portal Unit Peperiksaan dan Pengijazahan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan akhir bermula.

4.10 Penalti Tidak Menduduki Peperiksaan

Calon yang tidak menghadiri peperiksaan untuk mana-mana kursus perlu mengemukakan alasan secara bertulis berserta dengan dokumen yang sah (Sijil Cuti Sakit hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Sejahtera / Pusat Perubatan dan Pergigian USM atau hospital/klinik kerajaan) dalam tempoh 7 HARI selepas peperiksaan kertas berkenaan dijalankan. Semua surat tunjuk sebab perlu dihantar kepada:

Ketua Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

Alasan yang dikemukakan akan ditimbang dan diperakukan seperti berikut:

- (a) Bagi alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti, calon akan diberi Gred DK (Dengan Kebenaran). Gred DK akan dikecualikan di dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- (b) Calon-calun yang gagal menduduki peperiksaan akhir sesuatu kursus atas sebab-sebab berikut akan diberi Gred F*.

TAKP - Tidak Ambil Slip (Kad) Peperiksaan
SLJW - Silap Lihat Jadual Waktu
THTA - Tidak Hadir Tanpa Alasan
ADT - Alasan Ditolak Oleh Majlis Peperiksaan Universiti

Gred F* akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK dan calon tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Tambahan/KSCP.

4.11 Peperiksaan Tambahan/Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)

- (a) Peperiksaan tambahan/Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP) hanya ditawarkan kepada pelajar tahun akhir yang akan berijazah. Pelajar hanya boleh menduduki tidak lebih daripada tiga (3) kursus.
- (b) Pelajar tahun akhir yang mendapat Gred X dan F* TIDAK dibenarkan mengambil peperiksaan tambahan/KSCP. Pelajar terbabit terpaksa mengulang kursus berkenaan pada sidang akademik berikutnya. Peperiksaan tambahan/KSCP hanya akan diadakan di Kampus Induk USM Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching sahaja.

4.12 Penyemakan Semula Kertas Peperiksaan

Sekiranya seorang pelajar benar-benar ragu terhadap keputusan peperiksaannya, beliau boleh merayu supaya pihak Universiti menyemak semula keputusan peperiksaan bagi kertas tertentu. Perlu dimaklumkan bahawa penyemakan semula ini akan hanya melibatkan pengesahan sama ada skrip jawapan telah disemak dan diberi markah secara konsisten dan penghitungan jumlah markah adalah betul. Skrip jawapan tersebut tidak akan dinilai/diperiksa semula. Mengikut peraturan Universiti, seseorang pelajar yang ingin memohon keputusan peperiksaannya disemak semula akan dikenakan bayaran sebanyak RM25.00 bagi setiap kertas peperiksaan.

Bayaran itu hendaklah dibuat di atas nama Bendahari, Universiti Sains Malaysia dan dimajukan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan untuk proses selanjutnya. Sekiranya penyemakan semula telah menghasilkan pindaan kepada markah dan gred, maka bayaran yang dikenakan itu dapat dituntut kembali dengan mengemukakan resit asal. Semua rayuan mesti dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada:

Ketua Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

Rayuan perlu mengandungi Nama Penuh, Alamat, No. Pendaftaran, Angka Giliran, Kursus, Tahun Pengajian, Peperiksaan Akhir serta kod dan tajuk kursus yang berkenaan. Sebagai syarat, semua rayuan hendaklah diterima oleh Unit Peperiksaan dan Pengijazahan dalam masa empat minggu selepas keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan. Rayuan yang diterima selepas daripada jangkamasa tersebut tidak akan dipertimbangkan.

4.13 Mengulangi Kursus

Pelajar yang gagal dalam mana-mana kursus perlu mengulangi kursus-kursus yang mereka gagal pada Sidang Akademik berikutnya, tertakluk kepada unit maksimum yang dibenarkan.

Mereka juga perlu mengulangi semula keseluruhan komponen kerja kursus kecuali amali (bagi pelajar Sains sahaja dan tidak melebihi tiga sidang akademik berturut-turut) dan dikehendaki hadir di kelas-kelas sidang video. Walau bagaimanapun, di dalam rekod akademiknya masih ditunjukkan bilangan seseorang pelajar itu mengulang bagi sesuatu kursus.

Memandangkan PNGK dan PNGK (AT) minimum untuk berijazah ialah 2.00, pelajar dinasihati agar merancang secara jangka panjang sama ada mereka mahu mengulang/tidak mengulang kursus-kursus yang mereka mendapat gred C- ke D- Sekiranya didapati PNGK sudah baik (contohnya 2.50 dan ke atas) maka pelajar mungkin tidak perlu mengulang kursus yang mempunyai gred C- ke D-. (Walaupun bagaimanapun kursus Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Hubungan Etnik, Teras Keusahawanan, Falsafah & Isu Semasa dan juga Penghayatan Etika & Peradaban perlu diulang secara automatik sekiranya gred yang didapati kurang daripada C).

Sebaliknya sekiranya PNGK tidak baik (contohnya kurang daripada 2.25), pelajar disarankan mengulang kursus-kursus yang mereka dapat C- ke D-. Ini dikuatiri pada tahun-tahun yang berikutnya apabila pelajar itu mendapat gred C- ke D- untuk kursus-kursus lain, maka terdapat kemungkinan PNGK akan menurun sehingga kurang daripada 2.00. Sekiranya itu berlaku, maka pelajar perlu mengulang kembali kursus-kursus berkaitan sehinggalah PNGK dapat dinaikkan semula ke paras melebihi 2.00.

4.14 Taraf Akademik

Taraf Lulus - Seseorang pelajar yang berjaya mendapat PNG 2.00 dan ke atas dalam peperiksaan sesuatu sidang akademik akan diberi taraf LULUS dan dibenarkan meneruskan pengajian dalam sidang akademik yang berikutnya.

Taraf Percubaan - Taraf percubaan dikenakan kepada pelajar-pelajar yang memperoleh PNG 1.99 dan ke bawah. Seseorang pelajar yang berada dalam taraf percubaan tiga sidang akademik berturut-turut (P1, P2, FO) tidak akan dibenarkan meneruskan pengajiannya di Universiti ini. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai PNGK ialah 2.00 dan ke atas, pelajar dibenarkan meneruskan pengajian dan taraf akademik pelajar ialah L.

Dengan tiada prasangka kepada syarat di atas serta syarat-syarat peperiksaan yang sedia ada, Majlis Peperiksaan Universiti mempunyai kuasa mutlak untuk memberhentikan pengajian seseorang pelajar sekiranya prestasi dan kemajuannya dianggap tidak memuaskan berpandukan pada bilangan minimum unit kredit terkumpul sejajar dengan bilangan sidang akademik yang dihabiskan oleh seseorang pelajar.

Majlis Peperiksaan Universiti juga boleh menamatkan pengajian seseorang pelajar atas sebab-sebab tertentu (Tidak Mendaftar Kursus, Tidak Mengambil Kad Peperiksaan, Tidak Hadir Peperiksaan Tanpa Alasan, Alasan Tidak Hadir Peperiksaan yang ditolak), termasuk alasan perubahan, yang menyebabkan pelajar tersebut tidak lagi sesuai untuk meneruskan pengajiannya di Universiti ini.

4.15 Keputusan Peperiksaan

Keputusan peperiksaan (Bergred) hanya akan diumumkan selepas Majlis Peperiksaan Universiti bersidang dan semua pelajar Ijazah Pertama Program Pengajian Jarak Jauh boleh menyemak keputusan peperiksaan (Bergred) melalui portal *Campus Online* (campusonline.usm.my) pada tarikh yang ditetapkan.

5.0 STRUKTUR PENGAJIAN

5.1 Struktur Kursus

Struktur kursus bergantung kepada program akademik yang diambil yang terdiri daripada:

1. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
3. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

Kursus-kursus dibahagikan kepada EMPAT bungkusan dengan kod tertentu iaitu:

T	Kursus Teras
E	Kursus Elektif
M	Minor
U	Universiti

Definisi kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

Teras	-	Kursus Teras merupakan bungkusan kursus WAJIB yang melambangkan pengkhususan (major) sesuatu bidang. Bungkusan bagi sesuatu pengkhususan mengandungi kursus Teras dan Elektif.
Elektif	-	Kursus yang memperkukuhkan major.
Minor	-	Pelajar dibenarkan mengambil Minor daripada mana-mana bidang Minor yang ditawarkan oleh PPPJJ, sama ada di luar daripada Rancangan Pengajian ataupun di dalam Rancangan Pengajian masing-masing berdasarkan kepada bungkusan yang telah ditetapkan.
Kursus Universiti	-	Kursus Universiti adalah kursus-kursus yang perlu diambil oleh semua pelajar PPPJJ.

Jadual berikut memberikan jumlah unit yang perlu dikumpulkan bagi setiap kelompok kursus sesuai dengan program akademik yang diambil oleh pelajar:

	Ijazah Sarjana Muda Sains	Ijazah Sarjana Muda Sastera	Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan
Teras (T)	71	73	73	85
Elektif (E)	12	12	12	6
Minor (M)	20	20	20	20
Universiti (U)	19	19	19	15
Jumlah	122	124	124	126

5.2 Kursus Universiti

5.2.1 Kursus Bahasa

Kursus Bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah sebahagian daripada bungkusan kursus universiti. Setiap pelajar perlu mendaftar sekurang-kurangnya 6 unit kursus bahasa yang terdiri daripada 2 unit kursus Bahasa Malaysia dan 4 unit kursus Bahasa Inggeris.

(a) Kursus Bahasa Malaysia (2 unit)

JUL 401/2 – Bahasa Malaysia IV

- Dua (2) unit kursus Bahasa Malaysia adalah wajib dan akan dikira terhadap pengijazahan. Pelajar perlu lulus dengan gred C dan ke atas.

JUL 301/2 – Bahasa Malaysia III

- Kursus Bahasa Malaysia III adalah kursus pra-syarat (Kod Z) yang hanya dikhaskan kepada pelajar warga emas yang tidak mendapat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM sahaja. Perlu lulus dengan gred C dan ke atas. Sebagai kursus pra-syarat, pelajar perlu lulus kursus ini terlebih dahulu sebelum dibenarkan mendaftar JUL 401/2.

(b) Kursus Bahasa Inggeris (4 unit)

Empat (4) unit Kursus Bahasa Inggeris adalah wajib dan akan dikira terhadap pengijazahan. Setiap kursus perlu lulus dengan gred C dan ke atas (rujuk Syarat Pendaftaran Kursus Bahasa Inggeris perkara (d) di bawah.)

(c) MUET

Mulai Sidang Akademik 2017/2018, pelajar perlu mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk syarat am memohon kemasukan ke RPJJ ATAU sebelum dibenarkan mendaftar kursus Tahun 2.

(d) Syarat Pendaftaran Kursus Bahasa Inggeris

Pelajar diwajibkan mengambil kursus Bahasa Inggeris bergantung kepada keputusan MUET. Pelajar yang mendapat MUET Band 2 dan 3 perlu mengambil kursus JUE 100/2 terlebih dahulu. Kursus JUE100/2 adalah kursus pra-syarat Bahasa Inggeris iaitu kursus ini tidak akan dikira dalam unit pengijazahan tetapi pelajar perlu lulus dengan sekurang-kurangnya gred C sebelum boleh mengambil kursus-kursus Bahasa Inggeris yang lain.

Pelajar perlu mengambil kursus Bahasa Inggeris berdasarkan kelayakan MUET mengikut jadual seperti di bawah:

Bil	Keputusan MUET	Kursus Bahasa Inggeris	Status Kursus
1.	MUET (Band 2/ 2.5/ 3/ 3.5 – Skor 36-210)	<i>JUE 100/2 – Preparatory English</i> <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Prasyarat (Tiada Unit) Wajib Wajib
2.	MUET (Band 4/ 4.5 - Skor 211- 293)	<i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Wajib Wajib
3.	MUET (Band 5 - Skor 294-330) (Band 5+ - Skor 331-360)	<i>JUE 300/2 – English II</i> <i>JUE 402/2 – Writing for Professional Purposes</i>	Wajib Wajib

5.2.2 Kursus-Kursus Universiti Lain

Bil.	Kursus	Gred Lulus Minimum
1.	JUU 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer	-
2.	JUR 102/2 – Penghayatan Etika dan Peradaban	Sekurang-kurangnya gred C dan ke atas.
3.	JUF 101/2 – Falsafah dan Isu Semasa	
4.	JUS 101/2 – Teras Keusahawanan	
5.	JUH 102/2 – Pemikiran Kritis	
6.	JUR 101/2 – Etika Profesional	

5.3 Pengecualian Kredit

Pengecualian kredit ialah sejumlah kredit yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di USM yang dikecualikan daripada keperluan pengijazahan. Pelajar perlu mengumpulkan hanya sejumlah baki kredit tertentu bagi tujuan pengijazahan. Kelulusan atau gred kursus yang dikumpulkan atau diperolehi di USM sahaja yang diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi tujuan pengijazahan. Syarat pengecualian kredit diambil kira adalah seperti berikut:

- (a) Untuk Pelajar Lulusan Diploma daripada IPT Awam dan IPT Swasta yang Diiktiraf
- Kursus peringkat ijazah pertama USM yang dipohon untuk mendapatkan pengecualian kredit hendaklah kursus yang setara dengan peringkat diploma.
 - Kursus peringkat diploma boleh digabungkan (meliputi satu atau lebih) bagi mendapatkan pengecualian untuk satu kursus di peringkat universiti.
 - Pencapaian minimum pada peringkat diploma yang boleh dipertimbangkan untuk pengecualian ialah sekurang-kurangnya gred C.
 - Jumlah pengecualian sidang akademik adalah tidak melebihi 1 sidang akademik.

- (b) Untuk Pelajar Lulusan Daripada IPTA/IPTS Yang Diiktirafkan Sama Ada Dari Dalam Atau Luar Negara.

Bagi pelajar dari IPTA/IPTS yang diiktirafkan sama ada dari dalam atau luar negara yang memohon melanjutkan pengajian di USM dalam peringkat pengajian yang sama.

- Kursus yang telah diikuti di IPTA/IPTS terdahulu adalah setara dengan kursus yang diikuti di USM.
- Jumlah maksimum pengecualian kredit tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keperluan unit pengijazahan.

(c) Jumlah Pengecualian Sidang Akademik

Pengecualian sidang akademik bergantung pada jumlah pengecualian unit seperti berikut:

Program	Keperluan Unit Pengijazahan	Jumlah Unit Dikecualikan	Jumlah Sidang Akademik dikecualikan
4 tahun	122** / 124** / 126**	<24	Tiada
		≥24	1

* Jumlah unit maksimum untuk pengecualian unit adalah 27.

** Sains (122 unit), Sastera/Sains Kemasyarakatan (124 unit), Pengurusan (126 unit)

Permohonan pengecualian unit perlu menggunakan borang pengecualian unit berserta salinan transkrip akademik yang disahkan dan sinopsis kursus peringkat Diploma IPTA/IPTS berkenaan. Tarikh akhir permohonan pengecualian unit ialah pada 30 September 2022. Permohonan tidak lengkap dan lewat tidak akan dipertimbangkan oleh pihak PPPJJ.

5.4 Pemindahan Kredit

Pemindahan kredit ialah pengiktirafan sejumlah unit yang diperolehi oleh pelajar yang mengikuti kursus di sesebuah IPTA lain dalam tempoh pengajiannya di USM. Syarat yang ditetapkan ialah:

- Pemindahan kredit hanya dipertimbangkan bagi unit yang diperolehi daripada kursus di IPTA lain yang setara dengan kursus yang ditawarkan oleh program berkenaan kecuali kursus elektif atau opsyen.
- Kursus yang boleh dipindahkan hanyalah kursus-kursus yang mempunyai bilangan unit yang sama atau lebih. Bagi kursus yang setara tetapi unitnya kurang, pemindahan unit boleh diperakukan dengan menggabungkan beberapa kursus.
- Gred bagi kursus yang digabungkan tersebut akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- Bilangan maksimum unit yang boleh dipindahkan tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan bilangan unit pengajian.
- Pemindahan kredit daripada IPTA lain hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi semua IPTA.
- Pelajar dikehendaki mendaftar kursus di IPTA lain tidak kurang daripada jumlah unit minimum serta tidak melebihi unit maksimum yang ditetapkan mengikut program pengajian mereka, kecuali mendapat kebenaran khas Dekan bagi pelajar yang mendaftar kurang daripada unit minimum.
- Pelajar yang telah memohon dan diluluskan pemindahan kredit tidak dibenarkan membatalkan kelulusan tersebut setelah keputusan peperiksaan diperolehi.

6.0 SYARAT PENGIJAZAHAN

Pelajar mesti memenuhi syarat-syarat berikut untuk berijazah:

- Menepati semua keperluan kredit bagi program pengajian, seperti bilangan kredit keseluruhan dan bilangan kredit untuk setiap komponen pengajian (Teras, Minor, Elektif, dan Kursus Universiti).
- Memperoleh PNGK 2.00 ke atas untuk komponen Teras – PNGK (AT).
- Memperoleh PNGK 2.00 ke atas untuk keseluruhan rancangan.
- Mencapai minimum gred C atau nilai gred 2.00 untuk kursus-kursus berikut:
 - Bahasa Malaysia
 - Dua kursus Bahasa Inggeris

- iii. Penghayatan Etika dan Peradaban
- iv. Falsafah dan Isu Semasa
- v. Teras Keusahawanan
- vi. Pemikiran Kritis
- vii. Etika Profesional

- (f) Bagi pelajar Sastera, Sains Kemasyarakatan dan Pengurusan, terdapat kursus yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Pelajar wajib mendaftar kursus-kursus tersebut. Kursus-kursus ini mempunyai kod kursus yang berakhir dengan huruf 'E'. Syarat ini tidak terpakai kepada pelajar rancangan Sains kerana semua kursus rancangan Sains dikendalikan dalam Bahasa Inggeris.

7.0 PERTUKARAN RANCANGAN PENGAJIAN

Pengurusan Pertukaran Rancangan Pengajian (PRP) adalah dibawah Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia. Permohonan pelajar secara bertulis perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada:

Dekan
 Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
 Universiti Sains Malaysia
 11800, Pulau Pinang

Permohonan yang telah diperakukan oleh Dekan PPPJJ akan dihantar ke Unit Pengambilan Pelajar untuk diproses dan juga perlu mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor (Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa).

Pertukaran rancangan pengajian adalah tertakluk kepada budi bicara Dekan dan bergantung kepada memenuhi syarat masuk pengajian. Pelajar Tahun 1 yang ditawarkan mana-mana rancangan pengajian TIDAK boleh membuat pertukaran rancangan pengajian.

Caj yuran permohonan akan dikenakan seperti di bawah dan caj tersebut perlu dibayar kepada Jabatan Bendahari, USM. Resit bayaran asal perlu diserahkan kepada Unit Pengambilan Pelajar. Caj yang dikenakan seperti kadar berikut:

Kategori Permohonan	Kadar (RM)
Permohonan pertama	100.00
Permohonan lanjut (gagal permohonan terdahulu)	100.00
Permohonan lanjut (berjaya permohonan terdahulu)	500.00
Pertukaran mod pengajian (Penuh Masa ke Jarak Jauh)	500.00

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Portal *Campus Online*

Portal *Campus Online* (<https://campusonline.usm.my/>) menggabungkan pelbagai aplikasi atas talian yang terdapat di USM.

Pelajar Tahun 2 dan ke atas boleh melakukan pendaftaran kursus secara e-daftar melalui *Campus Online*. Selain itu, pelajar boleh menyemak taraf akademik, nilai PNG, nilai PNGK, status tahun pengajian, cangred (iaitu perisian yang membolehkan pelajar menyemak jumlah unit terkumpul, jumlah unit mengikut komponen Teras, Elektif, Minor dan Kursus Universiti dan jumlah unit yang diperlukan untuk pengijazahan), menyemak jadual peperiksaan serta mencetak slip peperiksaan.

8.2 Portal e-Pembelajaran PPPJJ

Portal e-Pembelajaran PPPJJ (<http://elearning.usm.my/pppjj>) ialah platform Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS – *Learning Management System*) berasaskan perisian Moodle yang diguna oleh PPPJJ dalam mengurus sistem pengajaran dan pembelajaran.

Portal e-Pembelajaran adalah medium penting pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi Rancangan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bahan-bahan pembelajaran bersifat digital akan dimuat naik ke dalam portal ini. Melalui portal ini pelajar boleh membuat capaian ke Perancangan Akademik. Pengendalian penilaian berterusan seperti kuiz dan tugas akan di buat melalui portal ini. Portal e-Pembelajaran juga mengandungi rakaman telesidang, rakaman e-Kuliah dan lain-lain bahan yang difikirkan sesuai sebagai rujukan oleh pelajar untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga boleh berinteraksi dengan pengurus kursus atau dengan sesama pelajar yang lain melalui ruang forum yang terdapat dalam portal ini.

Sesuai dengan fungsinya sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), melalui portal ini pelajar boleh juga memuat-turun borang-borang berkaitan (umpamanya borang menukar kod jenis kursus, borang menukar major-minor, borang pertukaran Pusat Wilayah dan lain-lain).

Terdapat juga beberapa panduan penggunaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang dimasukkan ke dalam portal ini. Bagi sebahagian kursus, penyerahan tugas secara atas talian (e-Tugasan) boleh dilakukan melalui portal ini.

8.3 Perisian e-Pos

Pelajar akan dapat menjejaki perjalanan bahan-bahan yang dihantar melalui pos menggunakan perisian e-Pos yang boleh dicapai melalui sesawang <http://www.sde.usm.my/parcel/>.

8.4 Pusat Wilayah

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia mempunyai rangkaian Pusat Wilayah di seluruh Malaysia. Berikut merupakan lokasi semasa Pusat Wilayah seluruh Malaysia :

- SMK Agama Arau, Perlis
- Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar
- PPPJJ, USM Kampus Induk
- SMK Wira Jaya, Ipoh
- SM Sains Selangor, KL
- SMK Seri Kota Puteri 2, JB
- PP Sains Kesihatan, USM Kampus Kesihatan, Kota Bharu
- SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu
- SMK Sultan Abu Bakar, Kuantan
- Maktab Sabah, Kota Kinabalu
- Kolej Datu Patinggi Abg Haji Abdillah, Kuching

RANCANGAN IJAZAH
SARJANA MUDA

SASTERA
(KEPUJIAN)

RANCANGAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)

LATAR BELAKANG

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) mula ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh pada tahun 1971. Rancangan ini secara khusus menumpu pengajian terhadap hal ehwal kemanusiaan mencakupi bidang-bidang peradaban, kebudayaan, pemikiran dan daya cipta. Berdasarkan konsep ini, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh yakin bahawa Rancangan Ijazah ini membolehkan pelajar mengenali masyarakat dan manusia sejagat.

Sebahagian daripada falsafah bidang pengajian Sastera meliputi kaedah-kaedah mengenal, menganalisis dan menyelesaikan masalah manusia dan kemanusiaan secara menyeluruh. Falsafah ini juga berteraskan masyarakat Malaysia yang meliputi kebudayaan, sejarah, alam sekitar dan perhubungan. Asas ini diberikan penekanan yang khusus demi kepentingan sumbangan yang membina ke arah pembangunan dan perkembangan peribadi masyarakat Malaysia.

Bidang teras (major) yang ditawarkan bawah Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) ialah Kesusasteraan dan Sejarah.

STRUKTUR RANCANGAN

Pelajar yang mengikuti Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) perlu mengumpul **124 unit** untuk keperluan pengijazahan. Jenis kursus dan jumlah unit yang perlu diambil adalah seperti berikut:-

Teras Asas (T)	12 }	73
Teras Bidang (T)	61 }	
Elektif (E)		12
Minor (M)		20
Kursus Universiti (U)		19
		<hr/>
JUMLAH		124
		<hr/>

PENDAFTARAN KURSUS

KURSUS TERAS ASAS (12 UNIT)

Kursus Teras Asas perlu diambil oleh semua pelajar Sarjana Muda Sastera.

JMG 101/4	-	Pengantar Geografi
JMK 101/4	-	Pengantar Kesusasteraan
JMS 101/4	-	Pengantar Sejarah

KURSUS TERAS BIDANG (61 UNIT)

KESUSASTERAAN

Bungkusan kursus Kesusasteraan terdiri daripada tiga komponen utama iaitu:

- Komponen Teori
- Komponen Kesusasteraan Nusantara
- Komponen Kesusasteraan Asing

JMK 211/3	-	Kritikan Kesusasteraan & Disiplin Bantu
JMK 214/4	-	Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih
<i>JMK 219E/4</i>	-	<i>Selected Works of Classical Asian Literature</i>
JMK 221/4	-	Fiksyen Melayu Moden
JMK 222/4	-	Fiksyen Indonesia Moden
JMK 312/3	-	Teori Kesusasteraan Mutakhir: Perspektif Perbandingan
<i>JMK 315E/4</i>	-	<i>Selected Works of Modern African Literature</i>
JMK 316/4	-	Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis
JMK 319/3	-	Kaedah Kajian Kesusasteraan
JMK 323/4	-	Puisi Nusantara
JMK 419/4	-	Karya Terpilih Kesusasteraan Asia Moden
JMK 421/4	-	Kesusasteraan dan Cereka Sains
JMK 422/4	-	Sastera Kanak-Kanak dan Remaja
JMK 423/4	-	Kesusasteraan Melayu Klasik Bercorak Islam
JMK 424/4	-	Kajian Perbandingan <i>Genre</i> Kesusasteraan Terpilih
JMK 490/4	-	Projek Kajian Kesusasteraan

SEJARAH

Bungkusan kursus Sejarah terdiri daripada enam komponen iaitu:

- Komponen Teori dan Kaedah
- Komponen Sejarah Malaysia
- Komponen Sejarah Asia Tenggara
- Komponen Sejarah Asia Timur
- Komponen Sejarah Asia Barat
- Komponen Sejarah Dunia Barat

JMS 211/4	-	Sejarah Politik Malaysia Tradisional
JMS 212/4	-	Sejarah Asia Tenggara Tradisional
JMS 213/4	-	Sejarah Politik Malaysia Moden
JMS 214/4	-	Sejarah Asia Tenggara Moden
JMS 216/4	-	Sejarah Ekonomi Malaysia
<i>JMS 313E/4</i>	-	<i>History of Modern Europe</i>
<i>JMS 316E/4</i>	-	<i>History of Islamic Intellectuals</i>
JMS 318/3	-	Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia
JMS 321/4	-	Sejarah Asia Barat
JMS 411/4	-	Teori, Kaedah dan Falsafah Sejarah
JMS 413/3	-	Sejarah India Moden
JMS 414/3	-	Sejarah China Moden
<i>JMS 415E/4</i>	-	<i>History of the United States of America</i>
JMS 416/4	-	Sejarah Sosio-Politik Malaysia: Gerakan Protes
JMS 417/4	-	Pensejarahan Barat Dan Timur
JMS 418/4	-	Sejarah: Kajian Tempatan

Perhatian: **Kursus JMS 418/4 - Sejarah: Kajian Tempatan** hanya boleh didaftarkan sekiranya pelajar telah memenuhi bilangan unit tahun akhir dan akan berjajazah.

KURSUS ELEKTIF (12 UNIT)

Untuk pelajar major Kesusasteraan sahaja

JMK 324/4	-	Penulisan Kreatif
JMK 415/4	-	Kesusasteraan, Budaya dan Media Baru
<i>JMK 418E/4</i>	-	<i>New Literature in English from the Asia Pacific</i>

Untuk pelajar major Sejarah sahaja

- JMS 217/4 - Pensejarahan Malaysia
- JMS 410/4 - Revolusi Industri: Pengalaman Britain 1760 - 1945
- JMS 412/4 - Sejarah Sosial Malaysia Moden

KURSUS MINOR DALAM RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)

Geografi

- JMG 211/4 - Geografi Manusia
- JMG 212/4 - Geografi Fizikal
- JMG 213E/4 - Techniques in Geography*
- JMG 214/4 - Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik
- JMG 316/4 - Ekonomi dan Ruang

Kesusasteraan

- JMK 214/4 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih
- JMK 221/4 - Fiksyen Melayu Moden
- JMK 222/4 - Fiksyen Indonesia Moden
- JMK 316/4 - Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis
- JMK 323/4 - Puisi Nusantara

Sejarah

- JMS 211/4 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional
- JMS 212/4 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional
- JMS 213/4 - Sejarah Politik Malaysia Moden
- JMS 214/4 - Sejarah Asia Tenggara Moden
- JMS 216/4 - Sejarah Ekonomi Malaysia

KURSUS MINOR LUAR RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)

Antropologi-Sosiologi

- JKA 101/4 - Pengantar Antropologi dan Sosiologi
- JKA 219/4 - Ketaksamaan Sosial
- JKA 321/4 - Agama dan Hubungan Sosial
- JKA 328/4 - Perkahwinan dan Persanakan
- JKA 433/4 - Devian, Konflik dan Kawalan Sosial

Ekonomi

- JKE 101/4 - Pengantar Ekonomi
- JKE 213/4 - Wang dan Perbankan
- JKE 215/4 - Mikroekonomi
- JKE 216/4 - Makroekonomi
- JKE 414/4 - Ekonomi Malaysia

Sains Politik

- JKP 101/4 - Pengantar Sains Politik
- JKP 211/4 - Pentadbiran Awam
- JKP 212/4 - Hubungan Antarabangsa
- JKP 213/4 - Falsafah Politik
- JKP 218/4 - Politik Perbandingan

Biology

- JIB 115/4 - *Plant Diversity*
- JIB 116/4 - *Animal Diversity*
- JIB 221/4 - *Microbiology*
- JIB 222/4 - *Ecology*
- JIB 226/4 - *Genetics*

Chemistry

- JIK 101/4 - *General Chemistry I*
- JIK 102/4 - *General Chemistry II*
- JIK 224/4 - *Organic Chemistry I*
- JIK 326/4 - *Analytical Chemistry I*
- JIK 414/4 - *Chemistry and Environment Pollution*

Mathematics

- JIM 101/4 - *Calculus*
- JIM 106/4 - *Elementary Statistics*
- JIM 107/4 - *Linear Algebra*
- JIM 211/4 - *Advanced Calculus*
- JIM 212/4 - *Statistical Methods*

Physics

- JIF 103/4 - *Physics I/Practical Ia*
- JIF 104/4 - *Physics II/Practical Ib*
- JIF 211/4 - *Mechanics*
- JIF 319/4 - *Computational Physics*
- JIF 320/4 - *Electricity and Magnetism*

Nota: Semua kursus Sains di atas diajar dalam Bahasa Inggeris.

Pengurusan

- JTW 113/3 - *Prinsip Perakaunan Kewangan*
- JTW 116/3 - *Prinsip Pengurusan*
- JTW 126/3 - *Statistik Perniagaan*
- JTW 223/3 - *Pengurusan Operasi*
- JTW 253/3 - *Perlakuan Organisasi*
- JTW 263/3 - *Prinsip Kewangan*
- JTW 241/3 - *Prinsip Pemasaran*

KURSUS UNIVERSITI (19 UNIT)

English (4 unit)

- JUE 200/2 - *English I*
- JUE 300/2 - *English II*
- JUE 402/2 - *Writing For Professional Purposes*

Walau bagaimanapun sesetengah pelajar perlu mendaftar *JUE 100/2 - Preparatory English* tertakluk kepada taraf pencapaian Bahasa Inggeris masing-masing.

Kursus Bahasa Inggeris yang wajib diambil berdasarkan kelayakan MUET adalah seperti berikut:

Bil	Kelayakan Bahasa Inggeris	Kursus Yang Perlu Diambil	Status Kursus
1.	MUET (Band 2/ 2.5/ 3/ 3.5 – Skor 36-210)	<i>JUE 100/2 – Preparatory English</i> <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Prasyarat (Tiada Unit) Wajib Wajib
2.	MUET (Band 4/ 4.5 - Skor 211-293)	<i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Wajib Wajib
3.	MUET (Band 5 - Skor 294-330) (Band 5+ - Skor 331-360)	<i>JUE 300/2 – English II</i> <i>JUE 402/2 – Writing for Profesional Purposes</i>	Wajib Wajib

Bahasa Malaysia (2 unit)

JUL 401/2 - Bahasa Malaysia IV

Penghayatan Etika dan Peradaban (2 unit)

JUR 102/2 - Penghayatan Etika dan Peradaban

Falsafah dan Isu Semasa (2 Unit)

JUF 101/2 - Falsafah dan Isu Semasa

Ko-Kurikulum (3 unit)

JUJ 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer

Kursus Kemahiran (2 unit)

JUS 101/2 - Teras Keusahawanan

Kursus Pemikiran Kritis (2 unit)

JUH 102/2 - Pemikiran Kritis

Kursus Etika Profesional (2 unit)

JUR 101/2 - Etika Profesional

SENARAI KURSUS KESUSASTERAAN

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMK 101 - Pengantar Kesusasteraan	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
2.	JMK 211 - Kritikan Kesusasteraan dan Disiplin Bantu	3	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
3.	JMK 214 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
4.	<i>JMK 219E</i> - <i>Selected Works of Classical Asian Literature</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
5.	JMK 221 - Fiksyen Melayu Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
6.	JMK 222 - Fiksyen Indonesia Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
7.	JMK 312 - Teori Kesusasteraan Mutakhir: Perspektif Perbandingan	3	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
8.	<i>JMK 315E</i> - <i>Selected Works of Modern African Literature</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
9.	JMK 316 - Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
10.	JMK 319 - Kaedah Kajian Kesusasteraan	3	100	-	70 Kertas Cadangan Penyelidikan 30 Laporan Awal dan Pembentangan
11.	JMK 323 - Puisi Nusantara	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
12.	JMK 324 - Penulisan Kreatif	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
13.	JMK 415 - Kesusasteraan, Budaya dan Media Baru	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
14.	<i>JMK 418E</i> - <i>New Literatures in English from the Asia Pacific</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
15.	JMK 419 - Karya Terpilih Kesusasteraan Asia Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
16.	JMK 421 - Kesusasteraan dan Cereka Sains	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
17.	JMK 422 - Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
18.	JMK 423 - Kesusasteraan Melayu Klasik Bercorak Islam	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
19.	JMK 424 - Kajian Perbandingan <i>Genre</i> Kesusasteraan Terpilih	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
20.	JMK 490 - Projek Kajian Kesusasteraan	4	100	-	70 Laporan 30 Kertas Cadangan Penyelidikan

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS KESUSASTERAAN

JMK 101/4 - PENGANTAR KESUSASTERAAN

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada bidang kesusasteraan. Pelajar didedahkan kepada asas teori dan kritikan kesusasteraan serta aspek-aspek amali dalam menganalisis karya Kesusasteraan daripada pelbagai genre tradisional dan moden.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan konsep-konsep asas dalam kajian kesusasteraan.
- Menganalisis teori dan pendekatan kesusasteraan berdasarkan beberapa contoh bahan kajian kesusasteraan.
- Menghuraikan perkaitan antara karya kesusasteraan dengan kehidupan masyarakat.

JMK 211/3 - KRITIKAN KESUSASTERAAN DAN DISIPLIN BANTU

Kursus ini bertujuan memperkenalkan beberapa konsep asas untuk menilai hasil karya secara ilmiah dan sistematik. Justeru itu pelajar diperkenalkan dengan beberapa asas teori kritikan. Pelajar akan menganalisis karya dengan menerapkan disiplin bantu yang bersesuaian dengan perkembangan semasa seperti media dan budaya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti prinsip-prinsip teori kritikan dalam bidang kesusasteraan dan disiplin bantu.
- Menerangkan teori kesusasteraan dengan disiplin bantu dalam karya tempatan secara relevan.
- Membincangkan isu-isu kontemporari yang melibatkan kesusasteraan, budaya dan media.

JMK 214/4 - KAJIAN TEKS MELAYU KLASIK TERPILIH

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar Kesusasteraan Melayu Klasik yang agung. Setiap karya pilihan membayangkan pemikiran pengarang dan zamannya, nilai masyarakatnya dan juga sastera bakat kreatif dan imaginasi naratif.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Memerihal ciri-ciri teks Melayu Klasik sebagai Sastera Agung dalam dunia Nusantara.
- Menganalisis pengarang dan kedudukan teks sastera Melayu klasik di Nusantara.
- Menerangkan aspek-aspek budaya dan tradisi dalam masyarakat silam.

JMK 219E/4 - SELECTED WORKS OF CLASSICAL ASIAN LITERATURE

This course exposes students to some of the selected works of Asian Classical Literature. Four regions have been identified that is, Iran (Persia), the Indian Sub-Continent, China and Japan. These selected works are representative of their regions and they are among the best works produced. Various issues related to the cultural background from which the texts were produced would be given emphasis.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the characteristics of Asian Classical Literature.*
- *Analyse the techniques employed by the authors of selected works of classical Asian literature.*
- *Elaborate on the similarities and differences of selected texts.*

JMK 221/4 - FIKSYEN MELAYU MODEN

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada bentuk–bentuk cereka dalam komponen prosa meliputi cerpen, novel dan drama. Perbincangan akan bermula sejak 1920-an hinggalah pada era 2000. Isu-isu utama yang akan dibincangkan berkaitan dengan pendefinisan semula, perkembangan, penjenisan dan penstrukturan fiksiyen. Pengisian kuliah juga meliputi perubahan gaya kepengarangan yang dipengaruhi oleh tradisi dan modeniti. Perbincangan kursus ini juga mencakupi isu-isu kelestarian yang menekankan aspek-aspek tradisi dan modeniti terhadap kemanusiaan, keseimbangan persekitaran, kemasyarakatan, nilai-nilai budaya sebagai fenomena yang relevan kepada perubahan semasa dan implikasi pada masa yang akan datang di Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan pengertian fiksiyen Melayu moden.
- Menghuraikan secara kritis beberapa buah drama, prosa secara tekstual /ekstrinsik.
- Menilai isu-isu mengenai pengkalan dan pengubahsuaian karya sastera daripada tradisi ke modeniti secara berkumpulan.

JMK 222/4 - FIKSYEN INDONESIA MODEN

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada bentuk–bentuk cereka dalam komponen prosa meliputi cerpen, novel dan drama. Setiap genre ini akan mewakili negara yang dikaji iaitu Indonesia. Perbincangan secara *historical approach* mencakupi penelitian genre di Indonesia bermula sejak zaman Balai Pustaka pada era 1920-an hinggalah mutakhir. Isu-isu utama yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan pendefinisan semula, perkembangan, penjenisan dan penstrukturan fiksiyen di Indonesia. Pengisian kuliah juga meliputi perubahan gaya kepengarangan yang dipengaruhi oleh tradisi dan modeniti. Perbincangan kursus ini juga mencakupi isu-isu kelestarian yang menekankan aspek-aspek tradisi dan modeniti terhadap kemanusiaan, keseimbangan persekitaran, kemasyarakatan, nilai-nilai budaya sebagai fenomena yang relevan kepada perubahan semasa dan implikasi di masa yang akan datang di Nusantara.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan pengertian fiksiyen Indonesia moden.
- Menghuraikan secara kritis beberapa buah drama, prosa secara tekstual /ekstrinsik.
- Menilai isu-isu mengenai pengkalan dan pengubahsuaian karya sastera daripada tradisi ke modeniti secara berkumpulan.

JMK 312/3 - TEORI KESUSASTERAAN MUTAKHIR: PERSPEKTIF PERBANDINGAN

Kursus ini memberi tumpuan kepada beberapa aliran teori dalam bidang kesusasteraan, bermula dengan perkembangan teori sastera Barat era klasik, era moden dan pasca moden. Bagaimanapun teori pasca moden diberi tumpuan dalam kursus ini iaitu teori strukturalisme, teori

semiotik, intertekstualiti, feminisme, psikoanalisis, hermeneutik, new historisme, dan teori fenomenologi. Perkembangan teori kesusasteraan di Malaysia turut dibincangkan yang merangkumi teori pengkaedahan melayu, teori puitika Melayu, teksdealisme, dan teori takmilah. Kekuatan dan kelemahan mana-mana aliran teori itu akan diperlihatkan, sama ada secara perbandingan mahupun secara perbandingan menurut 'epistemologi' (teori ilmu) yang universal. Penjelasan bagi satu-satu aliran teori itu akan melibatkan terapan ke atas teks kreatif tertentu yang dipilih bersesuaian dengan permasalahan teorinya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Memerihalkan teori kesusasteraan Barat dan teori kesusasteraan tempatan.
- Membincangkan teori-teori kesusasteraan dari perspektif perbandingan.
- Mengkaji karya-karya sastera dengan menggunakan teori-teori kesusasteraan tempatan dan Barat dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian perbandingan.

JMK 315E/4 - SELECTED WORKS OF MODERN AFRICAN LITERATURE

This course aims to introduce students to modern literature from the African continent. The selected works represent different eras of modern Africa literature: Colonialism, Independence, post-colonialism and contemporary. The main focus of this course is colonialism and war and the effects on individuals and the African society in selected texts

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Discuss important topics that reflect the history, politics, social and economic issues during colonialism, Independence, after Independence and contemporary times in selected African text.*
- *Compare selected works based on themes characters and characterization, plot, author's techniques and other literary element.*
- *Relate literary works to the themes of colonialism and conflicts.*

JMK 316/4 - SASTERA RAKYAT: TEORI, METODOLOGI DAN ANALISIS

Perbincangan akan bertitik tolak daripada teori-teori tertentu yang mendasari disiplin folklore serta hubungan disiplin ini dengan budaya rakyat di satu pihak dan fenomena sastera di pihak yang lain. Antara teori-teori yang akan disentuh ialah 'nasionalis-ideologis', 'antropologikal-fungsional', komparatif, behavioris, psikologikal, 'formula-lisan', dan 'struktural-morfologikal'. Untuk bahagian penerapan dan analisis, contoh-contoh sastera rakyat Melayu yang akan digunakan meliputi cerita rakyat yang telah dikumpul dalam zaman pra-merdeka sehinggalah beberapa pilihan daripada koleksi sastera rakyat yang telah diperolehi oleh pengkaji-pengkaji zaman selepas merdeka, termasuk contoh-contoh daripada kaum bumiputera Sabah dan Sarawak.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti tentang genre, konsep dan ciri-ciri sastera rakyat di Alam Nusantara.
- Membandingkan genre sastera rakyat yang terdapat di Nusantara.
- Menganalisis teks-teks sastera rakyat secara ilmiah dengan aplikasi teori berkaitan.

JMK 319/3 - KAEDAH KAJIAN KESUSASTERAAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk menganalisis dan mengkaji karya Kesusasteraan . Pelajar perlu menyediakan kertas cadangan dengan mengambil kira beberapa elemen penting dalam penyelidikan Kesusasteraan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan tentang kajian lepas berkaitan dengan tajuk penyelidikan.
- Menghubungkan elemen-elemen penting dalam membuat kajian Kesusasteraan.
- Menyediakan proposal lengkap hasil daripada kaedah kajian yang bersesuaian.

JMK 323/4 - PUISI NUSANTARA

Kursus ini akan memfokuskan terhadap perkembangan puisi Nusantara dengan memberi perhatian kepada perkembangan puisi tradisional dan moden. Tumpuan akan diberikan kepada persoalan bentuk, struktur, bahasa, tema, kebijaksanaan, elemen-elemen alam dan sosio-budaya yang tercerna di dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh beberapa penyair Nusantara. Genre puisi yang akan diberi perhatian ialah puisi lama dan moden.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan klasifikasi dan unsur-unsur puisi tradisional dan Moden di Nusantara.
- Menganalisis puisi-puisi tradisional dan moden terpilih antara kelompok masyarakat di Nusantara.
- Menilai secara kritis kebijaksanaan penyair berdasarkan isi karya mereka.
- Mempamerkan kesedaran yang lebih baik terhadap diri, individu lain dan persekitaran berdasarkan nilai yang diperoleh daripada puisi seperti kepekaan perasaan, ketajaman fikiran, kekuatan apresiasi dalam penghayatan seni membentuk kesedaran yang lebih baik terhadap diri, individu lain dan persekitaran berdasarkan nilai yang diperoleh daripada puisi seperti kepekaan perasaan, ketajaman fikiran, kekuatan apresiasi dalam penghayatan seni.

JMK 324/4 - PENULISAN KREATIF

Kursus ini memberi tumpuan terhadap persediaan awal sebagai seorang penulis karya kreatif. Pelajar akan didedahkan dengan kaedah serta dasar teknik penulisan karya kreatif. Pelajar akan diberi bimbingan untuk menghasilkan cerpen yang asli serta menerbitkan hasil karya tersebut.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Meneroka teknik-teknik yang bersesuaian dalam proses penciptaan karya kreatif.
- Menunjukkan kebolehan menyunting dalam proses menghasilkan karya kreatif dengan menggunakan perkakasan tertentu.
- Mempamerkan kemahiran mencipta karya kreatif dalam pelbagai genre dengan menerapkan ilmu bantu seperti perisian/aplikasi/perkakasan dan formating.

JMK 415/4 - KESUSASTERAAN, BUDAYA DAN MEDIA BARU

Kesusasteraan menerima baik kajian budaya dan media sebagai satu aspek penting dalam teori dan kritikan sastera. Sastera, budaya dan media ialah satu bentuk hubungan timbal balik, maka kajian media dan hubungannya dengan sastera dan budaya seperti media baru akan diberi perhatian. Kursus ini meneliti bagaimana media baru dan budaya digital memberi kesan kepada penghasilan, penerimaan dan penilaian karya sastera mutakhir ini. Seterusnya, kursus ini membincangkan secara kritis dalam konteks teks-teks yang terpilih bagi menjelaskan aspek aplikasinya dalam perspektif sastera, budaya dan media.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Membincangkan hasil sastera dan kaitannya dengan sejarah sebagai pembinaan ketamadunan bangsa.
- Mengabung secara kritis tentang peranan karya sastera dan hubungannya dengan budaya dan media baru.
- Membandingkan kajian berkaitan dengan isu-isu seperti tematik, generik, genetik dan tranformasi yang terdapat dalam karya sastera, budaya dan media baru pilihan berteraskan pendekatan-pendekatan yang tertentu.

JMK 418E/4 - NEW LITERATURES IN ENGLISH FROM THE ASIA PACIFIC

This course examines 'New Literatures' in English by authors who were born in the Asia Pacific region. The focus of this course is 'New Literatures' and its link with the impact of colonialism on society. Contemporary works that reflect the transition of traditional society to modern society will be studied as well.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Elaborate on the way new Literatures in English reflect the sociopolitical and economic situation of the selected countries as a result of colonialism.*
- *Analyse the themes, style, literary elements, techniques and philosophy that influence the thoughts of the writers.*
- *Compare literary elements in the selected works.*

JMK 419/4 - KARYA TERPILIH KESUSASTERAAN ASIA MODEN

Kursus ini memberi tumpuan kepada keunikan karya moden setiap negara Asia terpilih. Penekanan diberi kepada latar belakang sejarah, sosiopolitik dan ekonomi yang melahirkan karya-karya yang mewakili emosi, pemikiran dan keadaan masyarakat negara tersebut. Selain itu, hubungan manusia dan alam serta kesan pembangunan terhadap alam akan dikaji melalui karya-karya terpilih.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghubungkan psikologi watak dan masyarakat karya terpilih dalam peralihan antara zaman tradisional dan moden masyarakat dalam negara-negara terpilih Asia.
- Membincangkan topik-topik, isu-isu yang berkaitan persoalan utama, serta teknik pengarang dalam karya-karya terpilih dalam Kesusasteraan moden Asia sebagai hasil sejarah, politik dan sosioekonomi negara-negara tertentu di Asia.

- Menganalisis hubungan manusia dan alam dan serta unsur-unsur simbolik alam dalam karya terpilih kesusasteraan Asia moden.

JMK 421/4 - KESUSASTERAAN DAN CERKA SAINS

Kursus ini bertujuan menjelaskan perkaitan antara bidang kesusasteraan dengan bidang sains. Karya cereka sains yang terpilih akan dikaji daripada segi genre dan perkembangannya serta medium penyampaian. Pelajar didedahkan kepada adaptasi cereka sains kepada pelbagai media baharu.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan bahawa bidang kesusasteraan tidak jumud, malah sesuai dengan semua bidang sains.
- Menghuraikan bahawa bidang sains boleh menjadikan bidang sastera sebagai medium untuk menyampaikan informasi.
- Membezakan antara cereka sains dengan cereka-cereka lain.
- Menghuraikan impak kemajuan sains terhadap kehidupan secara tidak langsung.

JMK 422/4 - KESUSASTERAAN KANAK-KANAK DAN REMAJA

Kursus ini bertujuan membincangkan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja daripada segi definisi, sejarah dan genre. Beberapa karya terpilih daripada karya tempatan dan dari negara-negara lain akan dikaji daripada pelbagai pendekatan. Kursus ini akan membincangkan perkembangan pelbagai media baru dan impaknya ke atas perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan pengertian kesusasteraan kanak-kanak dan remaja daripada segi sejarah dan genre.
- Membincangkan secara kritis karya-karya daripada kesusasteraan kanak-kanak dan remaja daripada pelbagai pendekatan.
- Menghasilkan kerja secara berkumpulan berkaitan dengan perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada hari ini.

JMK 423/4 - KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK BERCORAK ISLAM

Tumpuan akan diberikan kepada karya-karya awal yang dibawa masuk dari Timur Tengah atau karya-karya warisan peradaban Islam sebagai media dakwah. Tumpuan kedua ialah melihat karya-karya Islam yang dihasilkan oleh ulama pengarang tempatan sendiri.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan sejarah perkembangan dan ciri-ciri karya klasik bercorak Islam yang muncul bersama kedatangan Islam di Nusantara.
- Menganalisis unsur-unsur pengaruh Timur Tengah yang terakam dalam karya sastera klasik bercorak Islam pilihan.

- Menilai persoalan tradisi dan weltanschauung pengarang/ulama Nusantara berdasarkan karya klasik bercorak Islam terpilih.

JMK 424/4 - KAJIAN PERBANDINGAN GENRE KESUSASTERAAN TERPILIH

Kursus ini akan meneliti dan mengkaji beberapa teks daripada beberapa tradisi Timur dan Barat secara perbandingan. Kebanyakan genre yang dipilih akan mewakili khazanah kesusasteraan klasik, peralihan dan moden; samada mewakili wilayah dunia Melayu mahupun Timur dan Barat. Kajian ini turut menyentuh sejarah perkembangan kesusasteraan Nusantara dan isu-isu pensejarahan secara perbandingan akan dilakukan dengan bantuan pengetahuan tentang latar belakang, konteks sejarah dan sosio-budaya di sekitar kewujudan genre berkenaan dan sehingga kemunculan sastera moden dan bandingan, unsur-unsur teori atau kritikan moden yang berkesan. Penelitian dalam kajian ini turut memfokuskan pensejarahan zaman transisi Abdullah Munshi berdasarkan karya-karya yang dihasilkan, termasuklah sejarah perkembangan institusi percetakan di Nusantara dan hubung kait dengan Barat. Kesenambungan daripada sejarah perkembangan kesusasteraan ini, kelahiran sastera bandingan telah mewujudkan sebuah disiplin yang bermanfaat dalam dunia kesusasteraan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Memerihalkan tentang karya sastera dengan bukan sastera dalam penulisan moden.
- Menjelaskan genre klasik dan moden.
- Membincangkan karya sastera berbentuk naratif dan non-naratif secara ilmiah.

JMK 490/4 - PROJEK KAJIAN KESUSASTERAAN

Kursus ini melibatkan proses pengumpulan bahan oleh pelajar, analisis kritis ke atas bahan tersebut, pembentangan kertas cadangan dan diakhiri dengan sebuah tulisan ilmiah (dalam lingkungan 50 hingga 60 halaman panjang) tentang kajian yang telah dilakukan. Kajian pilihan merangkumi semua genre kesusasteraan moden dan klasik melalui pelbagai pendekatan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengkaji karya Kesusasteraan dengan aplikasi teori.
- Menghuraikan secara rinci tentang tulisan Ilmiah yang dihasilkan.
- Menyelesaikan satu kajian yang mantap dan kritis.

SENARAI KURSUS SEJARAH

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMS 101 - Pengantar Sejarah	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
2.	JMS 211 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
3.	JMS 212 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
4.	JMS 213 - Sejarah Politik Malaysia Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
5.	JMS 214 - Sejarah Asia Tenggara Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
6.	JMS 216 - Sejarah Ekonomi Malaysia	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
7.	JMS 217 - Pensejarahan Malaysia	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
8.	JMS 313E - <i>History of Modern Europe</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
9.	JMS 316E - <i>History of Islamic Intellectuals</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
10.	JMS 318 - Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia	3	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
11.	JMS 321 - Sejarah Asia Barat	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
12.	JMS 410 - Revolusi Industri: Pengalaman Britain, 1760-1945	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
13.	JMS 411 - Teori, Kaedah dan Falsafah Sejarah	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
14.	JMS 412 - Sejarah Sosial Malaysia Moden	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
15.	JMS 413 - Sejarah India Moden	3	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
16.	JMS 414 - Sejarah China Moden	3	50	50	30 Tugasan 20 P.B.

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
17.	JMS 415E - <i>History of the United States of America</i>	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
18.	JMS 416 - Sejarah Sosio-Politik Malaysia: Gerakan Protes	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
19.	JMS 417 - Pensejarahan Barat dan Timur	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
20.	JMS 418 - Sejarah: Kajian Tempatan	4	100	-	80 Tesis 10 Kertas Cadangan Penyelidikan 10 Pembentangan

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS SEJARAH

JMS 101/4 - PENGANTAR SEJARAH

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar bahawa pengajian sejarah sebagai satu bidang ilmu yang khusus dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Antara tema utama kursus ini ialah makna dan ruang lingkup sejarah, penilaian kritis terhadap sumber-sumber sejarah, penyebab dalam sejarah, dan persoalan keobjektifan dalam sejarah. Tema-tema penting dalam sejarah Malaysia dari tempoh pra-penjajahan sehingga masa kini turut dikaji bagi memberikan pelajar dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah sebagai suatu bidang ilmu.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerang kaedah-kaedah penyelidikan sejarah, baik secara empirikal mahupun rasional.
- Mengenal pasti perbezaan aliran epistemologi klasik dalam hubungannya dengan pensejarahan dan cara memanfaatkannya dalam penulisan sejarah.
- Mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber melalui pengkajian terhadap peristiwa-peristiwa masa lampau.

JMS 211/4 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA TRADISIONAL

Kursus ini membincangkan struktur politik Kesultanan Melayu Melaka, pengasasan negeri-negeri Selat, krisis-krisis politik di negeri-negeri Melayu, reaksi terhadap penjajahan Inggeris, penjajahan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara, penjajahan Inggeris di Sabah dan Sarawak dan kegiatan politik di kalangan orang Melayu, India dan Cina menjelang abad kedua puluh.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelas dasar perluasan kuasa pihak penjajah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu, Negeri-negeri Selat, Sabah dan Sarawak.
- Menganalisis reaksi pemerintah dan masyarakat tempatan terhadap penjajahan kuasa asing (Portugis, Belanda, British dan Siam) serta kesan-kesan penjajahan kuasa asing ke atas perkembangan politik tempatan.
- Menghurai kesan perjanjian-perjanjian penaungan antara pihak penjajah dengan pihak pemerintah tempatan ke atas perkembangan politik Negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak.
- Mempamer pemahaman terhadap tanggungjawab moral pihak penjajah ke atas pemerintah dan rakyat tempatan dalam konteks perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dengan pemerintah tempatan.

JMS 212/4 - SEJARAH ASIA TENGGARA TRADISIONAL

Kursus ini menekankan perihal tamadun zaman awal Sejarah Asia Tenggara dari segi evolusi kebudayaan zaman pra-sejarah dan pertumbuhan negeri serta identiti masyarakat. Tumpuan diberikan kepada beberapa kerajaan awal yang penting seperti Funan, Srivijaya, Majapahit, Aceh, Melaka. Kemunculan dan perkembangan kerajaan-kerajaan ini sebahagian besarnya adalah kesan daripada aktiviti perdagangan dan perkapalan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerang perkembangan tradisi asli dan kegiatan perkapalan serta perdagangan.
- Menghurai ciri-ciri konsep Indianisasi.
- Menilai ciri-ciri dan proses Islamisasi di rantau Asia Tenggara.

JMS 213/4 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA MODEN

Kursus ini bertemakan kepada penjelmaan Malaysia sebagai Negara-Bangsa. Ia membincangkan kemunculan Malaysia dari segi perubahan corak pemerintahan, kuasa politik, keluasan wilayah dan perlembagaan. Selain itu, juga mengkaji perkembangan gagasan bangsa terutama sekali perbezaan fahaman dan tafsiran tentang konsep dan asas bangsa dalam konteks sejarah Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenalpasti perubahan-perubahan sistem politik Malaysia sejak campur tangan British.
- Menilai pergerakan-pergerakan rakyat sebagai tindak balas terhadap dasar pemerintah.
- Mengenalpasti secara kritis cabaran dan krisis yang dilalui Malaysia sejak pembentukannya hingga 1983.
- Membuat sintesis pada peristiwa-peristiwa sejarah Malaysia sebagai satu pengajaran untuk perancangan masa hadapan negara.

JMS 214/4 - SEJARAH ASIA TENGGARA MODEN

Kursus ini meliputi sejarah politik dan sosioekonomi Asia Tenggara. Ia mengkaji evolusi dan perubahan berlaku dalam masyarakat tempatan sebelum dan selepas kedatangan kolonial dengan mendalami kesan kebangkitan nasionalisme, kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan. Kursus ini meneliti masalah politik, kerajaan tempatan dan hubungan antarabangsa serantau seperti peperangan, pemberontakan, gerakan pemisahan, pelarian, peranan tentera, pembangunan ekonomi, pemerintahan, integrasi kaum serta perpaduan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti perubahan sistem masyarakat, ekonomi dan kerajaan di Asia Tenggara.
- Menganalisis kedatangan kuasa-kuasa Eropah dan Jepun serta pengenalan kepada corak pemerintahan kolonial.
- Merumus secara umum konsep ideologi, nasionalisme dan penentangan yang telah berlaku di Asia Tenggara.
- Membanding bentuk-bentuk penentangan kerajaan di Asia Tenggara.

JMS 216/4 – SEJARAH EKONOMI MALAYSIA

Kursus ini berkaitan kegiatan ekonomi zaman awal iaitu aktiviti perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka hingga abad ke-19 selain membincangkan perubahan-perubahan ekonomi yang berlaku di Malaysia sejak abad ke-19. Rancangan-rancangan pembangunan ekonomi sejak 1957 hingga 1970 akan dibincangkan termasuk Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang dilancarkan pada 1971.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghuraikan kegiatan ekonomi Malaysia dari zaman awal hingga abad ke-20.
- Mengesan perubahan-perubahan aktiviti ekonomi daripada berteraskan aktiviti kelautan kepada penggunaan tanah.
- Menganalisa dan memberikan pandangan tentang dasar dan pelaksanaan ekonomi kerajaan sejak merdeka.
- Mempamerkan kebolehan menggunakan data-data kuantitatif yang berkaitan dengan perubahan-perubahan sejarah ekonomi Malaysia kesan daripada kolonialisme Barat.

JMS 217/4 – PENSEJARAHAN MALAYSIA

Kursus ini bertujuan memperkayakan pemahaman pelajar tentang perkembangan penulisan sejarah Malaysia dari tempoh zaman feodal sehingga masa kini. Ia akan bertumpu pada evolusi pensejarahan Malaysia dari sudut pandangan kaedah, falsafah dan interpretasi. Pelbagai tulisan sejarah berpengaruh akan diteliti untuk memahami bagaimana ideologi-ideologi politik dan keadaan masyarakat sezaman mempengaruhi intepretasi sejarah.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan pola perkembangan dalam penulisan sejarah di Malaysia.
- Menghuraikan perkembangan persejarahan Malaysia dari zaman tradisional hingga pasca merdeka.
- Membentang perkaitan antara kemunculan kerja sejarah dengan perkembangan semasa.
- Menganalisis peranan akhbar dan majalah dalam kebangkitan kesedaran nasionalisme.

JMS 313E/4 – HISTORY OF MODERN EUROPE

This course focuses on the thoughts and political movements in modern European history. A special study will be made concerning the upheavals in European society in the effort to search, to establish and to maintain a system of government which would resolve economic, political and social conflicts in the society.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain European history according to specific themes beginning from the French Revolution of the 1790s to 1945.*
- *Relate social, economic, and political changes in the European society since the French Revolution.*
- *Illustrate the role of the ruling class in the political change and upheaval, and revolution in Europe through sources available in reference materials including internet references.*

JMS 316E/4 – HISTORY OF ISLAMIC INTELLECTUALS

This course reviews the Islamic intellectual history from 19th until beginning of the 21st century. Focusing on Islamic Uprising, impact of imperialism, colonialism and the influence of Western ideology on Muslims and its response. Analyze the thoughts of Muslim intellectual and the role of Islamic movements in parts of Middle East, North Africa, South Asia, Nusantara and Muslim minorities.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the early intellectual development of Islam as well as the impact of colonialism, Western ideology and Zionism on Muslims.*
- *Analyze the role and comparison between intellectual thoughts and Islamic movements in parts of the Middle East, North Africa, South Asia, Nusantara and Muslim minorities.*
- *Reporting the influence of colonialism, Western ideologies and its impacts on intellectual thought, Islamic movements and Muslim minorities.*
- *Organize information on issue of colonialism, Western ideologies and intellectual dynamism, Islamic movements and Muslim minorities.*

JMS 318/3 – DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA

Kursus ini mengkaji sejarah Malaysia moden melalui kaca mata sumber primer iaitu dokumen-dokumen bertulis. Sumber-sumber itu termasuklah dokumen peribadi seperti diari, surat-menyurat persendirian, dan memoir serta dokumen-dokumen rasmi seperti laporan, memoranda, telegram, surat, ucapan, perjanjian, perlembagaan, dan perbahasan parlimen. Skop kajian adalah daripada zaman penjajahan British sehingga pembentukan Persekutuan Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mentafsir kepentingan dokumen-dokumen dalam sejarah Malaysia.
- Menghuraikan dasar kerajaan dan implikasinya melalui penelitian terhadap sumber sejarah.
- Mempamerkan kemahiran digital dalam menggunakan alatan teknologi dengan menganalisis sumber dan data.

JMS 321/4 – SEJARAH ASIA BARAT

Kursus ini meninjau dari zaman pra Islam sehingga selepas Perang Dunia Kedua, memberi tumpuan kepada kebangkitan Islam dan impak politik serta sosial ke arah pembentukan identiti Arab-Islam. Mengkaji Sejarah awal Asia Barat sehinggalah zaman Khilafah Ar-Rasyidin, Umayyiah, Abbasiyyah, Uthmaniyyah dan Safawiyyah untuk memahami perkembangan sosio-politik serta geo-politik di rantau tersebut.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan sejarah dan perkembangan Asia Barat Pra Islam, Khilafah Islamiah dari Zaman Al-Rasyidin, Umayyah serta Abbasiyyah dan sumbangannya terhadap ketamadunan Islam.
- Menganalisis sejarah dan perkembangan Empayar Turki Uthmaniyyah, Empayar Parsi dan impak imperialisme Eropah dalam perubahan geopolitik Asia Barat sehingga Perang Dunia Kedua.
- Menilai mengenai kajian yang berkaitan dengan sejarah perkembangan Islam, Khilafah Islamiah sehingga Perang Dunia Kedua dan impak imperialisme Barat dalam perubahan geopolitik.
- Mengenalpasti maklumat yang berkaitan dengan perkembangan Khilafah Islamiah dalam perubahan dan impak sosio politik akibat kedatangan imperialisme Barat.

JMS 410/4 – REVOLUSI INDUSTRI: PENGALAMAN BRITAIN, 1760-1945

Kursus ini mengkaji titik tolak Britain ke arah sistem ekonomi moden. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada isu-isu utama seperti penyebab Revolusi Industri, perkembangan perindustrian, dan kesan sosial ekonomi Revolusi Industri. Struktur kursus adalah berdasarkan pendekatan tematik dengan membincangkan tema-tema utama seperti politik, falsafah, gender, kelas, dan perhambaan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti faktor-faktor Revolusi Industri di Britain terutama kemajuan dalam bidang saintifik.
- Menghurai perubahan-perubahan sosial ekonomi yang dialami oleh Britain akibat Revolusi Industri yang mewujudkan perusahaan perkilangan dan keusahawanan.
- Mengenal pasti sama ada Revolusi Industri meningkatkan taraf hidup para pekerja atau memburukkan keadaan para pekerja, etika dalam pekerjaan, kapitalisme dan imperialisme.
- Menganalisis keberkesanan kepimpinan politik, peranan pemimpin kesatuan sekerja, tindakan pemimpin dan penganjur gerakan protes serta pemikiran ahli falsafah sebagai tindak balas dalam suasana Revolusi Industri.

JMS 411/4 – TEORI, KAEDAH DAN FALSAFAH SEJARAH

Keperluan manusia terhadap sejarah telah menimbulkan ilmu sejarah yang pada asasnya bertujuan mengkaji serta menjelaskan sejarah itu mengikut suatu kaedah yang sistematik. Dengan adanya kaedah yang sistematik ini dapat mengatasi pelbagai masalah penyelidikan sejarah. Hasilnya kebenaran sejarah dapat ditentukan serta lebih diyakini.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan perkembangan teori, kaedah dan falsafah sejarah dari zaman klasik hingga moden.
- Menghubungkan teori, kaedah dan falsafah sejarah dalam kehidupan seharian.
- Menghuraikan isu-isu dalam teori, kaedah dan falsafah sejarah.
- Menerangkan perbandingan antara falsafah sejarah dan sejarah.

JMS 412/4 – SEJARAH SOSIAL MALAYSIA MODEN

Kursus sejarah sosial menyentuh sejarah pembentukan masyarakat dan strukturnya, perkembangan sistem pengangkutan dan telekomunikasi, perkembangan pendidikan, kegiatan berpersatuan, adat dan hukum perundangan serta gerakan-gerakan agama yang berlaku dalam sesebuah masyarakat di Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti latar belakang sejarah dan asas-asas pembentukan masyarakat Malaysia yang ada pada hari ini.
- Menganalisis aktiviti kehidupan masyarakat Malaysia dalam pelbagai aspek sejak ia terbentuk.
- Menilai perubahan-perubahan sosial yang berlaku sejak zaman tradisional hingga ke zaman moden.

- Membahas isu-isu sosial penting yang mendasari sejarah setiap kaum di Malaysia.

JMS 413/3 - SEJARAH INDIA MODEN

Kursus ini meneliti implikasi imperialisme British, kebangkitan Islam dan nasionalisme India/Pakistan dalam pembentukan sejarah moden India. Bermula dengan perkembangan dan kejatuhan Empayar Moghul dan kemudiannya kolonialisme British di India, perbincangan turut menyentuh mengenai nasionalisme India, Liga Muslim dan terakhir sekali perancangan untuk menubuhkan Pakistan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan tentang imperialisme British di India.
- Menilai perkembangan dalam aspek sejarah pembaharuan dalam kalangan umat Islam dan Hindu, nasionalisme dan pembentukan Pakistan.
- Menghuraikan tentang masalah nasionalisme dalam kalangan penganut Hindu dan umat Islam, gerakan pembaharuan serta perjuangan kemerdekaan India.

JMS 414/3 – SEJARAH CHINA MODEN

Kursus ini akan mengkaji peradaban dan sejarah awal China daripada sistem wangsa ke sistem republik dan seterusnya sistem komunis. Pembaharuan dan revolusi yang berlaku di China ditelaah sebagai usaha-usaha China mencapai modenisasi. Siri pembaharuan dan revolusi ini juga akan dikaji sebagai suatu perjuangan nasionalis yang berpanjangan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerang persoalan-persoalan berkaitan dengan sejarah negara dan masyarakat di China dari peradaban dan sejarah awal China sehingga kematian Mao Zedong.
- Mengenalni etika, profesionalisme dan nilai-nilai politik dan sosiobudaya masyarakat China melalui sejarah zaman tradisional dan zaman modennya.
- Mengembangkan maklumat yang relevan daripada pelbagai himpunan sumber sejarah China secara berorganisasi untuk mendapat pengetahuan baharu melalui pembelajaran sejarah negara China.

JMS 415E/4 - HISTORY OF THE UNITED STATES OF AMERICA

This course is designed for higher level undergraduate students who have not been exposed to any American history course. Discussion will be started from the discovery of the American continent through to the Cold War period. Although this course will be presented in a chronological way, but in certain important topics like the revolution, the constitution and the foreign policy of the US, it will be discussed in depth. Because of that, this course will also be laid in the thematic way.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *To explain the basic narrative of American History: politic, economy, social dan cultural, unity and diversity in American communities.*

- *To illustrate the American History before 1865 especially from the aspect of change in the country as a result of the role and leadership of political leaders, and leaders of American society.*
- *To identify the relationship of US foreign policy with other countries in the world that is constantly changing in reference materials including internet references.*

JMS 416/4 - SEJARAH SOSIO-POLITIK MALAYSIA: GERAKAN PROTES

Kursus ini mengkaji tentang sejarah gerakan protes di Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Gerakan-gerakan ini meliputi gerakan politik, keagamaan dan sosio-ekonomi. Sejarah protes wujud sebelum dan semasa penjajahan seperti Siam, British dan Jepun. Kursus ini meninjau tentang tindak balas masyarakat tempatan dalam gerakan anti-penjajahan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menganalisis bentuk-bentuk gerakan protes di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.
- Mengkaji penglibatan rakyat di dalam gerakan-gerakan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.
- Menilai ideologi-ideologi penentangan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.
- Mengenal pasti kepentingan gerakan-gerakan protes di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 menerusi pelbagai sumber.

JMS 417/4 - PENSEJARAHAN BARAT DAN TIMUR

Kursus ini merupakan tinjauan secara perbandingan di antara penulisan sejarah di Barat dan Timur atau Eropah dan Asia. Mengenai pensejarahan Barat, ia bermula dengan Zaman Klasik yang meninjau tentang pensejarahan Greek dan Rom kemudian diikuti oleh Zaman Pertengahan dan akhirnya pensejarahan moden. Pensejarahan Timur pula meninjau pensejarahan China Purba, pensejarahan Islam dan pensejarahan Melayu Tradisional.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan isu-isu utama dalam pensejarahan Barat dan Timur.
- Menganalisis perkembangan dan penulisan pensejarahan di Barat dan Timur.
- Membanding ciri-ciri pensejarahan yang dibawa oleh sarjana-sarjana pensejarahan Barat dan Timur.
- Mengenal pasti kepimpinan sarjana-sarjana pensejarahan Barat dan Timur untuk dijadikan sebagai rujukan dan teladan.

JMS 418/4 - SEJARAH: KAJIAN TEMPATAN

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan latihan kepada pelajar dalam menjalani kajian dan penulisan sejarah tempatan. Melalui kursus ini, pelajar boleh memahami dan seterusnya membuat penyelidikan, dengan pendedahan kepada kaedah-kaedah untuk taksiran dan kritikan sumber pada dokumen-dokumen sejarah.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Melaporkan secara lisan dan bertulis tentang penyelidikan yang dijalankan
- Mengorganisasi dengan baik secara sendiri tanpa sikap kebergantungan bantuan orang lain dalam menjalani penyelidikan.
- Mempamerkan kemahiran digital dalam menggunakan alatan teknologi dengan menganalisis sumber dan data (mikrofilen/mikrofilm, alat perakam, pangkalan data, sumber visual dan sebagainya).
- Keupayaan mengaplikasikan dan menganalisis pengetahuan kemahiran numerasi dalam kajian statistik dan banci dan data-data numerical.

SENARAI KURSUS GEOGRAFI

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMG 101 - Pengantar Geografi	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
2.	JMG 211 - Geografi Manusia	4	50	50	20 P.B 20 Tugas 10 Pembentangan
3.	JMG 212 - Geografi Fizikal	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
4.	JMG 213E - <i>Techniques in Geography</i>	4	50	50	20 P.B 20Tugas 10 Ujian Praktikal
5.	JMG 214 - Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
6.	JMG 316 - Ekonomi dan Ruang	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS GEOGRAFI

JMG 101/4 - PENGANTAR GEOGRAFI

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang konsep-konsep dan pendekatan asas dalam bidang geografi. Tumpuan diberikan kepada tema-tema terpilih daripada empat tradisi asas dalam geografi iaitu Tradisi Sains Bumi, Tradisi Manusia-Alam Sekitar, Tradisi Kajian Wilayah dan Tradisi Reruang. Keempat-empat tradisi ini merangkumi cabang-cabang geografi fizikal dan manusia. Di samping itu kesesuaian pendekatan geografi dalam memahami hubungan manusia dengan persekitarannya juga turut dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menakrif konsep-konsep asas yang berkaitan dengan ruangan dalam disiplin geografi.
- Menjelaskan tentang bidang-bidang utama geografi dalam disiplin ilmu geografi.
- Menghuraikan kaedah-kaedah penyelidikan geografi dalam disiplin geografi.
- Menghubungkan model-model dan teori-teori terpilih berkaitan ruangan dengan realiti alam nyata.

JMG 211/4 - GEOGRAFI MANUSIA

Kursus ini merupakan kursus asas dalam geografi yang membincangkan tentang perhubungan manusia dengan alam persekitaran. Hasil daripada perhubungan ini akan mewujudkan pembahagian dunia kepada beberapa peringkat dan tahap pembangunan. Antara tajuk-tajuk yang dikaji ialah penduduk, unsur-unsur sosial dan kebudayaan, peringkat kemajuan manusia, aktiviti-aktiviti manusia, sumber-sumber kemanusiaan dan semulajadi, petempatan, pengangkutan dan pembahagian dunia kepada beberapa bahagian berdasarkan peringkat dan tahap pembangunan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghurai pendekatan, pemikiran dan konsep perhubungan manusia dengan alam persekitaran untuk isu petempatan, kependudukan, kebudayaan dan alam sekitar.
- Membina tugas berasaskan maklumat geografi manusia dengan menganalisis masalah dan membuat penilaian kesan dwihala untuk tujuan perancangan masa depan yang lestari.
- Menganalisis faktor dan kesan perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap berbagai-bagai isu pembangunan pada skala tempatan, negara, wilayah dan global.
- Menghubungkan maklumat geografi manusia berpandukan teori/model tradisional dan kontemporari untuk panduan dan ramalan pembangunan manusia yang hollistik.

JMG 212/4 - GEOGRAFI FIZIKAL

Kursus ini membolehkan pelajar mendapat gambaran yang menyeluruh tentang geografi fizikal. Tumpuan utamanya ialah kepada penghargaan alam sekitar terutama di negara kita yang pesat membangun. Penghargaan ini tidak dapat diwujudkan sekiranya proses-proses tindak balas yang berlaku di alam nyata tidak diketahui terlebih dahulu. Oleh itu, pada peringkat permulaan kursus ini akan membincangkan beberapa pendekatan dan konsep-konsep asas dalam kajian geografi fizikal. Kemudian aspek-aspek bumi, atmosfera, iklim dan pengaruh manusia ke atas persekitaran fizikal serta kesan yang timbul akan dibincangkan dengan mendalam. pelajar kefahaman tentang atmosfera dan proses-proses yang terlibat seperti cuaca dan iklim. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah asas dalam geografi fizikal, atmosfera, hidrosfera, litosfera, manusia dan bumi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menyatakan proses-proses fizikal yang berlaku di atas permukaan bumi dan memadankannya dengan aktiviti-aktiviti manusia.
- Menjelaskan maklumat-maklumat tentang atmosfera, litosfera, biosfera dan hidrosfera dalam membentuk satu sistem bumi yang lengkap serta kaitannya dengan kehidupan manusia di muka bumi.
- Mengenalpasti kemahiran geografi fizikal tentang sains bumi dan proses-proses fizikal yang berlaku.
- Mengamalkan pentingnya sikap kesedaran dan usaha untuk menjaga alam sekitar fizikal.

JMG 213E/4 - TECHNIQUES IN GEOGRAPHY

This course is designed to introduce students to the fundamental aspects in understanding and interpretation of topographic maps and the analysis of information from these maps in order to derive geographic data. In addition, students will be provided with some basic knowledge on the cartographic techniques of collection and processing of geographic data and its presentation in the form of tables, figures and maps. Students are given training in expertise such as mapping methods, map reading and interpretation, cartography and computer mapping using geographic information system (GIS). This course is also planned in such a way as to equip geography students with knowledge and skills in geographic techniques on acquiring and analysis of data from topographic maps, produce thematic maps manually, and manage and display geographic data on computers, and carry out land survey in the field.

Learning outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the processes and patterns of the physical world and how human actions impact and interact with natural systems.*
- *Measure, interpret and usage of maps in geographical approach.*
- *Associate geographical patterns at various projection and spatial scales.*
- *Analyze spatial problems using geographical techniques, such as aerial photography, remote sensing and geographic information systems (GIS).*

JMG 214/4 - GEOGRAFI WILAYAH ASIA TENGGARA DAN ASIA PASIFIK

Kursus ini bertujuan untuk membandingkan dan membezakan ciri-ciri geografi wilayah negara-negara Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Pendekatan yang diambil adalah berdasarkan tema-tema pengajian yang meliputi latarbelakang fizikal dan alam sekitar, pembangunan pertanian dan luar bandar, masalah penduduk, penempatan tanah dan migrasi, urbanisasi, perindustrian dan isu-isu pembangunan. Tema-tema tersebut akan dibincangkan dalam menilai masalah, dasar dan strategi pembangunan di negara-negara tersebut. Kesatuan negara-negara ASEAN dan Asia Pasifik sebagai satu Perbadanan Wilayah (regional entity) akan juga dibincangkan. Memandangkan wilayah Asia Tenggara dan Asia Pasifik adalah wilayah yang dinamik dari perspektif geografinya, maka penekanan juga untuk peranannya dalam konteks globalisasi dan pembangunan ekonomi wilayah.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Memerihalkan perkembangan geografi negara Asia Tenggara dan Asia Pasifik berasaskan tema-tema penduduk, pertanian, urbanisasi, perindustrian setiap negara secara individu dan dari sudut persamaan dan perbezaan.
- Membina tugas berasaskan maklumat geografi wilayah bagi menganalisis masalah dan membuat penilaian keputusan untuk tujuan perancangan masa depan.
- Menilai hubungkait peranan Malaysia dalam kerangka kerjasama ekonomi wilayah ASEAN dan Asia Pasifik.
- Menghubungkan kedinamikan perubahan geografi berasaskan tema-tema berkaitan di atas menerusi peredaran masa dalam konteks serantau dan arus persada globalisasi.

JMG 316/4 – EKONOMI DAN RUANG

Kursus ini memberi tumpuan kepada perbincangan tentang konsep, teori dan model-model asas berkaitan dengan lokasi dan taburan ruang yang melibatkan pelbagai aktiviti ekonomi. Tumpuan kajian juga dibuat terhadap perbezaan aktiviti ekonomi dengan melibatkan fenomena pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Kajian empirikal yang melibatkan ekonomi dan ruang juga ditonjolkan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan sebagai penambahan kefahaman terhadap proses dan mekanisma pembangunan ekonomi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan falsafah dan pemikiran geografi serta pembangunan melalui perkembangannya, organisasi ruang dan hubungannya dengan pelbagai sistem ekonomi dunia.
- Menghurai pelbagai jenis sumber, penggunaan, permasalahan dan pengendalian sumber yang berkesan.
- Menghubungkan kepentingan pembangunan pengangkutan dalam pertumbuhan ekonomi dengan pelbagai jenis pengangkutan.
- Mempamerkan pelbagai dasar pembangunan dalam mengatur strategi ketidakseimbangan ruang ekonomi di Malaysia.

**RANCANGAN IJAZAH
SARJANA MUDA**

**SAINS KEMASYARAKATAN
(KEPUJIAN)**

RANCANGAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEMASYARAKATAN (KEPUJIAN)

LATAR BELAKANG

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) mula ditawarkan oleh PPPJJ pada tahun 1971. Matlamatnya untuk memberi pendidikan Sains Kemasyarakatan yang integratif dengan tujuan melengkapkan graduan-graduannya dengan kebolehan kreatif dan kritis dalam menganalisis masalah ekonomi, sosial dan politik dengan pendekatan yang merangkumi bidang-bidang sains sosial secara bersepadu.

Pembentukan kurikulum program Sains Kemasyarakatan ini berarahkan matlamat:

- (a) Penggunaan teori-teori, kaedah dan teknik-teknik sains sosial untuk menyelidik dan memahami masalah sosial semasa dengan menekankan unsur-unsur gunaan, antara disiplin dan berorientasikan masalah.
- (b) Penggalakan perkembangan profesion-profesion yang berasaskan sains sosial yang mampu menilai dan mendalami berbagai-bagai masalah sosial yang kompleks dan berupaya menerokai perubahan dan pembangunan masyarakat dengan berkesan.
- (c) Pembentukan pendekatan sains sosial yang menekankan pandangan bandingan yang merangkumi pengalaman Malaysia dan Asia Tenggara dan negara-negara membangun lain di dunia.

Di bawah Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) dua bidang yang ditawarkan sebagai bidang TERAS ialah Antropologi-Sosiologi dan Sains Politik.

STRUKTUR RANCANGAN

Pelajar yang mengikuti Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) wajib mengumpul **124 unit** untuk berijazah. Jenis kursus dan jumlah unit yang perlu dikumpul oleh pelajar adalah seperti berikut:

Teras Asas (T)	19 }	73
Teras Bidang (T)	54 }	
Elektif (E)		12
Minor (M)		20
Kursus Universiti (U)		19
JUMLAH		<u>124</u>

PENDAFTARAN KURSUS

KURSUS TERAS ASAS (19 UNIT)

Antropologi-Sosiologi

JKA 101/4	-	Pengantar Antropologi/Sosiologi
JKE 101/4	-	Pengantar Ekonomi
JKP 101/4	-	Pengantar Sains Politik
JKA 217/3	-	Asas-Asas Penyelidikan Kualitatif dan Kuantitatif
JKJ 203/4	-	Falsafah Sains Sosial

Sains Politik

JKA 101/4	-	Pengantar Antropologi/Sosiologi
JKE 101/4	-	Pengantar Ekonomi
JKP 101/4	-	Pengantar Sains Politik

- JKP 204/3 - Kaedah Penyelidikan Sains Politik
 JKJ 203/4 - Falsafah Sains Sosial

KURSUS TERAS BIDANG (54 UNIT)

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan menawarkan dua bidang teras (pengkhususan): Antropologi-Sosiologi dan Sains Politik. Pelajar rancangan pengajian ini perlu memilih **SATU** bidang teras dan mengumpul **54 unit** daripada kursus-kursus yang disenaraikan di bawah.

Antropologi-Sosiologi

- JKA 215/3 - Manusia dan Persekitaran
 JKA 218/4 - Isu-Isu Antropologi dan Sosiologi
 JKA 219/4 - Ketaksamaan Sosial
 JKA 230/4 - Teori Antropologi dan Sosiologi
 JKA 321/4 - Agama dan Hubungan Sosial
 JKA 322E/3 - *Indigenous Ethnography of Malaysia*
 JKA 328/4 - Perkahwinan dan Persanakan
 JKA 329/4 - Budaya dan Epidemiologi Penyakit
 JKA 330/3 - Teori Antropologi dan Sosiologi Lanjutan
 JKA 340E/2 - *Research Proposal and Report Planning Methods*
 JKA 431/4 - Hubungan Etnik dan Rasisme
 JKA 432/4 - Industrialisasi dan Perubahan Sosial
 JKA 433/4 - Devian, Konflik dan Kawalan Sosial
 JKA 434/3 - Budaya dan Komuniti Ruang Siber
 JKA 440E/4 - *Project: Selected Social Issues*

Perhatian: Kursus JKA 440E/4 - *Project: Selected Social Issues* hanya boleh didaftarkan sekiranya pelajar telah menghantar tugas JKA 340E/2 serta memenuhi bilangan unit tahun akhir dan akan berijazah sahaja.

Sains Politik

- JKP 211/4 - Pentadbiran Awam
 JKP 212/4 - Hubungan Antarabangsa
 JKP 213/4 - Falsafah Politik
 JKP 218/4 - Politik Perbandingan
 JKP 310/3 - Ideologi Dunia Ketiga
 JKP 312/3 - Konflik Dalam Masyarakat Majmuk
 JKP 313/4 - Pembangunan Politik Malaysia
 JKP 319/4 - Institusi Demokratik
 JKP 320/3 - Isu-Isu Terpilih Pentadbiran Awam
 JKP 321/2 - Usul Penyelidikan Sains Politik
 JKP 411E/4 - *International Organizations*
 JKP 412E/4 - *Public Policy*
 JKP 413E/3 - *Southeast Asian Politics*
 JKP 416/4 - Disertasi Sains Politik
 JKP 418/4 - Ekonomi Politik Malaysia

Perhatian: Kursus JKP 416/4 - Disertasi Sains Politik hanya boleh didaftarkan sekiranya pelajar telah memenuhi bilangan unit tahun akhir dan akan berijazah sahaja.

KURSUS ELEKTIF (12 UNIT)

Pelajar perlu melengkapkan **12 unit** iaitu **TIGA (3)** kursus elektif yang tidak termasuk dalam kursus minor dan major berdasarkan pakej berikut:

Pakej (a): Antropologi-Sosiologi

JKA 218/4	-	Isu-Isu Antropologi dan Sosiologi
JKA 431/4	-	Hubungan Etnik dan Rasisme
JKA 432/4	-	Industrialisasi dan Perubahan Sosial

Pakej (b): Ekonomi

JKE 213/4	-	Wang dan Perbankan
JKE 215/4	-	Mikroekonomi
JKE 216/4	-	Makroekonomi

Pakej (c): Sains Politik

JKP 211/4	-	Pentadbiran Awam
JKP 212/4	-	Hubungan Antarabangsa
JKP 218/4	-	Politik Perbandingan

PERHATIAN kepada pelajar Sains Kemasyarakatan yang memilih minor dalam Rancangan. Pakej elektif anda mestilah pakej selain daripada kursus major dan minor. Contoh:

- i) Pelajar major Antropologi-Sosiologi dan minor Ekonomi perlu memilih pakej elektif Sains Politik.
- ii) Pelajar major Antropologi-Sosiologi tetapi minor luar rancangan Sains Kemasyarakatan boleh memilih sama ada elektif Ekonomi atau Sains Politik.

KURSUS MINOR (20 UNIT)

Selain daripada memilih bidang teras, seseorang pelajar perlu juga memilih **SAMA ADA**

- (a) MINOR dalam Rancangan Pengajian, ATAU
- (b) MINOR di luar Rancangan Pengajian

Pola-pola pendaftaran bagi (a) atau (b) diberikan di bawah.

KURSUS MINOR DALAM RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)

Antropologi-Sosiologi

JKA 218/4	-	Isu-Isu Antropologi dan Sosiologi
JKA 219/4	-	Ketaksamaan Sosial
JKA 321/4	-	Agama dan Hubungan Sosial
JKA 328/4	-	Perkahwinan dan Persanakan
JKA 433/4	-	Devian, Konflik dan Kawalan Sosial

Ekonomi

JKE 213/4	-	Wang dan Perbankan
JKE 215/4	-	Mikroekonomi
JKE 216/4	-	Makroekonomi
JKE 413/4	-	Analisis Ekonomi Islam
JKE 414/4	-	Ekonomi Malaysia

Sains Politik

- JKP 211/4 - Pentadbiran Awam
- JKP 212/4 - Hubungan Antarabangsa
- JKP 213/4 - Falsafah Politik
- JKP 218/4 - Politik Perbandingan
- JKP 313/4 - Pembangunan Politik Malaysia

KURSUS MINOR LUAR RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)

Geografi

- JMG 101/4 - Pengantar Geografi
- JMG 211/4 - Geografi Manusia
- JMG 212/4 - Geografi Fizikal
- JMG 213E/4 - Techniques in Geography*
- JMG 214/4 - Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik

Kesusasteraan

- JMK 101/4 - Pengantar Kesusasteraan
- JMK 214/4 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih
- JMK 221/4 - Fiksiyen Melayu Moden
- JMK 222/4 - Fiksiyen Indonesia Moden
- JMK 316/4 - Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis

Sejarah

- JMS 101/4 - Pengantar Sejarah
- JMS 211/4 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional
- JMS 212/4 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional
- JMS 213/4 - Sejarah Politik Malaysia Moden
- JMS 214/4 - Sejarah Asia Tenggara Moden

Biology

- JIB 115/4 - Plant Diversity*
- JIB 116/4 - Animal Diversity*
- JIB 221/4 - Microbiology*
- JIB 222/4 - Ecology*
- JIB 226/4 - Genetics*

Chemistry

- JIK 101/4 - General Chemistry I*
- JIK 102/4 - General Chemistry II*
- JIK 224/4 - Organic Chemistry I*
- JIK 326/4 - Analytical Chemistry I*
- JIK 414/4 - Chemistry and Environment Pollution*

Mathematics

- JIM 101/4 - Calculus*
- JIM 106/4 - Elementary Statistics*
- JIM 107/4 - Linear Algebra*
- JIM 211/4 - Advanced Calculus*
- JIM 212/4 - Statistical Methods*

Physics

<i>JIF 103/4</i>	-	<i>Physics I/Practical Ia</i>
<i>JIF 104/4</i>	-	<i>Physics II/Practical Ib</i>
<i>JIF 211/4</i>	-	<i>Mechanics</i>
<i>JIF 319/4</i>	-	<i>Computational Physics</i>
<i>JIF 320/4</i>	-	<i>Electricity and Magnetism</i>

Nota: Semua kursus Sains di atas diajar dalam Bahasa Inggeris.

Pengurusan

JTW 113/3	-	Prinsip Perakaunan Kewangan
JTW 116/3	-	Prinsip Pengurusan
JTW 126/3	-	Statistik Perniagaan
JTW 223/3	-	Pengurusan Operasi
JTW 241/3	-	Prinsip Pemasaran
JTW 253/3	-	Perlakuan Organisasi
JTW 263/3	-	Prinsip Kewangan

KURSUS UNIVERSITI (19 UNIT)

English (4 unit)

<i>JUE 200/2</i>	-	<i>English I</i>
<i>JUE 300/2</i>	-	<i>English II</i>
<i>JUE 402/2</i>	-	<i>Writing for Professional Purposes</i>

Walau bagaimanapun sesetengah pelajar perlu mendaftar *JUE 100/2 - Preparatory English* bergantung kepada taraf pencapaian Bahasa Inggeris masing-masing.

Kursus Bahasa Inggeris yang wajib diambil berdasarkan kepada kelayakan MUET seperti berikut:

Bil	Keputusan MUET	Kursus Bahasa Inggeris	Status Kursus
1.	MUET (Band 2/ 2.5/ 3/ 3.5 – Skor 36-210)	<i>JUE 100/2 – Preparatory English</i> <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Prasyarat (Tiada Unit) Wajib Wajib
2.	MUET (Band 4/ 4.5 - Skor 211- 293)	<i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i>	Wajib Wajib
3.	MUET (Band 5 - Skor 294-330) (Band 5+ - Skor 331-360)	<i>JUE 300/2 – English II</i> <i>JUE 402/2 – Writing for Professional Purposes</i>	Wajib Wajib

Bahasa Malaysia (2 unit)

JUL 401/2	-	Bahasa Malaysia IV
-----------	---	--------------------

Penghayatan Etika dan Peradaban (2 unit)

JUR 102/2	-	Penghayatan Etika dan Peradaban
-----------	---	---------------------------------

Falsafah dan Isu Semasa (2 Unit)

JUF 101/2 - Falsafah dan Isu Semasa

Ko-Kurikulum (3 unit)

JUJ 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer

Kursus Kemahiran (2 unit)

JUS 101/2 - Teras Keusahawanan

Kursus Pemikiran Kritis (2 unit)

JUH 102/2 - Pemikiran Kritis

Kursus Etika Profesional (2 unit)

JUR 101/2 - Etika Profesional

SENARAI KURSUS ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JKJ 203 - Falsafah Sains Sosial	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
2.	JKA 101 - Pengantar Antropologi/ Sosiologi	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
3.	JKA 215 - Manusia dan Persekitaran	3	50	50	20 P.B. 20 Tugas 10 Pembentangan
4.	JKA 217 - Asas-Asas Penyelidikan Kualitatif dan Kuantitatif	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
5.	JKA 218 - Isu-Isu Antropologi dan Sosiologi	4	50	50	20 P.B. 20 Tugas 5 Pembentangan 5 Kreativiti
6.	JKA 219 - Ketaksamaan Sosial	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
7.	JKA 230 - Teori Antropologi dan Sosiologi	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
8.	JKA 321 - Agama dan Hubungan Sosial	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
9.	JKA 322E - <i>Indigenous Ethnography of Malaysia</i>	3	50	50	20 P.B. 20 Tugas 10 Pembentangan
10.	JKA 328 - Perkahwinan dan Persanakan	4	50	50	20 P.B. 20 Tugas 10 Pembentangan
11.	JKA 329 - Budaya dan Epidemiologi Penyakit	4	50	50	20 P.B. 20 Tugas 10 Pembentangan
12.	JKA 330 - Teori Antropologi dan Sosiologi Lanjutan	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
13.	JKA 340E - <i>Research Proposal and Report Planning Methods</i>	2	100	-	90 Kertas cadangan 10 Pembentangan
14.	JKA 431 - <i>Hubungan Etnik dan Rasisme</i>	4	50	50	20 P.B. 20 Tugas 10 Pembentangan

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
15.	JKA 432 - Industrialisasi dan Perubahan Sosial	4	50	50	20 P.B. 20 Tugasan 10 Pembentangan
16.	JKA 433 - Devian, Konflik dan Kawalan Sosial	4	50	50	30 Tugasan 20 P.B.
17.	JKA 434 - Budaya dan Komuniti Ruang Siber	3	50	50	20 P.B 20 Tugasan 10 Produk Digital
18.	<i>JKA 440E - Project: Selected Social Issues</i>	4	100	-	75 Laporan 10 Pembentangan 15 Buku Log

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI

JKJ 203/4 - FALSAFAH SAINS SOSIAL

Pengajian Sains Sosial merupakan suatu bidang ilmu yang sangat luas dan subjektif. Bagi memastikan ia difahami secara tepat dan mendasar, kursus ini bertujuan memperkenalkan falsafah bagi pengajian sains sosial. Falsafah ini merangkumi pengertian konsep ilmu pengetahuan dan sifat-sifatnya termasuk persoalan dan keperluan melihat kajian sains sosial sebagai suatu yang menyeluruh. Ia juga akan mengupas bagaimana falsafah sains sosial memberi kesan kepada kaedah penyelidikan dan kajian lapangan. Salah satu konsep asas yang akan diperkenalkan adalah kelestarian ilmu dalam konteks sains sosial. Kursus ini juga akan melihat implikasi ideal kajian sains sosial dalam melihat kejadian semasa.

Perbincangan tentang falsafah tersebut akan merujuk kepada teori-teori asas yang digunakan dalam disiplin sains sosial Barat dan Asia. Ia akan membincangkan pendekatan dalam sejarah dan juga perspektif dan aliran yang baru diperkembangkan atau menerima perhatian bagi memperlihatkan keutamaan ilmu tempatan dan global dan keberibumiaan ilmu sains sosial.

Beberapa persoalan utama yang akan diterokai adalah melihat fitrah sains dan melihat falsafah serta metodenya. Adakah sains tulen boleh menjadi model kepada kepada sosial sains. Bagi tujuan ini persamaan dan perbandingan keduanya akan dibahaskan dari sudut epistemologi, ontologi akan dibincangkan dengan melihat kepada topik penghujahan sosial dan perundangan, fungsionalisme dan behaviorisme, penterjemahan dan pengertian, rasionalisme (kefahaman rentas budaya), individualisme dan holisme dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenalpasti falsafah, matlamat dan teras utama dalam bidang sains sosial.
- Menjelaskan persamaan dan perbezaan falsafah dalam bidang sains sosial.
- Menerangkan isu sosial kontemporari dari perspektif sains sosial.

JKA 101/4 - PENGANTAR ANTROPOLOGI/SOSIOLOGI

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas dan perspektif utama dalam bidang antropologi dan sosiologi. Kursus ini juga bertujuan untuk menjelaskan kepelbagaian budaya, isu manusia dan masyarakat. Kursus ini merangkumi topik seperti kelompok dan organisasi sosial, interaksi sosial, kekeluargaan dan persanakan, ketaksamaan sosial dan gerakan sosial.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep asas antropologi dan sosiologi.
- Menjelaskan perspektif antropologi dan sosiologi.
- Mentakrifkan konsep etnosentrisme dan relativisme budaya dalam kajian antropologi dan sosiologi.
- Menghubungkan pengetahuan dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya, isu manusia dan masyarakat dengan menggunakan konsep antropologi dan sosiologi.

JKA 215/3 - MANUSIA DAN PERSEKITARAN

Kursus ini memperkenalkan hubungan dan isu antara manusia dengan alam sekitar melalui perspektif antropologi dan sosiologi. Penekanan diberikan kepada cara manusia berfikir tentang dan bertindak terhadap alam sekitarnya, dan kesan pemikiran dan tindakan tersebut terhadap alam sekitar. Perbincangan juga meliputi isu dan masalah alam sekitar yang timbul akibat aktiviti manusia tersebut dan tindakan yang boleh diambil untuk menjaga dan memulihara alam sekitar.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti hubungan antara manusia dengan alam sekitar melalui konsep antropologi dan sosiologi.
- Menghurai kesan aktiviti manusia ke atas alam sekitar untuk memaparkan hubungan timbal balik antara manusia dengan alam sekitar.
- Menerangkan tindak balas masyarakat terhadap isu alam sekitar untuk memahami kepentingan tindak balas tersebut ke atas penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- Membentangkan peranan dan tanggungjawab individu dan masyarakat terhadap alam sekitar dalam kehidupan secara kreatif.

JKA 217/3 - ASAS-ASAS PENYELIDIKAN KUALITATIF DAN KUANTITATIF

Kursus ini memperkenalkan prinsip dan kaedah asas penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dalam penyelidikan sains sosial. Fokus utama kursus ini merangkumi teori dan falsafah penyelidikan saintifik, permasalahan dan reka bentuk penyelidikan, kaedah penyelidikan utama, kaedah pengumpulan data, pengukuran, persampelan, membentuk soal selidik, analisis, interpretasi dan menulis laporan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan proses penyelidikan sebagai penghasilan pengetahuan saintifik dalam bidang sains sosial.
- Menghuraikan kaedah penyelidikan kuantitatif bagi mengkaji isu sosial dalam bidang antropologi dan sosiologi.
- Menghuraikan kaedah penyelidikan kualitatif bagi mengkaji isu sosial dalam bidang antropologi dan sosiologi.
- Mengorganisasikan penulisan cadangan penyelidikan dan laporan penyelidikan secara teratur dan sistematik.
- Melaksanakan tugas secara efektif sebagai ketua atau ahli dalam bentuk kumpulan.

JKA 218/4 - ISU-ISU ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Kursus ini membincangkan pelbagai isu bertahan dan semasa yang menjadi tema kajian antropologi dan sosiologi seperti stratifikasi sosial, gender, budaya, marginalisasi dan penyelewengan. Tema ini akan dibincang bersama isu seperti ketaksamaan sosial, keluarga, pekerjaan, kemiskinan, seksualiti, sains dan teknologi dan isu semasa terpilih.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan isu atau masalah sosial dengan perspektif makro dan mikro antropologi dan sosiologi untuk mengenalpastikan masalah kompleks.
- Menerangkan isu atau masalah sosial dengan perspektif dan/atau teori antropologi dan sosiologi untuk mengembangkan analisis isu sosial.
- Membentangkan pelbagai isu atau masalah sosial dengan jelas melalui penggunaan teknologi.
- Melaporkan pelbagai isu atau masalah sosial secara kreatif dengan penggunaan teknologi.

JKA 219/4 - KETAKSAMAAN SOSIAL

Kursus ini membincangkan bentuk ketaksamaan sosial dalam masyarakat. Perbincangan merangkumi falsafah dan ideologi kesamaan dan ketaksamaan, teori ketaksamaan, dimensi ketaksamaan, evolusi ketaksamaan, sistem ketaksamaan dan kesan ketaksamaan dalam masyarakat.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan definisi, konsep asas dan teori ketaksamaan sosial dalam konteks antropologi dan sosiologi.
- Menjelaskan bentuk ketaksamaan sosial dalam masyarakat dalam konteks antropologi dan sosiologi.
- Menghuraikan kesan ketaksamaan sosial kepada masyarakat dalam konteks antropologi dan sosiologi.
- Menghubungkan mobiliti sosial dengan ketaksamaan sosial dalam masyarakat.

JKA 230/4 - TEORI ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Kursus ini membincangkan paradigma dan teori utama yang mendasari pemikiran antropologi dan sosiologi. Fokus utama perbincangan merangkumi teori klasikal Antropologi dan Sosiologi mengenai struktur dan pembentukan masyarakat serta tingkah laku manusia. Bermula daripada penelitian ke atas idea pemikir klasik seperti Ibn Khaldun, Auguste Comte, Karl Marx, Emile Durkheim dan Max Weber; kursus ini diakhiri dengan perbincangan perkembangan paradigma pascamoden. Penggunaan konsep dan model tokoh-tokoh antropologi dan sosiologi terkemuka akan diberi penekanan dan dikaji secara sistematik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan perkembangan sejarah dan pembentukan teori dalam disiplin antropologi dan sosiologi.
- Menghuraikan proses pembentukan paradigma dan teori berdasarkan falsafah positivisme.
- Menganalisis perdebatan teori sosial berkaitan realiti sosial dan masyarakat secara komprehensif.
- Meneroka pelbagai teori dalam perkembangan penteorian disiplin antropologi dan sosiologi.

JKA 321/4 - AGAMA DAN HUBUNGAN SOSIAL

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan isu asas sistem kepercayaan dan agama melalui perspektif antropologi dan sosiologi. Ia memberi fokus kepada hubungan sosial dalam agama yang dipamerkan dalam kehidupan individu/masyarakat seharian. Perbincangan merangkumi kepelbagaian sistem kepercayaan dan keagamaan, nilai kesejagatan dan fungsi kepercayaan dan agama dalam masyarakat ringkas dan kompleks. Kursus ini juga meninjau kesan timbal balik

agama dan kepercayaan terhadap institusi sosial di peringkat makro dan kehidupan seharian di peringkat mikro.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghubungkan konsep asas, teori, peranan dan kesan institusi keagamaan dan kepercayaan terhadap hubungan dan struktur sosial dalam masyarakat.
- Menghurai isu yang berkaitan dengan institusi keagamaan dan kepercayaan dalam masyarakat dengan penilaian yang berjustifikasi.
- Melaksanakan kerja berkumpulan secara efektif dengan membina hubungan yang baik demi mencapai objektif yang sama.
- Mempamerkan sifat profesionalisme terhadap isu semasa yang berkaitan dengan institusi keagamaan dan kepercayaan.

JKA 322E /3 - INDIGENOUS ETHNOGRAPHY OF MALAYSIA

This course introduces students to the concept of ethnography and ethnographic studies in Malaysia. The discussions emphasise on issues concerning cultural identity, human rights and socio-economic development; and the dynamics of the cultural ecology of indigenous societies in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Define the ethnographic concepts and ethnographic studies according to anthropological perspectives.*
- *Analyse the socio-cultural and socio-economical elements that shape the lives of indigenous societies.*
- *Identify the cultural ecologies of indigenous societies in Malaysia through ethnographic perspective.*
- *Synthesise developmental issues impacting indigenous societies and their livelihood.*

JKA 328/4 – PERKAHWINAN DAN PERSANAKAN

Kursus ini membincangkan struktur asas perkahwinan dan sistem kekeluargaan. Asas utama kursus ini melihat elemen pembentukan sistem kekeluargaan, adaptasi, cabaran kehidupan berkeluarga dan perubahan sistem kekeluargaan. Teori, konsep-konsep asas keluarga, fungsi dan peranan keluarga tradisi dan moden, isu-isu perkahwinan dan fenomena sosial baru perkahwinan turut dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Membincangkan konsep asas perkahwinan dan fungsi keluarga.
- Membandingkan perbezaan idea perkahwinan dan kekeluargaan dalam masyarakat kontemporari.
- Menganalisa proses penyesuaian dan krisis dalam perkahwinan.
- Membandingkan kepelbagaian sistem persanakan dan perubahan dalam perkahwinan.

JKA 329/4 - BUDAYA DAN EPIDEMIOLOGI PENYAKIT

Kursus ini membincangkan sistem perubatan dan kesihatan masyarakat. Fokus perbincangan merangkumi sistem budaya dan epidemiologi penyakit yang diuraikan dalam konteks perubahan sosial dan budaya masyarakat. Perbincangan berpaksikan pada ideologi dan klasifikasi sistem perubatan tradisional, moden, alternatif dan kontemporari yang mempengaruhi sistem rawatan dan penyebaran wabak penyakit dalam masyarakat.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Meneroka teori, konsep budaya dan epidemiologi sosial tentang kejadian dan wabak penyakit.
- Mengorganisasi maklumat yang berkaitan struktur sistem perubatan yang wujud dalam masyarakat dari dimensi budaya.
- Menghurai sistem perubatan tradisional dan moden berasaskan sistem budaya dan kategori penyakit.
- Mengkaji secara kritis aspek penjagaan kesihatan masyarakat dari perspektif budaya dan epidemiologi sosial.

JKA 330/3 - TEORI ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI LANJUTAN

Kursus ini membincangkan teori utama antropologi dan sosiologi moden dan kontemporari untuk membolehkan pelajar memahami fenomena sosial melalui lensa teori yang berlainan. Teori-teori utama ini termasuk struktur fungsionalisme, teori konflik, teori kritikal, simbolik interaksionisme, fenomenologi, etnometodologi, teori strukturasi, teori pertukaran, teori pilihan rasional, feminisme dan pascamodenisme.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan prinsip asas teori antropologi dan sosiologi moden.
- Membezakan prinsip teori antropologi dan sosiologi moden.
- Menerangkan fenomena sosial mengikut perspektif teori antropologi dan sosiologi moden.
- Mengoperasikan teori antropologi dan sosiologi moden dalam penyelidikan fenomena sosial terpilih.

JKA 340E /2 - RESEARCH PROPOSAL AND REPORT PLANNING METHODS

This course guides students to produce a research proposal. The main process of writing a research proposal included the selection of topic, problem statement, research question, objective of the research, literature review, theoretical framework and methodology. Additionally, this course assists students to organize their research idea into a systematic writing.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Demonstrate the ability to conduct literature search.*
- *Analyse relevant literature found to identify knowledge gaps and discover new research ideas.*
- *Present the knowledge gaps clearly with academic justifications.*
- *Demonstrate the ability to do academic writing appropriate for the field of anthropology and sociology.*
- *Organise information gathered from relevant sources.*

- *Propose a systematic research framework.*

JKA 431/4 - HUBUNGAN ETNIK DAN RASISME

Kursus ini membincangkan tentang hubungan ras dan etnik dalam merungkai pemahaman berkaitan perpaduan, integrasi nasional dan kesejahteraan sosial dalam konteks Malaysia. Fokus utama kursus merangkumi konsep-konsep asas hubungan etnik dan teori-teori berkaitan ras dan etnik dalam memahami hubungan etnik dan rasisme. Selain itu, kursus ini juga akan memfokuskan kepada pembentukan masyarakat pluralistik di Malaysia, isu dan cabaran dalam hubungan antara etnik dan, mekanisme yang dapat diaplikasi dalam membentuk hubungan etnik yang bersifat dinamik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep ras dan etnik dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.
- Menjelaskan teori-teori berkaitan ras dan etnik yang diaplikasi dalam konteks hubungan etnik.
- Menghuraikan pembentukan masyarakat pluralistik dan isu kotemporari dalam masyarakat majmuk.
- Menerangkan strategi-strategi pengintergrasian etnik dalam merealisasikan aspirasi membina negara bangsa.
- Melaksanakan tugas secara efektif sebagai ketua atau ahli dalam bentuk kumpulan.

JKA 432/4 - INDUSTRIALISASI DAN PERUBAHAN SOSIAL

Kursus ini membincangkan teori dan konsep yang berkaitan dengan industrialisasi dan perubahan sosial dalam masyarakat industri. Perbincangan perubahan sosial yang berkaitan dengan industrialisasi termasuk pemodenan, perbandaran, penghijrahan, perubahan struktur masyarakat, hubungan industri, pekerjaan, institusi kekeluargaan, peranan gender dan kehidupan seharian. Seajar dengan perkembangan semasa, Revolusi Industri Ke-4 dan perubahan sosial yang berkaitan dengannya turut dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Membezakan peringkat, teori dan konsep mengenai industrialisasi dan perubahan sosial.
- Membuat inferens tentang kesan industrialisasi terhadap aspek-aspek kemasyarakatan yang seolah-olahnya tiada perkaitan langsung dengan industrialisasi.
- Merangka cadangan keusahawanan sosial berlandaskan IR 4.0 yang berupaya menjana transformasi sosial.
- Menggunakan teknologi digital untuk menyampaikan cadangan keusahawanan sosial tersebut secara dalam talian.

JKA 433/4 - DEVIAN, KONFLIK DAN KAWALAN SOSIAL

Kursus ini membincangkan faktor yang mempengaruhi tingkah laku devian dalam masyarakat. Isu utama dan isu semasa tentang tingkah laku devian/jenayah dan kawalan sosial dijelaskan secara terperinci. Perbincangan akan mengambil kira pelbagai pendekatan devian dan kriminologi, konsep asas, teori dan mekanisme kawalan sosial dalam bidang sosiologi dan kriminologi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan konsep asas devian, jenayah dan kawalan sosial menurut perspektif antropologi dan sosiologi.
- Menerangkan punca dan kesan tingkah laku devian dalam masyarakat berdasarkan teori-teori sosiologi dan kriminologi.
- Menghuraikan perlakuan devian dan mekanisma kawalan sosial berdasarkan teori devian dan kawalan sosial secara komprehensif.
- Menganalisis fenomena sosial, devian dan kawalan sosial dalam masyarakat berdasarkan pendekatan sosiologi dan kriminologi dalam konteks Malaysia.

JKA 434/3 - BUDAYA DAN KOMUNITI RUANG SIBER

Kursus ini membincangkan perkembangan dan pembentukan komuniti siber. Fokus utama kursus ini ialah menganalisis perkembangan media jaringan elektronik sebagai kuasa sosial yang mempengaruhi masyarakat, dan kesan media jaringan elektronik ke atas kehidupan manusia dan masyarakat. Perbincangan merangkumi pembentukan identiti dan ciri komuniti siber, peranan media sosial, pembentukan dan pengaruh budaya baharu dalam masyarakat kini.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan teori dan konsep yang berkaitan dengan budaya dan komuniti ruang siber berdasarkan perspektif sosiologi.
- Membincangkan kajian sosial berkaitan budaya siber berdasarkan masyarakat maklumat kontemporari.
- Menilai kesan perkembangan teknologi dan penggunaan media sosial ke atas masyarakat.
- Membandingkan impak perhubungan sosial bentuk baharu (*new social networking*) dalam konteks individu, organisasi, masyarakat dan negara berlandaskan etika yang dipersetujui.

JKA 440E /4 – PROJECT: SELECTED SOCIAL ISSUES

In this course students are trained to conduct academic research according to the field of anthropology and sociology. Students are trained to use either quantitative or qualitative approach to conduct their field work and analyse the data collected. Students are required to present their research findings during seminar and to produce a systematic research report as part of the trainings to become competent and articulated in the field of anthropology and sociology.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Apply appropriate research method and tool ethically for data collection and analysis.*
- *Summarise and synthesise knowledge based on the findings of their research.*
- *Organise the research report clearly, systematically and coherently.*
- *Manage information, field work, expenditure and report writing independently.*
- *Present their research frameworks and findings effectively.*
- *Demonstrate the quality of taking initiative, overcoming challenges and self-motivation throughout the research project.*

SENARAI KURSUS SAINS POLITIK

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JKJ 203 - Falsafah Sains Sosial	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
2.	JKP 101 - Pengantar Sains Politik	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
3.	JKP 204 - Kaedah Penyelidikan Sains Politik	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
4.	JKP 211 - Pentadbiran Awam	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
5.	JKP 212 - Hubungan Antarabangsa	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
6.	JKP 213 - Falsafah Politik	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
7.	JKP 218 - Politik Perbandingan	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
8.	JKP 310 - Ideologi Dunia Ketiga	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
9.	JKP 312 - Konflik Dalam Masyarakat Majmuk	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
10.	JKP 313 - Pembangunan Politik Malaysia	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
11.	JKP 319 - Institusi Demokratik	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
12.	JKP 320 - Isu-Isu Terpilih Pentadbiran Awam	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
13.	JKP 321 - Usul Penyelidikan Sains Politik	2	100	-	100 Kertas Cadangan Penyelidikan
14.	JKP 411E - <i>International Organizations</i>	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
15.	JKP 412E - <i>Public Policy</i>	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
16.	JKP 413E - <i>Southeast Asian Politics</i>	3	50	50	30 Tugas 20 P.B.
17.	JKP 416 - Disertasi Sains Politik	4	100	-	100 Laporan
18.	JKP 418 - Ekonomi Politik Malaysia	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS SAINS POLITIK

JKJ 203/4 - FALSAFAH SAINS SOSIAL

Pengajian Sains Sosial merupakan suatu bidang ilmu yang sangat luas dan subjektif. Bagi memastikan ia difahami secara tepat dan mendasar, kursus ini bertujuan memperkenalkan falsafah bagi pengajian sains sosial. Falsafah ini merangkumi pengertian konsep ilmu pengetahuan dan sifat-sifatnya termasuk persoalan dan keperluan melihat kajian sains sosial sebagai suatu yang menyeluruh. Ia juga akan mengupas bagaimana falsafah sains sosial memberi kesan kepada kaedah penyelidikan dan kajian lapangan. Salah satu konsep asas yang akan diperkenalkan adalah kelestarian ilmu dalam konteks sains sosial. Kursus ini juga akan melihat implikasi ideal kajian sains sosial dalam melihat kejadian semasa.

Perbincangan tentang falsafah tersebut akan merujuk kepada teori-teori asas yang digunakan dalam disiplin sains sosial Barat dan Asia. Ia akan membincangkan pendekatan dalam sejarah dan juga perspektif dan aliran yang baru diperkembangkan atau menerima perhatian bagi memperlihatkan keutamaan ilmu tempatan dan global dan keberibumiaan ilmu sains sosial.

Beberapa persoalan utama yang akan diterokai adalah melihat fitrah sains dan melihat falsafah serta metodenya. Adakah sains tulen boleh menjadi model kepada kepada sosial sains. Bagi tujuan ini persamaan dan perbandingan keduanya akan dibahaskan dari sudut epistemologi, ontologi akan dibincangkan dengan melihat kepada topik penghujahan sosial dan perundangan, fungsionalisme dan behaviorisme, penterjemahan dan pengertian, rasionalisme (kefahaman rentas budaya), individualisme dan holisme dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenalpasti falsafah, matlamat dan teras utama dalam bidang sains sosial.
- Menjelaskan persamaan dan perbezaan falsafah dalam bidang sains sosial.
- Menerangkan isu sosial kontemporari dari perspektif sains sosial.

JKP 101/4 - PENGANTAR SAINS POLITIK

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada bidang Sains Politik. Selepas mengikutinya, pelajar diharap akan lebih memahami asas-asas dan isu-isu utama dalam mengkaji idea, proses, institusi dan kelakuan politik secara sistematik. Kursus ini dibahagikan kepada empat bahagian besar: (a) erti dan konsep politik (b) ideologi (c) negara dan kerajaan (d) penyertaan politik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan asal usul bidang pengajian sains politik.
- Menerangkan pengaruh kuasa dan autoriti dalam urusan pemerintahan.
- Menjelaskan urusan negara dan fungsi dan proses pemerintahan.
- Menerangkan fungsi undang-undang dan perlembagaan dalam urusan pemerintahan.
- Membandingkan utama yang terdapat di dunia moden ini.
- Menganalisis konsep penyertaan politik serta peranan institusi dalam memudahkan proses penyertaan.

JKP 204/3 - KAEDAH PENYELIDIKAN SAINS POLITIK

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan kaedah asas penyelidikan sains politik. Selanjutnya, pelajar perlu menguasai cara penulisan kertas cadangan kerana kursus ini merupakan salah satu komponen sains sosial. Kursus ini akan disiarkan melalui dalam talian (webex) dan topik yang akan diajar merangkumi kaedah memilih topik penyelidikan, teori dan reka bentuk kajian, perincian kaedah kualitatif dan kuantitatif, pengumpulan data, pengukuran, pensampelan, pembentukan soal selidik, sorotan karya lepas dan penyediaan laporan akhir.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan bahawa penyelidikan sebagai suatu penghasilan pengetahuan dengan memahami kriteria yang perlu ada dalam sesebuah kertas cadangan.
- Mengenalpasti kepentingan memahami konsep kaedah penyelidikan agar pelajar mampu membuat semakan tugas sesama sendiri (peer review) dan berinteraksi secara berkumpulan.
- Menghasilkan kertas cadangan dengan mengaplikasikan keperluan budget atau penjadualan kerja (milestone).

JKP 211/4 - PENTADBIRAN AWAM

Kursus ini merupakan satu kursus pengenalan dan pendedahan tentang pentadbiran awam kepada para pelajar dari segi teori dan aplikasi. Pengajian kursus ini merangkumi lima aspek penting, iaitu:

- Pemahaman tentang konsep dan teori utama, termasuk konsep pentadbiran awam itu sendiri, artifek, opsyen, nilai, "dikotomi politik-pentadbiran", dan "tanggungjawab menteri".
- Persamaan dan perbezaan antara pentadbiran awam dengan pentadbiran swasta.
- Pengurusan awam dan swasta.
- Pengawasan ke atas pentadbiran awam oleh institusi-institusi perwakilan dan bukan institusi-institusi perwakilan.
- Perkhidmatan awam di Malaysia.

Perkhidmatan awam di Malaysia dengan sengaja dipilih sebagai satu contoh khusus bertujuan membantu pemahaman anda pelajar dalam mengaplikasi teori yang dipelajari kepada satu keadaan yang kita semua tempuhi setiap hari. Sudah pasti faktor kita sebagai rakyat Malaysia yang hidup di bawah satu bumbung sistem yang serupa akan menghasilkan satu fenomena yang menarik kerana faktor di atas memang berkait rapat dengan kursus ini.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti konsep-konsep utama dalam pengajian pentadbiran awam.
- Menerangkan konsep-konsep utama dalam pengajian pentadbiran awam.
- Menjelaskan peranan pentadbiran awam dalam masyarakat dan pemerintahan masa kini.
- Menghubungkan konsep-konsep utama pentadbiran awam dalam konteks Malaysia dan negara-negara lain.

JKP 212/4 - HUBUNGAN ANTARABANGSA

Kursus ini bertujuan meninjau konsep-konsep dan teori-teori utama dalam bidang pengajian hubungan antarabangsa dan juga mengkaji beberapa isu penting dalam politik antarabangsa.

Tumpuan kajian ialah terhadap pembentukan dan pelaksanaan dasar luar, bentuk-bentuk interaksi di kalangan negara-negara seperti persaingan kuasa, konflik, perang, perlumbaan senjata dan kerjasama.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghubungkan konsep asas disiplin hubungan antarabangsa dengan pemahaman senario politik antarabangsa dengan lebih baik.
- Membuat inferens politik antarabangsa berkait rapat dengan politik dalaman sesebuah negara.
- Menjelaskan kompleksiti hubungan antarabangsa yang dicorakkan oleh pelbagai matlamat, objektif, pendirian dan tindakan aktor-aktor politik antarabangsa.

JKP 213/4 - FALSAFAH POLITIK

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada bidang Falsafah Politik. Selepas mengikuti kursus ini pelajar diharap akan lebih memahami corak pemikiran pemikir politik terpilih iaitu: Plato, Aristotle, Thomas Hobbes, Jean Jacques Rousseau, Karl Marx, Confucius, Kautilya, Abu Al Mawardi dan Abu Ala Al Maududi. Antara perkara yang diberi tumpuan ialah konsep kesamaan, kebebasan dan keadilan seperti yang diutarakan oleh pemikir-pemikir politik terpilih. Ia juga akan menerangkan dan membandingkan pemikiran politik berdasarkan isu pemerintahan – hak asasi awam, tanggung jawab rakyat dan syor mengenai mempertanggungjawabkan pemerintah. Kursus ini akan juga tinjau kelevanannya pemikiran politik kepada amalan proses politik moden

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Membincangkan corak pemikiran politik pemikir-pemikir politik yang terpilih.
- Membincangkan konsep kesamaan, kebebasan dan keadilan seperti yang diutarakan oleh pemikir-pemikir politik terpilih.
- Menerangkan dan membandingkan pemikiran politik berdasarkan isu pemerintahan – hak asasi awam, tanggung jawab rakyat dan syor mengenai mempertanggungjawabkan pemerintah.
- Menjelaskan pengaruh pemikiran politik kepada amalan proses politik moden.

JKP 218/4 - POLITIK PERBANDINGAN

Kursus ini bertujuan membincangkan teori-teori dan konsep-konsep utama dalam bidang pengajian Politik Perbandingan serta mengkaji beberapa buah negara terpilih sebagai kajian kes dalam perbandingan politik. Tumpuan kajian ialah transformasi sosial, sistem politik, budaya politik, ideologi politik, penyertaan politik, institusi politik, penggubalan dasar dan ekonomi politik. Pilihan kajian kes ialah negara yang mengamalkan sistem politik liberal demokrasi, autoritarian, totalitarian dan hibrid.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan teori-teori dan konsep-konsep utama dalam bidang Politik Perbandingan.
- Mengenal pasti proses-proses pembentukan sesebuah kerajaan/negara moden.
- Menerangkan sistem politik, ideologi politik, penyertaan politik, institusi politik dan penggubalan dasar.
- Membandingkan sistem politik dan struktur masyarakat.

JKP 310/3 - IDEOLOGI DUNIA KETIGA

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek terpilih tentang ideologi Dunia Ketiga. Kursus ini bermula dengan perbincangan teoritis mengenai ideologi. Ini akan diikuti dengan penelitian ideologi pemimpin-pemimpin di Asia, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Ideologi-ideologi ini meliputi persoalan-persoalan politik, sosial, ekonomi dan humanisme kosmik. Tumpuan akan diberi kepada unsur-unsur kesamaan dan perbezaan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep, fungsi-fungsi dan ciri-ciri ideologi politik.
- Menjelaskan ideologi politik yang dipraktikkan dalam negara-negara dunia ketiga, termasuklah ideologi demokrasi sosialisme, komunisme, nasionalisme, totalitarianisme, fundamentalisme dan sebagainya.
- Menerangkan ideologi-ideologi politik yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin politik negara-negara dunia ketiga di Asia, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah.
- Membandingkan ideologi-ideologi politik kontemporari yang dipraktikkan terutamanya di negara-negara dunia ketiga.

JKP 312/3 - KONFLIK DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Kursus ini bertujuan membentuk asas bagi pelajar-pelajar memahami politik dalam masyarakat majmuk. Tujuan ini diasaskan kepada pemahaman dan pengetahuan lima tajuk kecil yang dikaji secara perbandingan seperti berikut: konsep masyarakat majmuk dan kelas; kolonialisme dan modenisasi; penganalisan Rabushka dan Shepsle; pergaduhan dan pengawalan pergaduhan; dan integrasi nasional.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan teori-teori dan konsep-konsep utama dalam analisis politik bagi negara-negara yang mempunyai masyarakat majmuk.
- Mengenal pasti proses-proses yang membentuk sesebuah masyarakat majmuk.
- Membandingkan antara masyarakat majmuk dalam isu-isu berkaitan proses modenisasi, kelas, konflik dan pengawalan konflik serta integrasi nasional.
- Menganalisis perubahan politik dalam beberapa buah negara masyarakat majmuk yang terpilih.

JKP 313/4 - PEMBANGUNAN POLITIK MALAYSIA

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada isu-isu pembangunan politik di negara kita, Malaysia. Tumpuannya ialah kepada era selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Teori dan pendekatan dalam menganalisis politik Malaysia perlu dipadankan dengan pengetahuan babak-babak dan watak-watak penting dalam sejarah politik Malaysia, dahulu dan semasa. Tiga tema penting yang mendasari pelajaran-pelajaran dalam kursus ini ialah, pertama, sejarah dan teori pembangunan politik Malaysia; kedua, parti-parti dan kumpulan politik di Malaysia, dan ketiga, amalan demokrasi politik di Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep pembangunan politik dan aspek-aspek yang diteliti dalam kajian pembangunan politik.

- Menjelaskan peranan parti politik, kumpulan pendesak, kumpulan bersekepentingan dan organisasi bukan kerajaan dalam proses pembangunan politik di Malaysia.
- Menerangkan proses pendemokrasian di Malaysia daripada segi prospek, cabaran, dan masalah yang dihadapinya.
- Menghubungkan hasil-hasil kajian oleh sarjana-sarjana dari dalam dan luar negeri tentang sistem politik di Malaysia.

JKP 319/4 - INSTITUSI DEMOKRATIK

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada teori politik berasaskan pendekatan institusional. Kursus ini juga akan meneliti struktur, fungsi dan aktiviti yang dilakukan oleh institusi-institusi politik di negara-negara Barat dan Timur. Institusi-institusi politik ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis: institusi perundangan (atau dewan perundangan), institusi eksekutif (kabinet dan pentadbiran awam) dan institusi kehakiman. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah pengenalan teoritis-struktur, institusi dan sistem politik; pendekatan-institusional; struktur-fungsi dalam kajian sains politik; perlembagaan dan kerajaan berperlembagaan-bentuk, corak dan fungsi

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep asas institusi politik dan pendekatan institusi dalam kajian sains politik.
- Menerangkan prinsip pengasingan kuasa dalam sistem politik yang berlandaskan ideologi demokrasi.
- Menjelaskan struktur, fungsi dan peranan institusi-institusi politik terutamanya badan legislatif, badan eksekutif, dan badan kehakiman dalam negara-negara terpilih di barat dan timur.
- Membandingkan institusi-institusi politik dalam negara-negara yang mengamalkan sistem politik yang berbeza.

JKP 320/3 - ISU-ISU TERPILIH PENTADBIRAN AWAM

Kursus ini merupakan kesinambungan kepada kursus pengenalan pentadbiran awam. Walaupun ia merupakan satu kursus pendedahan isu-isu kontemporari dalam bidang pentadbiran yang dipilih khusus untuk dikaji secara terperinci, peralihan pentadbiran awam lama kepada pentadbiran awam moden dan teori-teori utama pembangunan diuraikan sebagai pengenalan. Seterusnya, masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi terutamanya oleh negara-negara membangun dikenal pasti sekaligus pendekatan dan strategi yang boleh menangani masalah-masalah tersebut termasuk pengurusan awam baru (new public management), kerajaan elektronik (e-government), pemasaran politik (political marketing), penswastaaan, pemindahan dasar dikaji dan dianalisis kesesuaian aplikasinya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti isu-isu utama pentadbiran awam.
- Menjelaskan isu-isu utama pentadbiran awam.
- Menerangkan perkembangan bidang pentadbiran awam daripada klasik ke moden.
- Menjelaskan isu-isu pembangunan yang dihadapi negara membangun.
- Menganalisis pembangunan pentadbiran awam sesebuah negara berpandukan isu-isu dan pendekatan yang dipelajari.

JKP 321/2 - USUL PENYELIDIKAN SAINS POLITIK

Kursus ini bertujuan menyediakan pengalaman sebenar kepada pelajar-pelajar tahun akhir pengkhususan Sains Politik dalam menulis usul penyelidikan. Ia menggalakkan para pelajar Sains Politik supaya peka kepada isu-isu politik, dan seterusnya mengaplikasikan teori-teori dan konsep-konsep yang telah mereka pelajari sejak tahun satu ke dalam realiti politik semasa.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengetahui pasti satu isu politik semasa dari mana-mana sub-bidang Sains Politik.
- Menghuraikan pendekatan, konsep dan teori yang telah dipelajari dalam bidang Sains Politik.
- Menganalisis satu isu politik semasa yang telah dikenal pasti.
- Menguruskan informasi, kerja, belanjawan penyelidikan, jadual perbatuan dan kerja penulisan laporan secara sendiri.
- Mengorganisasikan dan menulis kertas cadangan penyelidikan yang lengkap.

JKP 411E/4 - INTERNATIONAL ORGANIZATIONS

This objective of this course is to explain to the students how international organizations play their role in resolving international political problems. Furthermore, this course emphasizes how the international organizations such as United Nations, World Bank and multinational companies combined their expertise to strengthen their position. The debate about the international organization will apply the theory such as Marxist, Liberalism and Realism. Analysis on the development and expansion of the influence of international organizations will be made from a theoretical and practice standpoint.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Describe the objectives, structures, functions, roles and types of international organizations.*
- *Describe how international organisation establish cooperation towards solving world problems.*
- *Analyse how group work can produce future leaders by applying the theories and concepts of international organisation.*

JKP 412E/4 - PUBLIC POLICY

This course aims to develop an understanding of the theory and practice of public policy in general. The course focuses on key themes in public policy literature and key debates which have dominated public policy discussion historically and currently in various areas of economic and social policy. These themes are explored through lectures and discussions. The course examines theories of policy making, the roles of various actors, interests and institutions in the policy process, the influence of ideas in policy making, the formulation and implementation of policy through basic policy instruments and the evaluation and impact of public policy on the people. Policy case studies are used to illustrate key issues and challenges.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Elaborate the process of policy making.*
- *Explain main phases of policy making.*
- *Analyze public policy using the nine primary approaches to public policy.*

- *Evaluate public policy.*

JKP 413E/3 - SOUTHEAST ASIAN POLITICS

This course will examine the phenomena of political development and the process of democratization in the following Southeast Asian nations: Indonesia, Thailand, Philippines, Brunei and Singapore since the Second World War. In the process, the course addresses the challenges of political institution-building as well as the challenges of political democratization faced by Southeast Asian countries.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the challenges in political development, namely nation building, state building, distribution and participation in the selected Southeast Asian countries since the Second World War.*
- *Explain the different pace and pattern of political development in the selected Southeast Asian countries.*
- *Explain the impediments to the process of democratization in the selected Southeast Asian countries and how each of the countries discussed tries to handle the challenges of democratization.*
- *Compare the successes and failures of respective countries in handling the challenges of political development.*

JKP 416/4 – DISERTASI SAINS POLITIK

Kursus ini menghendaki pelajar membuat kajian dan analisis tentang satu isu politik semasa daripada mana-mana satu sub-bidang sains politik iaitu pentadbiran awam, hubungan antarabangsa, pemikiran politik atau politik perbandingan. Analisis yang dihasilkan perlu berasaskan teori dan pendekatan politik yang tepat. Kebolehan kritikal yang sepatutnya dimiliki oleh pelajar-pelajar tahun akhir juga perlu diserlahkan dalam penulisan. Pelajar akan dibimbing oleh seorang penyelia yang dikenalpasti dari kalangan pensyarah sains politik. Penilaian akan sepenuhnya berdasarkan proposal dan kertas akhir yang dihasilkan pelajar.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti satu isu politik semasa dari mana-mana sub-bidang Sains Politik.
- Menghuraikan pendekatan, konsep dan teori yang telah dipelajari dalam bidang Sains Politik
- Menganalisis satu isu politik semasa yang telah dikenal pasti.
- Menguruskan informasi, kerja, belanjawan penyelidikan, jadual perbatuan dan kerja penulisan laporan secara sendiri.
- Mengorganisasikan laporan secara jelas, sistematik dan berkesinambungan dan menulis disertasi yang lengkap.

JKP 418/4 - EKONOMI POLITIK MALAYSIA

Kursus ini menekankan dinamika hubungan kuasa di antara 3 golongan utama yang dilihat menguasai arena ekonomi politik Malaysia: pemerintah / negara (state), pemodal / kapitalis (capitalist) dan buruh (labour). Dinamika ini menghasilkan transformasi pemerintahan dan kelas melalui tiga wadah: Kawal Selia Pemerintah – pemerintah mencatur kapitalis dan mengawal buruh, Kelas Kapitalis Besar – kapitalis menguasai pemerintah dan menundukkan buruh, dan Kuasa Kolektif Buruh – buruh mengimbangi kuasa pemerintah dan kapitalis. Sebagai kaedah pelbagai disiplin yang komprehensif cakupannya, pendekatan ekonomi politik dilihat sesuai untuk

menganalisis perkembangan politik semasa Malaysia. Konflik-konflik kontemporari seperti krisis kewangan Asia 1997-98 dan cabaran kepada hegemoni Barisan Nasional bermula dari Pilihanraya Umum ke-12 pada Mac 2008 hinggalah kekalahannya dalam Pilihanraya Umum ke-14 pada Mei 2018 semuanya melibatkan interaksi politik dan ekonomi yang saling bereaksi antara satu sama lain.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan teori-teori dan konsep-konsep asas dalam bidang ekonomi politik.
- Mengenal pasti pendekatan hubungan kuasa antara golongan-golongan utama dalam negara dan masyarakat industri.
- Membandingkan tiga tesis yang dianggap mendominasi perkembangan ekonomi politik Malaysia iaitu kawal selia pemerintah, kelas kapitalis besar dan kuasa kolektif buruh.
- Menganalisis perubahan-perubahan dalam hubungan kuasa di Malaysia.

SENARAI KURSUS EKONOMI

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JKE 101 - Pengantar Ekonomi	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
2.	JKE 213 - Wang Dan Perbankan	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
3.	JKE 215 - Mikroekonomi	4	50	50	20 P.B 20 Tugas 10 Kuiz
4.	JKE 216 - Makroekonomi	4	50	50	20 P.B 20 Tugas 10 Kuiz
5.	JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam	4	50	50	30 Tugas 20 P.B.
6.	JKE 414 - Ekonomi Malaysia	4	50	50	20 P.B 20 Tugas 10 Kuiz

P.B. : Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS EKONOMI

JKE 101/4 - PENGANTAR EKONOMI

Kursus ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu mikroekonomi dan makroekonomi.

Tajuk-tajuk perbincangan bahagian mikroekonomi termasuk takrifan ekonomi, perubahan permintaan, penawaran dan keseimbangan pasaran, asas dalam teori kos, pasaran persaingan sempurna, monopoli, persaingan bermonopoli dan oligopoli.

Tajuk-tajuk perbincangan bahagian makroekonomi pula termasuk pengukuran pendapatan negara, penentuan pendapatan negara, permintaan dan penawaran agregat, dasar fiskal dan kewangan, pertumbuhan, inflasi dan pengangguran dan konsep penting ekonomi terbuka.

Bagi setiap tajuk tersebut, sekurang-kurangnya satu isu ekonomi yang berkait dengan tajuk berkenaan akan dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan bagaimana model asas mikroekonomi dapat digunakan untuk mempertimbangkan pilihan pengguna dan firma.
- Menggunakan model asas makroekonomi untuk diaplikasikan dalam pelbagai isu ekonomi.
- Menggunakan analisis berangka dalam menyelesaikan masalah ekonomi berdasarkan gambarajah, data dan aljebra.

JKE 213/4 - WANG DAN PERBANKAN

Kursus ini akan membincangkan peranan wang serta institusi kewangan dalam proses penciptaan wang dan pengaliran dana dalam sesebuah ekonomi. Kursus ini juga memberi pelajar suatu latar belakang tentang sejarah serta evolusi sistem kewangan. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan wang, urusan bank dan sistem kewangan akan dibincang. Kefahaman tentang konsep wang dan urusan bank juga boleh dijadikan suatu asas kepada kursus Ekonomi Kewangan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menganalisis prinsip dan teori berkaitan wang dan perbankan.
- Menganalisis teori-teori berkaitan wang dan perbankan.
- Menerangkan peranan institusi kewangan dan perkembangannya di Malaysia.
- Menganalisis isu dan permasalahan semasa berkaitan institusi kewangan seperti pengurusan institusi perbankan, regulasi pasaran kewangan, perbankan Islam dan krisis kewangan.

JKE 215/4 - MIKROEKONOMI

Tajuk-tajuk yang diliputi dalam kursus ini terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu pengenalan kepada konsep permintaan-penawaran, keanjalan permintaan-penawaran, gelagat pengguna, teori pengeluaran, ciri-ciri dalam struktur pasaran dalam ekonomi dan sistem harga pasaran.

Bahagian pertama akan membincangkan konsep permintaan – penawaran. Di bawah topik ini, tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah permintaan-penawaran individu dan pasaran; faktor-faktor penentu permintaan-penawaran dan mengenal pasti dan mengira jenis-jenis keanjalan permintaan dan penawaran.

Bahagian kedua menganalisis teori gelagat pengguna berhubung dengan keputusan penggunaan, serta peranan ketidak-pastian ke atas gelagat pengguna. Bahagian ketiga pula akan meneliti firma dalam proses pengeluaran. Di bawah tema ini tajuk-tajuk yang akan dibincangkan meliputi teori pengeluaran dan teori kos pengeluaran.

Bahagian keempat akan membincangkan struktur pasaran yang akan mengkaji perlakuan pengeluar di dalam usaha memaksimumkan untung di dalam keadaan pasaran persaingan sempurna, monopoli, persaingan monopolistik dan oligopoli.

Bahagian kelima akan membincangkan sistem harga pasaran. Topik perbincangan berkaitan dengan 3 jenis tahap diskriminasi harga dalam pasaran dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan bagaimana perubahan kuantiti dan harga mempengaruhi pasaran melalui konsep permintaan-penawaran.
- Menganalisis teori gelagat pengguna berhubung dengan keputusan penggunaan, serta peranan ketidak-pastian ke atas gelagat pengguna.
- Menghuraikan bentuk pengurusan yang beretika, berhemah, bertanggung jawab dan peka terhadap keperluan individu, organisasi, masyarakat, persekitaran dan kerajaan.
- Menyelesaikan isu-isu semasa pengurusan perniagaan yang terkait dengan etika dan kaedah penyelesaiannya.

JOW 457/3 - KEUSAHAWANAN

Kursus ini merangkumi pendedahan tentang sejarah, konsep dan teori keusahawanan, serta kemahiran-kemahiran dan gelagat untuk menjadi usahawan yang berjaya. Para pelajar juga didedahkan tentang pembangunan kemahiran kreatif dan inovatif, dan penjanaaan idea dan produk baru yang berdaya saing dalam pasaran. Pelajar juga akan didedahkan tentang penyediaan rancangan perniagaan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Kenalpasti idea dan peluang perniagaan kepada usahawan.
- Mereka bentuk kanvas model perniagaan berdasarkan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.
- Menganalisis masalah utama yang dihadapi oleh usahawan.
- Mencadangkan model perniagaan yang berdaya saing.

JTW 4053E/4 - STRATEGIC MANAGEMENT

Strategic management is a set of management decision-making and actions that assist in determining long-term performance an organization. It also includes environmental observation

activities (external and internal), formulation strategies (strategic and long-term planning), implementation strategies, and evaluation and control (Wheelan et al., 2015).

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explaining the concept of strategic management.*
- *Analysing organizational issues through the application of strategic management (ie. Environmental scanning - external and internal, strategic formulation, and strategic implementation).*
- *Solving organizational issues through the application of strategic management (ie. Environmental scanning - external and internal, strategic formulation, and strategic implementation).*

JTW 481/4 - PROJEK PENGURUSAN

Kursus ini mengkehendaki pelajar mengendalikan dan menyediakan satu kajian ilmiah. Pelajar dikehendaki memilih satu tajuk kajian dalam bidang pengurusan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenalpasti proses penyelidikan perniagaan.
- Menganalisis kutipan data.
- Melaksanakan kerja penyelidikan dengan beretika.
- Menganalisis data menggunakan perisian yang bersesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan untuk perbincangan hasil kajian.
- Menyediakan laporan akhir kajian.

JTW 304/4 - SEMINAR PENGURUSAN

Kursus ini direkabentuk kepada pelajar untuk mengenalpasti isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan. Pelajar akan didedahkan kepada konsep, strategi, kajian kes, model dan aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan amalan pengurusan masa kini. Pelajar berpeluang untuk berbincang, memberi pandangan secara kritikal dan mendalami isu-isu pengurusan supaya lebih memahami isu-isu yang berkaitan di tempat kerja.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep, teori, dan prinsip berkenaan isu-isu semasa pengurusan.
- Mencadangkan penyelesaian kepada masalah perniagaan antarabangsa.
- Menyelesaikan isu-isu semasa pengurusan melalui pembentangan dan laporan.
- Mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu semasa pengurusan dengan mengetuai kerja kumpulan.

JFW 313/3 - PERANCANGAN KEWANGAN DAN KEKAYAAN

Kursus ini akan mendedahkan pelajar-pelajar kepada konsep, teori dan metodologi pengurusan kewangan peribadi. Kursus ini menfokuskan pengurusan tunai, perancangan cukai pendapatan, kredit pengguna, pelaburan, perumahan, perancangan insuran, perancangan kekayaan dan persaraan. Para pelajar akan memahami interaksi diantara pengaruh persekitaran dan keputusan kewangan dalam proses kepuasan secara beretika. Dengan menggunakan teknik-teknik penilaian kewangan sendiri, para pelajar akan berupaya membuat keputusan kewangan sendiri dengan sistematik dan berkesan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menganalisis pengaruh politik, ekonomi, sosial dan persekitaran antarabangsa ke atas keputusan kewangan individu.
- Menilai kesan dinamik antara pemaksimuman utiliti individu, tanggungjawab sosial dan perlakuan beretika yang memberi manfaat kehidupan.
- Mengenalpasti pelbagai pilihan kewangan sendiri dalam konteks penetapan matlamat dan pengukuran pencapaian, pengurusan cukai, pengurusan aset, pengurusan kredit, pengurusan risiko, pelaburan dan perancangan kewangan.

JFP 365E/3 - SECURITY INVESTMENT AND PORTFOLIO MANAGEMENT

This course enables the students to understand the the concept, theory, methodology, and investment portfolio management. The main emphasis of this course is on asset allocation decision. This course includes the introduction to basic investment concepts and theories, before going deeper into indentifying the factors and processes involved in making investment decisions. Students are exposed to investment analysis, evaluation of risk and return and steps involved in making an investment process as well as the formation of an investment portfolio. Factors affecting investment decisions are also discussed that include internal and external factors such as personal preferences and macroeconomics conditions. At the end of this course, the students are expected to understand the process of making a sound investment decision.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Analyze various financial theories and instruments in the portfolio.*
- *Reporting the findings of an individual assignment.*
- *Explaining the relationship between current situation and its impact on investment decision.*
- *Analyzing and comparing various instruments, procedures, risks, returns, and investment decisions in forming an investment portfolio based on current situation.*

JFW 369/3 - INSTITUSI KEWANGAN, PASARAN & INOVASI DIGITAL

Kursus ini adalah berkaitan pengurusan institusi kewangan dan pasaran kewangan domestik dan antarabangsa. Bagaimana elemen Ketelusan, Pengurusan Risiko, Teknologi Informasi, Persaingan untuk mendapatkan pelanggan dan Kecukupan Modal mempengaruhi perkembangan dan kekuatan institusi dan pasaran kewangan. Bagaimana institusi kewangan menjalankan pengurusan aset-liabiliti dan juga menangani isu-isu etika bagi menjamin kelangsungan mereka dan juga fungsi pengawal seliaan dalam memastikan kecekapan dan kestabilan sistem kewangan yang lestari.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan konsep, aktiviti dan proses dalam sistem kewangan iaitu institusi kewangan dan pasaran kewangan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.
- Merumuskan peranan dan pengaruh sistem kewangan ke atas ekonomi.
- Menganalisis isu / permasalahan berkaitan pengurusan sistem kewangan (institusi kewangan dan pasaran).

JFW 464/3 - ANALISIS PENYATA KEWANGAN

Kursus ini menekankan kepada pelajar tentang analisis-analisis yang perlu dilakukan untuk menganalisis sesebuah penyata kewangan. Di samping itu, pelajar akan didedahkan tentang isu amalan pelaporan yang mendasari penyediaan penyata kewangan. Pada akhirnya, pelajar diharap dapat menyempurnakan satu analisis lengkap ke atas penyata kewangan sesebuah syarikat.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep dan analisis penyata kewangan syarikat.
- Membuat keputusan berkaitan kewangan berdasarkan analisis penyata kewangan.
- Menganalisis kedudukan kewangan syarikat berdasarkan penyata kewangan.

JFW 460/3 - KEWANGAN KORPORAT

Kursus ini memberikan pendedahan yang lebih mendalam tentang konsep kewangan. Konsep nilai masa wang, penilaian, risiko dan pulangan akan diulas dan dibincangkan dengan terperinci. Ia diteruskan dengan perbincangan lanjut berkenaan belanjawan modal, polisi dividen dan struktur modal. Pelajar akan mempelajari cara pengurus kewangan menggunakan konsep kewangan dalam pelaburan, pembiayaan dan keputusan pembayaran untuk memaksimumkan nilai firma. Topik khas dalam kewangan juga akan dirangkumi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep kewangan dalam membuat keputusan kewangan.
- Mengaplikasi konsep kewangan dalam membuat keputusan kewangan.
- Menunjukkan penyelesaian masalah kewangan.
- Menyediakan satu laporan berkenaan satu isu semasa kewangan korporat dengan sokongan bahan ilmiah.

JFW 472/3 - DERIVATIF KEWANGAN

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada konsep, teknik dan strategi berkaitan dengan derivatif kewangan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan instrumen dan pasaran derivatif.
- Membandingkan instrumen atau strategi derivatif.
- Menunjukkan strategi urusniaga derivatif kewangan yang sesuai untuk keperluan perniagaan yang berlainan.

JKE 518/3 - KEWANGAN ANTARABANGSA

Kursus ini merangkumi aspek-aspek "kewangan" dalam bidang ekonomi antarabangsa. Pada umumnya kursus ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu hubungan perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa, imbalan pembayaran dan pertukaran asing. Tajuk-tajuk yang akan disentuh merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan hubungan perdagangan luar negeri dengan ekonomi negara, hubungan perdagangan antarabangsa dengan kewangan antarabangsa, imbalan pembayaran, pertukaran asing dan pasaran pertukaran asing. Perbincangan tentang pertukaran asing akan menyentuh mekanisme penentuan kadar pertukaran asing, mekanisme pelarasan pertukaran asing dan aspek-aspek berkaitan dengan derivatif, arbitraj dan pelbagai alat pertukaran asing. Kursus ini juga akan turut membincangkan sistem kewangan antarabangsa. Analisis imbalan pembayaran dan pertukaran asing tersebut akan menggunakan contoh-contoh Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghubungkan perdagangan antarabangsa dengan kewangan antarabangsa dan pendapatan negara dalam konteks imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing.
- Menganalisa pengaruh pasaran barangan dan pasaran modal ke atas kadar pertukaran asing, kesan campurtangan kerajaan dalam pasaran pertukaran asing dan teori yang menjelaskan isu-isu berkaitan.
- Menjelaskan mekanisme penentuan kadar pertukaran asing, dan risiko, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pasaran pertukaran asing.

MAJOR STRATEGI & PENGURUSAN ORGANISASI	
---	--

JOP 354/3 - PENGURUSAN BAKAT

Kursus ini memberikan pendedah kepada pelajar mengenai pengurusan bakat dan kepentingannya. Pelajar juga akan didedahkan mengenai peranan individu dan organisasi dalam memastikan proses pengurusan bakat di organisasi tersebut ditahap yang optimum. Untuk itu, pelajar akan diberikan pendedahan mengenai kaedah yang bersesuaian dan perspektif yang berbeza dalam proses pengurusan bakat.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan peranan dan kepentingan organisasi dalam pengurusan bakat.
- Mengenalpasti dan menghuraikan kepentingan individu dalam pengurusan bakat.
- mencadangkan pelbagai teknik dan strategi untuk membezakan perspektif pengurusan bakat diperingkat global.
- menghuraikan strategi untuk membezakan perspektif pengurusan bakat melalui pembentangan dengan menggunakan teknologi sedia terkini.

JOW 355/3 – KEPIMPINAN STRATEGIK

Kursus ini bertujuan untuk memberi pelajar pemahaman tentang peranan dan fungsi kepimpinan strategik untuk menyokong organisasi untuk berjaya. Ini termasuk kemahiran strategi dan pelaksanaan yang berkesan. Kepimpinan strategik adalah kemahiran dan seni sebagai pemimpin yang berkesan mengurus, mempengaruhi dan menyelaraskan unsur-unsur unsur.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep, teori dan proses dalam kepimpinan strategik.
- Mengenalpasti fungsi dan peranan kepimpinan strategik.
- Memahami peranan dan elemen penting dalam kepimpinan strategik.

JOW 356E/3 - STRATEGIC FORESIGHT AND DECISION MAKING

The complexity of the future can be overwhelming and adapting to change is inevitable. It is therefore important for companies to prepare for the future in order to remain competitive in today's rapidly changing business environment. Strategic foresight is critical to acknowledge the possibility of the multiple futures to accelerate organisational development. Students will be exposed to a wider perspective on today's drivers of change for organizations to prepare and make appropriate decisions, in order to harness the potential of new possibilities of the future. Students will learn various strategic tools and techniques such as SWOT Analysis, PESTLE, Porter's Five Forces Model, TOWS Matrix, Competitors Analysis, Business Portfolio Matrices, SPACE Matrix and most importantly Scenario Planning. Scenario Planning would be the most important as a foresight methodology that is used for strategic analysis of medium and long-term planning. In this case, students will learn the steps to generate future scenarios, assess the impacts of those futures and craft suitable strategies which are resilient to different future outcomes

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Identify the importance of strategic survey functions in an organization and measures to analyze future scenarios.*
- *explain the skills required in strategic forecasting management and decision making in an organization.*
- *propose various techniques and strategies to increase efficiency and effectiveness in understanding the current situation of an organization.*

- *study various potential scenarios and impact the future and formulate strategies that are appropriate for an organization through presentation using the latest available technologies.*

JOW 452/3 - PERHUBUNGAN INDUSTRI

Kursus ini memperkenalkan teori, prinsip, konsep serta peraturan undang-undang berkaitan perhubungan industri yang meliputi aspek-aspek sejarah perhubungan industri, kontrak perkhidmatan, faedah pekerjaan, liputan, proses perundingan bersama, kesatuan sekerja, pertikaian perusahaan, tatacara siasatan dalaman, pemecatan tidak adil, pemecatan konstruktif, dan mahkamah perusahaan. Kes-kes perhubungan industri juga dikaji dan dianalisis.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan sejarah perkembangan, konsep, teori dan proses perhubungan industri di Malaysia serta peraturan dan undang-undang yang berkaitan.
- Menganalisis kes-kes perhubungan industri dan memberikan penilaian berjustifikasi berasaskan peraturan dan akta yang berkaitan.
- Menghubungkan konsep, teori dan peraturan undang-undang berkaitan pekerjaan dengan isu-isu semasa perhubungan industri.

JOW 358/3 - PSIKOLOGI INDUSTRI DAN PENGURUSAN ORGANISASI

Kursus ini membantu pelajar memahami psikologi pengurusan yang diguna dalam sesebuah organisasi. Kursus ini dapat membantu pelajar dalam memberi respon yang positif terhadap situasi dalam alam pekerjaan. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap cara, etika dan gaya kepimpinan yang bersikap positif. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti di tempat kerja di dalam suasana yang lebih harmoni.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori psikologi pengurusan dalam alam pekerjaan dan kehidupan harian.
- Menghubungkan konsep dan teknik yang sesuai dalam penggunaan psikologi pengurusan.
- Meneroka dan menyelesaikan masalah dalaman organisasi dengan menggunakan teori psikologi kerja dan organisasi.

JOW 450/3 – PEMBANGUNAN DAN PERUBAHAN ORGANISASI

Kursus ini memperkenalkan konsep perkembangan organisasi sebagai satu sumber kelebihan persaingan. Aspek-aspek perkembangan organisasi yang ditekankan ialah konsep perkembangan organisasi, proses perkembangan organisasi, intervensi proses manusia, intervensi teknostruktur, intervensi sumber manusia, dan intervensi pengurusan strategik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep teori perkembangan organisasi dan rekabentuk intervensi
- Menganalisis reka bentuk intervensi yang bersesuaian dengan perubahan organisasi.
- Mencadangkan penyelesaian masalah melalui rekabentuk intervensi organisasi yang sesuai melalui kajian-kajian jurnal artikel

JOP 455/3 – PENGURUSAN SUMBER MANUSIA STRATEGIK

Kursus ini menerangkan prinsip dan amalan pengurusan sumber manusia yang meliputi aspek perancangan sumber manusia, pemilihan dan pengambilan kakitangan, pengurusan gaji dan faedah, latihan dan perkembangan kakitangan, penilaian prestasi dan perhubungan pekerja. Ia juga membekalkan pelajar dengan amalan semasa yang dipengaruhi oleh sosiobudaya, aliran ekonomi, politik dan globalisasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan fungsi dan aktiviti utama yang terdapat dalam pengurusan sumber manusia.
- Menyelesaikan kajian kes yang berkaitan dengan isu yang terdapat dalam pengurusan sumber manusia.
- Menghuraikan pelbagai aktiviti yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia.

MAJOR PEMASARAN	
------------------------	--

JRW 342/3 - PEMASARAN ANTARABANGSA

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teori dan aktiviti pemasaran di peringkat antarabangsa. Pemahaman terhadap faktor persekitaran dan pengaruhnya terhadap keputusan pemasaran, budaya kerja dan syarikat juga akan didedahkan. Seterusnya, pelajar akan mempelajari kaedah mengembangkan perniagaan ke negara asing.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti skop, teori, dan amalan berkaitan pemasaran antarabangsa.
- Menggunakan konsep dan teori yang dipelajari untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan pemasaran antarabangsa.
- Menilai dan menerangkan peluang pemasaran antarabangsa.
- Mencadangkan strategi pemasaran antarabangsa dan pelaksanaannya di peringkat global.

JRW 346/3 - PEMASARAN DIGITAL

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada platform pemasaran digital sebagai salah satu alat promosi dalam bidang pemasaran. Mereka akan didedahkan dengan kaedah pemasaran yang berkesan menggunakan data raya dan e-dagang untuk perniagaan. Dalam era maklumat, data raya mengubah permainan perniagaan. Pemasaran digital dan data raya menjadi satu keperluan kepada pemasar kerana maklumat itu sudah sedia diberi kepada perniaga dan pelanggan. Pada akhir kursus ini, para pelajar dijangka akan memahami secara menyeluruh tentang ekonomi digital dan trend perubahan serta kesannya kepada usahawan, perniagaan dan komuniti. Mereka juga perlu menguasai kemahiran dalam salah satu platform e-dagang yang khusus. Keseluruhannya, kursus ini membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan data analitik dalam pemasaran digital untuk perniagaan e-dagang.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan konsep pemasaran digital dan data raya dalam perniagaan mengikut aliran semasa.
- Membincangkan kesan persekitaran perniagaan terhadap pembentukan strategi pemasaran digital dengan proaktif dan bertanggung jawab.
- Mencadangkan idea-idea yang kreatif melalui strategi pemasaran digital dan data raya untuk pengurusan pemasaran yang berkesan.

JRW 347/3 – ANALITIK PEMASARAN

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada teknik-teknik penyelidikan pemasaran, membolehkan pelajar menggunakan kaedah penyelidikan pemasaran, terutamanya analisis statistik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenalpasti pelbagai isu dalam konteks penyelidikan pemasaran
- Menerangkan langkah-langkah sistematik dalam penyelidikan pemasaran
- Mencadangkan penyelidikan pemasaran yang bersesuaian dengan mengambilkira tren pemasaran semasa

JRW 442/3 – PEMASARAN PERKHIDMATAN

Subjek ini mendedahkan pelajar sebagai pengurus pemasaran terutamanya maksud dan proses memasarkan sesuatu perkhidmatan terutamanya oleh organisasi yang berteraskan produk perkhidmatan. Pelajar akan diperkenalkan dengan konsep dan model perkhidmatan, seterusnya memahami akan kepentingan proses perancangan, strategi dan isu-isu pemasaran yang berkaitan dengan penawaran produk perkhidmatan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menghuraikan konsep-konsep asas dalam pemasaran perkhidmatan.
- Menganalisis konsep-konsep dan strategi dalam pemasaran perkhidmatan untuk kelestarian perniagaan berasaskan perkhidmatan.
- Mengkaji mengenai topik-topik berkaitan konsep dan strategi dalam pemasaran perkhidmatan dan mencadangkan teknik-teknik yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah dalam pemasaran perkhidmatan melalui tugas secara berkumpulan.

JRP 448/3 - PERLAKUAN PENGGUNA

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perlakuan pengguna, proses pengguna membuat keputusan dan faktor-faktor yang berpengaruh dalam proses pembelian oleh pengguna. Teori-teori dan model-model perlakuan pengguna, serta isu-isu dan hasil penyelidikan terkini turut dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti konsep perlakuan pengguna, proses pembuatan keputusan pengguna dan faktor yang mempengaruhi pengguna dalam membuat keputusan pembelian.
- Menilai konsep dan teori perlakuan pengguna dari aspek amalan pemasaran.
- Menilai isu atau permasalahan berkaitan perlakuan pengguna.
- Melaporkan hasil tugas berkaitan perlakuan pengguna dengan berkesan.

JRP 451E/3 - STRATEGIC MARKETING MANAGEMENT

This course strengthens students' understanding of strategic marketing management and its connection to corporate strategy. Strategic marketing analysis techniques, analysis of internal and external situations, strategic marketing models and marketing strategies are discussed.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the concept of strategic marketing management.*
- *Identify appropriate strategic marketing management techniques in solving marketing related problems.*
- *Provide a report on current issues of marketing strategic management to generate decision-making skills in marketing management.*

JRP 449/3 - KOMUNIKASI PEMASARAN BERSEPADU

Kursus ini menekankan peranan komunikasi pemasaran bersepadu sebagai satu kaedah campuran promosi. Pelajar akan didedahkan dengan cara merancang dan melaksanakan promosi mengikut saluran media tradisional dan media sosial.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan teori dan konsep campuran promosi (promotion mix), serta komunikasi pemasaran bersepadu dengan berkesan dalam pekerjaan dan kerjaya yang diceburi.
- Mengaplikasi campuran promosi serta sentiasa berada di hadapan dalam perancangan untuk menangani kehendak dan kemahuan pengguna.
- Menggunakan kaedah campuran promosi seperti pengiklanan, media sosial, promosi jualan, jualan langsung, jualan peribadi dan perhubungan awam terhadap organisasi perniagaan yang berasaskan produk atau perkhidmatan.

KURSUS ELEKTIF	
----------------	--

JTP 393E/3 - INTERNATIONAL BUSINESS

This course covers aspect in international business that includes international business environment, international company, financial management, human resource management, production management and marketing that have been implemented in international business.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Explain the concepts, theories, and principles regarding international business.*
- *Propose solutions to international business problems through presentations*
- *Propose commercially valuable solutions to international business problems based on current practices and trends.*

JTU 394E/3 - E-COMMERCE

The course covers the development of information technology and the e-commerce related technology. The course also focuses on the understanding about developing of web page, application of online transaction and revenue models.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Describes the latest technology development related to e-commerce business model*
- *Analyse the concepts and strategy in e-commerce business model to develop a competitive e-commerce environment*
- *Study the current issues and challenges in e-commerce environment and proposes solutions for it and provides report in group assignment*
- *Propose a competitive business model related to management and entrepreneurship in e-commerce environment through group assignment*

JFP 316/3 - KEWANGAN KEUSAHAWANAN DAN MODAL TEROKA

Kursus ini mendedahkan para pelajar tentang pengurusan kewangan untuk perniagaan kecil dan sederhana. Antara isu yang disentuh adalah pembiayaan, teknik menilai prestasi kewangan, perancangan kewangan dan pembiayaan modal teroka.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan kepentingan kewangan keusahawanan.
- Menerangkan sumber pembiayaan perniagaan kecil dan sederhana khususnya pembiayaan modal teroka.
- Menganalisis teknik penilaian firma modal teroka.
- Menilai strategi yang berkesan berkaitan modal teroka bagi firma dalam situasi kewangan yang tenat.

JKE 512E/3 - PUBLIC SECTOR ECONOMICS

This course analyses the activities of the public sector from the perspective of taxation and government expenditure. Topics to be covered are: welfare economics, Pareto efficiency, market failure, positive and negative externalities, concepts and system of taxation, taxation system in Malaysia, principles of taxation, tax incidence, empirical analysis and the weakness of the empirical

analysis, tax burden (of export tax, import tax and the tax burden on the poor) and the effect of tax incentives. Topics to be covered under the government expenditures are: various concepts of the growth of government expenditure, Malaysian government expenditure, types of expenditure and its effect.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *Analyze the role of government in the economy through the provision of public goods by taking into account aspects of market failure such as externality, free riders in the framework of public financial approach, political economy and public choice economy*
- *Analyze the welfare aspects of society in a country by using economic analysis of welfare and efficiency Pareto.*
- *Explain government finances, their sources and uses and the form of relationship between federal government finances with state and local governments within the framework of federalism.*
- *analyze the effects of taxes on economic efficiency, surplus burden, surplus consumers and producers, tax incidents, income distribution and resource allocation.*

**KURSUS
UNIVERSITI**

SENARAI KURSUS UNIVERSITI

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JUU 103 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer	3	50	50	30 Kuiz 20 P.B
2.	JUH 102 -- Pemikiran Kritis	2	50	50	25 P.B 25 Tugas
3.	JUF 101 - Falsafah dan Isu Semasa	2	100	-	30 Esei 30 Pembentangan 30 Ujian 10 Kuiz
4.	JUR 101 -- Etika Profesional	2	50	50	25 Tugas 25 P.B
5.	JUR 102 -- Penghayatan Etika dan Peradaban	2	100	-	30 Tugas 30 Pembentangan 30 Ujian 10 Kuiz
6.	JUS 101 - Teras Keusahawanan	2	100	-	30 P.B 30 Tugas 20 Laporan 20 Pembentangan
7.	<i>JUE 100 -- Preparatory English</i>	2	100	-	40 Ujian 20 Tugas 20 P.B 20 Lisan
8.	<i>JUE 200 -- English I</i>	2	100	-	40 Ujian 20 Tugas 20 P.B 20 Lisan
9.	<i>JUE 300 -- English II</i>	2	100	-	20 Tugas 30 Ujian 30 P.B 20 Lisan
10.	<i>JUE 402 Writing For Professional Purposes</i>	2	100	-	20 Tugas 20 Laporan 40 P.B 20 Penulisan
11.	JUL 301* - Bahasa Malaysia III	2	50	50	40 Tugas 10 Lisan

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
12.	JUL 401 - Bahasa Malaysia IV	2	50	50	30 Tugas 20 P.B

P.B. : Peperiksaan Berterusan

*JUL 301 : Hanya untuk pelajar warga emas yang tidak mendapat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

SINOPSIS KURSUS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS UNIVERSITI

JUU 103/3 - PENDIDIKAN JARAK JAUH DAN LITERASI KOMPUTER

Kursus ini mendedahkan pelajar falsafah dan teori pendidikan jarak jauh termasuk ciri dan pelaksanaan pelbagai media dalam proses pengajaran dan pembelajaran jarak jauh. Penekanan akan diberikan terhadap kaedah pembelajaran sendiri menggunakan modul bercetak dan bahan pembelajaran lain serta peranan perkhidmatan sokongan dalam sistem pendidikan jarak jauh dan pembelajaran terbuka. Pelajar akan didedahkan kepada perbincangan tentang penggunaan komputer dan kemudahan Internet sebagai alat pembelajaran terkini untuk pembelajaran jarak jauh. Dengan mengetengahkan beberapa kelebihan komputer dan teknologi maklumat, diharapkan ia akan memudah cara kegiatan pembelajaran, penyimpanan maklumat dan penyelidikan kepada pelajar PJJ USM. Aspek kemahiran asas dalam penggunaan Internet dan *e-learning* juga diperkenalkan dalam kursus ini secara *'hands-on'*; melalui tugas *online* yang perlu diselesaikan oleh setiap pelajar. Pelajar akan berpeluang menggunakan portal pembelajaran yang disediakan khas oleh PPPJJ.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menentukan teori pendidikan jarak jauh, komponen literasi komputer atau pencarian maklumat berdasarkan maklumat atau situasi yang diberikan.
- Memilih pernyataan dan takrifan bagi teori-teori pendidikan jarak jauh dan komponen literasi komputer dengan tepat.
- Memahami penggunaan pelbagai media, teknologi, dan kemudahan Internet sebagai alat pembelajaran terkini untuk pembelajaran jarak jauh dan pencarian maklumat.

JUH 102/2 – PEMIKIRAN KRITIS

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pelajar jarak jauh. Ia akan mendedahkan pelajar kepada penggunaan pelbagai teknik dalam pembinaan hujah yang sah dan bernas sambil mengkritik hujah yang lemah dan bersifat falasi. Di samping itu, kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada teknik penganalisan dan penilaian hujah dalam petikan, rencana, jurnal dan bahan bacaan lain.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti teknik-teknik yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis.
- Menghuraikan teknik kemahiran kritis yang digunakan dalam sesuatu hujah.
- Menganalisa hujah-hujah yang dibentangkan secara kritis.
- Menilai hujah-hujah yang dibentangkan secara kritis.

JUF101/2 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, dan etika, dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai seponya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.
- Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.
- Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah, untuk menubuhkan asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.

JUR 101/2 – ETIKA PROFESIONAL

Kursus ini meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar dewasa jarak jauh mengenai etika profesional dengan mendedahkan mereka kepada teori-teori, prinsip dan fungsi etika. Ia juga menjelaskan kaitan di antara etika dan profesionalisma dengan menumpukan kepada kewajipan pekerja. Selain daripada itu, kursus ini memberi penekanan kepada pelbagai isu etika profesional dalam pelbagai bidang.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan konsep asas dan teori etika profesional.
- Menghubungkan elemen-elemen penting dengan tindakan etika seseorang profesional.
- Membincang kepentingan pelbagai aspek etika serta keberkesanan kod etika profesional dalam sesuatu profesion tertentu.

JUR 102/2 – PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini.

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan konsep etika dan peradaban dalam konteks penghayatannya mengikut acuan Malaysia.
- Menganalisis sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kebudayaan merentasi etnik.
- Membincangkan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.

JUS 101/2 – TERAS KEUSAHAWANAN

Kursus keusahawanan merupakan kursus berkredit yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang keusahawan dan perniagaan. Pengetahuan dan pengalaman melalui penglibatan pelajar dengan usahawan dan penghasilan rancangan perniagaan dapat mencetus minat dan memberi gambaran yang lebih jelas tentang dunia keusahawanan. Melalui pengalaman ini, pelajar diharap dapat menerap budaya dan amalan murni keusahawanan dalam amalan harian pelajar. Kaedah pembelajaran adalah secara interaktif, amali, penyediaan rancangan perniagaan, dan pembentangan laporan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan faktor-faktor yang menjadi penentu kepada ciri-ciri usahawan yang berjaya.
- Mengenal pasti ciri-ciri seorang usahawan melalui proses mencari individu yang terlibat dalam perniagaan, menemubual usahawan dan menterjemahkan hasil temubual dalam bentuk laporan.
- Menghasilkan satu dokumen rancangan perniagaan yang menerangkan keseluruhan operasi perniagaan yang dicadangkan.
- Menganalisis laporan rancangan perniagaan melalui perbentangan secara lisan yang membentuk kemahiran berkomunikasi yang baik.

JUE 100/2 – PREPARATORY ENGLISH

JUE 100 is a preparatory English proficiency course offered by the School of Distance Education (PPPJJ), USM. This course is for students who have secured Bands 1, 2 and 3 in MUET. This course focuses on four language skills: reading, writing, speaking and listening, and grammar concepts and vocabulary at the foundation level. These will equip students to communicate effectively in everyday activities, academic and job situations.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- Able to use English to communicate.
- Identify the correct grammatical elements (parts of speech) and vocabulary in sentences.
- Interpret written texts with good comprehension
- Write an essay in an appropriate style
- Analyse extended oral texts on particular topics

JUE 200/2 – ENGLISH I

JUE 200/2 is an intermediate level English proficiency course offered by the School of Distance Education (PPPJJ). This course is for students who have taken JUE 100 (Preparatory English) or for those who have secured a Band 4 in MUET. This course focuses on four language skills namely reading, writing, listening and speaking as well as the grammar concepts and vocabulary. The aim of this course is to equip students with sufficient language skills to demonstrate English language proficiency at the intermediate level. It is hoped that this course would enhance students' interests in English and motivate students to employ English more frequently and effectively in a variety of contexts such as in daily life, academics and work places.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- Able to use English to communicate.
- Identify the correct grammatical elements (parts of speech) and vocabulary in sentences.
- Interpret written texts with good comprehension.
- Write an essay in an appropriate style
- Analyse extended oral texts on particular topics

JUE 300/2 – ENGLISH II

The JUE 300 course is for students who are following or have passed the JUE 200 English course and for students who secured a band 4 score in the MUET. It focuses on the further development of the students' language skills (listening, speaking, reading, and writing) and improving their grammar and vocabulary.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- Identify appropriate grammar and vocabulary in the English language.
- Present ideas clearly and accurately in spoken communication.
- Analyse written texts with good understanding.
- Discriminate relevant information from audio sources.
- Present ideas clearly and effectively in written communication

JUE 402/2 – WRITING FOR PROFESSIONAL PURPOSES

The JUE 402 course is meant for students who have secured a band 5 or 6 scores in MUET. It is an English writing course focusing on writing skills as well as grammar and vocabulary pertinent for professional purposes. This course adopts an integrated communicative approach.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- Prepare documents following professional writing.
- Produce a report of evaluation in a professional manner.
- Illustrate information following appropriate professional writing.

JUL 301/2 – BAHASA MALAYSIA III

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang tidak mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat SPM. Kursus ini menekankan kedua-dua kemahiran iaitu bertutur dan menulis yang setaraf dengan peringkat SPM. Kursus ini meliputi kefahaman, karangan dan meringkaskan karangan. Komponen tulisan menekankan aspek tatabahasa dan struktur ayat. Pelajar wajib lulus kursus ini dengan gred minimum C.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan tatabahasa yang betul.

- Menjawab soalan-soalan berdasarkan kefahaman suatu petikan/karangan.
- Menghasilkan karangan dan ringkasan dengan tatabahasa yang betul berdasarkan tajuk yang diberi.

JUL 401/2 – BAHASA MALAYSIA IV

Kursus ini menekankan tiga bidang utama, iaitu bidang tatabahasa, penulisan dan penaakulan. Dalam bidang tatabahasa, perkara yang menjadi tumpuan adalah penggunaan imbuhan serta struktur frasa dan ayat, dan penggunaan kata pemerian yang betul. Imbuhan-imbuhan yang diberi tumpuan adalah imbuhan **kan**, **-i**, **per-...-an**, **pen-...-an**, dan **-nya**. Dari segi struktur, aspek yang dijadikan tumpuan adalah hukum D-M, ayat pasif yang pelakunya ganti nama diri orang pertama dan kedua, ayat songsang dan majmuk seperti ayat yang bermula dengan **apa...**, ayat yang kata pancangnya ialah **yang mana**, **di mana** dan lain-lain. Bidang penulisan pula, tumpuan diberikan kepada teknik dan strategi penulisan yang baik seperti susunan isi, pengembangan, kepadanan, kesejarahan dan kesatuan dalam pelbagai bentuk karangan: pemerian, penjelasan, penilaian, laporan, analisis, esei, hujahan, perbincangan, kritikan dan rujukan. Manakala dalam aspek penaakulan, perkara yang diutamakan adalah kemahiran menganalisis, mensintesis, menghujah, merumus, dan membezakan sikap dan pendapat daripada fakta dalam penulisan, dan juga keupayaan pelajar meneliti unsur-unsur tersebut dalam teks.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menggunakan tatabahasa Bahasa Malaysia baku yang betul dan tepat semasa membuat tugas dan menjawab soalan peperiksaan.
- Menggunakan teknik serta strategi penulisan yang betul dan berkesan.
- Menghasilkan pelbagai bentuk karangan seperti karangan pemerian, perbincangan dan perbincangan.

